

BIOGRAFI
INDAH NABI YANG
TERCINTA

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

(MALAY)



Disampaikan oleh Pusat Penelitian Islam (Dawate Islami)
Diterjemahkan oleh Departemen Penerjemahan (Dawate Islami)

Biografi Indah Nabi Yang Tercinta ﷺ

Presented in Urdu by

Majlis Al-Madina-tul-'Ilmiyyah (Dawat-e-Islami)

Translated into Indonesian by

Translation Department (Dawat-e-Islami)

Biografi Indah Nabi Yang Tercinta ﷺ
Terjemahan bahasa Indonesia dari 'Aakhiri Nabi Ki Piyari Seerat'



ALL RIGHTS RESERVED

Hak Cipta © 2024 Maktaba-tul-Madinah

Dilarang mengeluarkan semula atau mengedar sebahagian atau keseluruhan buku ini dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada elektronik, bercetak, difotostat, dirakam dan lain-lain, tanpa kebenaran bertulis daripada Maktaba-tul-Madinah.

Tarikh penerbitan: Rabi'-ul-Awwal, 1446 AH (Sep, 2024)
Penerbit: Maktaba-tul-Madinah
Quantity: 5000
ISBN: -

SPONSORSHIP

Sila hubungi kami jika anda ingin menaja percetakan buku agama atau buku kecil untuk menghantar ganjaran pahala kepada ahli keluarga anda yang telah meninggal dunia .

Maktaba-tul-Madinah

Aalami Madani Markaz, Faizan-e-Madinah Muhallah Saudagran, Purani Sabzi Mandi, Bab-ul-Madinah, Karachi, Pakistan

✉ **Email:** maktabaglobal@dawateislami.net – maktaba@dawateislami.net

☎ **Telefon:** +92-21-34921389-93 – 34126999

🌐 **Web:** www.dawateislami.net

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى خَاتَمِ النَّبِيِّينَ
أَمَّا بَعْدُ فَأَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Doa untuk membaca kitab/buku:

Bacalah doa berikut ini sebelum belajar atau membaca buku-buku Islam, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, kita akan ingat apa yang telah kita pelajari.

اللَّهُمَّ افْتَحْ عَلَيْنَا حِكْمَتَكَ وَأَنْشُرْ
عَلَيْنَا رَحْمَتَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Maksudnya:

Ya Allah, Bukalah untuk kami hikmah-Mu dan limpahkanlah kepada kami rahmat-Mu wahai Tuhan yang Maha Mulia dan Maha Agung !

(Al-Mustatraf, jilid 1, m.s. 40)

Catatan: Bacalah selawat ke atas Nabi sekali sebelum dan selepasnya

Isi Kandungan

Kata pengantar	1
Bab 1	1
Kelahiran Nabi Muhammad ﷺ Yang Penuh Berkat.....	1
Keutamaan Selawat ke atas Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	1
Zaman Jahiliah	1
Berkat Kelahiran Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	2
Kelahiran Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ Menerangi Dunia.....	3
Salasilah Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	4
Orang tua Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	6
Bab Kedua.....	7
Masa kanak-kanak Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang Penuh Keberkatan.....	7
Masa Penyusuan	7
Keberkatan Menyusukan Baginda.....	8
Peristiwa di Masa Kecil	9
Beberapa Aspek Indah dari Masa Kecil baginda	11
Berkat Kehadiran Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	13
Tempoh Tinggal Di Bani Sa'ad Dan Kepulungannya.....	14
Bab Ketiga.....	17
Masa Kecil Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang Penuh Keberkatan	17
Dukacita atas Meninggalnya Ibunda Tercinta.....	17
Selepas pemergian Orang Tuanya.....	18
Keberkatan Lebih Lanjut di Masa Kecil.....	19
Perjalanan ke Yaman.....	20
Perjalanan Perdagangan Pertama ke Syam	21
Perjalanan Perdagangan Seterusnya	21

Keterlibatan dalam 'Hilful Fudhul'	22
Bab empat.....	24
Pemuda yang diberkati, Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	24
Perjalanan Perdagangan Kedua ke Syam.....	24
Berkahwin dengan Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا	26
Peranan dalam Pembinaan Kaabah.....	28
Perwatakannya yang mulia hingga ke hari ini	30
Bab 5.....	32
Turunnya Wahyu dan Peringkat Dakwah Islam	32
Ibadat di Gua Hira	32
Permulaan Wahyu dan Pengisytiharan Kenabian.....	33
Permulaan Dakwah Islam dan Tahap Pertama.....	35
Tahap Kedua Dakwah Islam.....	36
Tahap Ketiga Dakwah Islam.....	37
Bab Enam	39
Penindasan Orang-Orang Kafir dan Hijrah ke Abessinia(Habsyah).....	39
Penindasan Orang-orang Kafir terhadap Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	39
Kekejaman orang-orang kafir terhadap para Sahabat yang diberkati	40
Hijrah ke Abessinia(Habsyah).....	42
Bab Tujuh.....	44
Boikot dan Tahun Kesedihan	44
Pengepungan Syi'b Abi Talib.....	44
Tahun Kesedihan	46
Bab lapan	48
Perjalanan Taif dan Hijrah ke Madinah.....	48
Peristiwa Perjalanan Taif.....	48
Hari terberat.....	50
Jin Memeluk Islam	51
Cahaya Islam di kota suci Madinah.....	52
Baiatul Aqabah Al Ula	53
Baiatul Aqabah Ats-Tsaniyah	55
Hijrah ke Madinah	55

Dewan Orang-orang Kafir.....	56
Hijrahnya Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	57
Bab Sembilan.....	59
Dari Hijrah sehingga Perjanjian Hudaibiyah	59
Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ di kota Madinah	59
Pembinaan Masjid Quba dan Permulaan Solat Jumaat	60
Menetap di Kota Madinah.....	61
Pembinaan Masjid Al Nabawi	62
Ansar dan Muhajirin, Bersaudara Antara Satu Sama Lain	63
Perubahan Arah Kiblat	64
Konspirasi Orang Kafir dan Langkah yang Diambil Umat Islam.....	66
Perbezaan Ghazwah dan Sariyyah.....	68
Punca Perang Badar	69
Siapakah yang akan mati, dan di manakah dia akan mati, dalam Perang Badar?.....	72
Perang Badar dan Akibatnya.....	73
Syuhada Badar.....	74
Akibat sebagai Tawanan perang.....	75
Punca Perang Uhud dan Bilangan Askar	75
Pasukan, bersemuka	78
Permulaan Perang.....	78
Beberapa Peristiwa Perang Uhud	79
Peristiwa Raji'	80
Peristiwa Bi'r Maunah.....	81
Ghazwah Bani Nadir	81
Perang Parit (Perang Khandaq) dan Penyebabnya	84
Perang Bani Quraizah	87
Niat untuk pergi Umrah dan Mukjizat yang Menakjubkan	87
Perjanjian Hudaibiyah dan Puncanya	90
Bab Sepuluh.....	92
Selepas Perjanjian Hudaibiyah sehingga Kewafatan Baginda	92
Raja-raja Diundang untuk Masuk Islam	92

Perang Khaibar dan Puncaknya	95
Melaksanakan Umrah Qada	98
Penyebab Terjadinya Perang Mu'tah	100
Perang Mu'tah	100
Sebab Penaklukan Kota Mekah	102
Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memasuki Kota Mekah	104
Perbuatan Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang penuh kasih sayang..	107
Perang Hunain.....	108
Perang Tabuk.....	109
Sayidina Abu Bakar As-Siddiq رَضِيَ اللهُ عَنْهُ sebagai Pemimpin Haji	111
Kedatangan delegasi (perwakilan)	112
Sebab banyaknya Delegasi (perwakilan)	113
Delegasi(perwakilan) dari Kindah	114
Delegasi(perwakilan) dari Fazarah	115
Delegasi(perwakilan) dari suku Saad Bin Bakar	115
Haji Perpisahan (Haji Wada')	117
Khutbah Perpisahan.....	118
Kesan Besar Khutbah Perpisahan	119
Pembahagian Rambut yang diberkati	120
Sakit Terakhir dan Kewafatan yang Diberkati	121
Bab Sebelas	124
Sifat-sifat dan Rupa Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang penuh berkat	124
Rupa yang Diberkati	124
Makanan kegemaran.....	127
Pakaian kegemaran	128
Haiwan tunggangan yang diberkati.....	128
Tabiat dan Adab yang diberkati.....	128
Kebajikan dan Perwatakan.....	130
Ayat Al Quran dan Kemuliaan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	133

Perintah untuk memohon ampun ketika berhadapan dengan Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	133
Khabar Baik berkenaan Kedatangan Rasulullah dan Perintah untuk Beriman kepadanya	133
Menyatakan Kemuliaan dan Martabat Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	134
Sifat-sifat Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dan Cintanya kepada Umat	135
Peristiwa Israk Mikraj Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dari Masjid Al Haram ke Masjid Al Aqsa	135
Rahmat Nabi Yang Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	136
Kenabian Sejagat (merangkumi seluruh dunia) Nabi Muhammad ﷺ	136
Kemuliaan dan Martabat Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	137
Ungkapan keagungan Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ melalui sumpah....	138
Kurnia Allah عَزَّوَجَلَّ yang Diberikan kepada Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	138
Penganugerahan Kebaikan yang Tidak Terkira banyaknya kepadanya.....	139
Kemuliaan Nabi Berdasarkan Hadis yang diberkati.....	139
Pemimpin Semua Keturunan Adam.....	139
Lima Sifat Rasulullah.....	140
Pertama di kalangan para Nabi.....	140
Kemuliaan Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dalam Kata-kata Umar	141
Bab Dua Belas.....	145
Keluarga, Kerabat, dan Sahabat Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	145
Keluarga Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	145
Kerabat (saudara) susuan Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ ...	147
Saudara susuan.....	148
Saudari susuan:.....	149
Isteri-isteri Nabi Muhammad (Ummahatul Mukminin)	149
Keturunan yang paling diberkati.....	152

Ghazwah (perang) dan Sariyyah (ekspedisi) Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	155
Beberapa Benda yang kerap digunakan oleh Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ	158
Haiwan tunggangan dan Haiwan peliharaan Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang lain	159
Unta.....	159
Ayam jantan putih	160
Kambing	160
Bab Tiga Belas.....	161
Sekilas tentang Biografi Nabi.....	161

Kata pengantar

Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ ialah seorang manusia yang paling sempurna dan berjaya dalam sejarah umat manusia. Kehidupan baginda yang diberkati melambangkan kebajikan untuk semua aspek kehidupan umat manusia. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bukan sahaja seorang Nabi dan Rasul, tetapi juga seseorang yang menyeru kepada kebenaran, seorang pembaharu, seorang intelektual, seorang pemimpin, seorang pemidato, seorang ketua negara, pemberi sokongan, seorang pendidik, seorang hakim, seorang guru, dan pembimbing rohani; Pendek kata, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ adalah pembimbing dalam setiap aspek kehidupan masyarakat. Itulah sebab mengapa kita menemui petunjuk lengkap yang berkaitan dengan setiap aspek kemanusiaan di dalam kehidupannya yang penuh keberkatan.

Mengambil kira tahap keperluan dan kepentingannya, Maulana Haji Muhammad Imran Attari, Pengerusi Majlis Syura Pusat Dawate Islam, menyatakan kepada Pusat Penyelidikan Islam Dawate Islami hasratnya agar buku ringkas seperti ini dapat ditulis. Biografi tentang Nabi terakhir yang diberkati iaitu Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, dipersembahkan dalam bahasa yang mudah difahami supaya orang awam terutama kanak-kanak dan remaja (pelajar sekolah dan mahasiswa) mudah membacanya.

Beliau memulakan projek yang baik ini dengan mengerjakan beberapa muka surat pertama Biografi Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ Yang diberkati dan kemudian menyerahkannya kepada Pusat Penyelidikan Islam (Dawate Islami) untuk disiapkan.

Kebetulan hanya beberapa hari sebelum adanya permintaan daripada Pengerusi dewan syura, ketua Pusat Penyelidikan Islam, anggota dewan syura, Maulana Muhammad Shahid Attari Al Madani,

menubuhkan sub-Jabatan di bawah Pusat Penyelidikan Islam, iaitu, “Jabatan Sejarah Mustafa”, untuk mengusahakan biografi Baginda Nabi mengikut keperluan atau permintaan semasa. Atas dasar kebajikan Anggota dewan Syura, karya terhormat ini diserahkan kepada jabatan ini, yang menyiapkan buku ringkas ini dalam masa yang singkat.

Maulana Muhammad Hamid Siraaj Al Madani Al Attari (saudara muslim yang bertanggungjawab ke atas sub-jabatan “Sejarah Mustafa”) yang mendapat keistimewaan untuk mengusahakan projek ini, manakala Maulana Muhammad Rashid Ali Al Madani (Timbalan editor majalah bulanan, Faizane Madinah) dan Maulana Muhammad Jaan Al Madani Al Attari (penolong sub-jabatan “Sejarah Mustafa”) memberi kerjasama sepenuhnya. Butiran projek adalah seperti berikut:

- ❖ Pertama sekali, kehidupan penuh berkat Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ ditulis secara berurutan. Seterusnya, untuk memudahkan pembaca, ia kemudiannya dibahagikan kepada beberapa bahagian, kemudian disusun kepada beberapa bab.
- ❖ Selepas itu, keseluruhan kandungan dirujuk, diteliti (dari sudut syariah), dan dibandingkan.
- ❖ Supaya buku ini dapat difahami semudah mungkin, maka digunakan perkataan dan ayat yang mudah. Selepas menyiapkan buku itu, kandungannya diberikan kepada orang awam untuk dibaca. Lebih daripada 100 perkataan dan lebih daripada dua dozen kalimat, yang dia dapati sukar difahami, telah ditukar kepada bahasa Urdu yang lebih mudah.

- ❖ Rancangan asalnya adalah untuk membentangkan biografi Nabi Muhammad ﷺ ini hanya dalam 63 hingga 92 muka surat. Maka dengan mengingati betapa ringkasnya buku ini, terdapat banyak peristiwa dalam biografi Nabi Muhammad ﷺ yang disampaikan disini dibincangkan secara ringkas. Untuk mengetahui biografi lengkap, sila baca dua buah buku terbitan Maktaba tul Madinah, “Sejarah Mustafa” (Biografi Nabi ﷺ dan “Sejarah Rasul Tercinta ” (Biografi Rasullullah ﷺ).
- ❖ Banyak usaha telah dilakukan untuk menyampaikan maklumat terkini tentang tempat-tempat yang berkaitan dengan biografi Nabi Muhammad ﷺ ini (iaitu demografi geografi, jarak dari Mekah atau Madinah, jarak melalui jalan raya, iklim, penamaan semasa, dan sebagainya. Maklumat ini diperoleh daripada pelbagai laman web dan beberapa buku bahasa Arab)
- ❖ Semua ayat Al-Quran telah ditulis dalam skrip Al-Quran dan rujukan lengkap juga telah diberikan. Terjemahan Al Quran oleh Imam Ahlussunnah, Imam Ahmad Raza Khan رَحْمَةُ اللهِ عَلَيْهِ, iaitu “Kanzul Iman”, terbitan Maktabatul Madina, telah disertakan.
- ❖ Gambar dari berbagai tempat dan peta dari beberapa pertempuran juga telah disertakan.
- ❖ Syama`il dan Khasa`is (penerangan yang indah dan sifat-sifat luar biasa Nabi Muhammad ﷺ merupakan aspek keemasan biografi Nabi dan contoh yang baik bagi umat Islam. Oleh itu, beberapa Syama`il dan Khasa`il turut dimuatkan dalam buku ini. Begitu juga di akhir kitab ini beberapa ayat dan hadis berkenaan kebesaran Nabi Muhammad ﷺ juga telah dimuatkan

beserta maklumat tentang objek dan benda yang biasa digunakan oleh Nabi tercinta Muhammad ﷺ.

- ❖ Kisah lengkap kehidupan Nabi Tercinta ﷺ telah dimuatkan secara ringkas di penghujung buku dengan tajuk, “Sekilas Kehidupan Nabi”.
- ❖ Bagi mengelakkan kesilapan syarii dalam buku ini, pemeriksaan syariah juga telah dijalankan oleh Yang Berhormat Mufti Darul Ifta Ahlulsunnah, Mufti Muhammad Abdul Majid Al Attari Al Madani.

Semoga Allah ﷻ menerima usaha kita ini dan menjadikannya bermanfaat bagi masyarakat, khususnya para pelajar.

أَمِينٌ بِجَاهِ خَاتَمِ النَّبِيِّينَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ

Jabatan “Biografi Nabi Mustafa” (Pusat Penyelidikan Islam)

Syaaban Al Mu’azzam 1442 H/Mac 2021

Bab 1

Kelahiran Nabi Muhammad ﷺ Yang Penuh Berkah

Keutamaan Selawat ke atas Nabi ﷺ

Rasulullah ﷺ telah bersabda:

لَا تَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ قُبُورًا وَلَا تَجْعَلُوا أَقْبَرِي عِيدًا وَصَلُّوا عَلَيَّ فَإِنَّ صَلَاتَكُمْ تَبْلُغُنِي حَيْثُ كُنْتُمْ

*'Jangan jadikan rumah-rumah kalian sebagai kuburan dan jangan jadikan kuburanku sebagai hari raya, dan berselawatlah kepadaku. Sesungguhnya selawat kalian akan sampai kepadaku dimanapun kalian berada.'*¹

Zaman Jahiliyah

Tujuan asas penciptaan manusia adalah untuk menyembah Allah ﷻ dan mentaati-Nya, tetapi manusia menjadi lalai terhadap matlamat ini kerana kilauan dunia dan pujukan hawa nafsu serta tipu daya Syaitan. Untuk mengingatkan manusia tentang matlamat ini dan membimbing mereka ke jalan yang benar, Allah ﷻ mengutus

¹ Abu Dawud, jilid. 2, m.s. 315, Hadis 2042

banyak Nabi dari pelbagai zaman. Para nabi-nabi yang diberkati akan membuat manusia mengenali kembali tujuan penciptaan mereka yang sebenarnya dan membimbing mereka. Para nabi yang diberkati akan membuat manusia mengenali semula tujuan sebenar penciptaan mereka dan membimbing mereka. Nabi-nabi ini diutus kepada bangsa atau kaum tertentu dan tempat-tempat tertentu pada zaman yang berbeza-beza. Pada akhirnya Allah ﷻ mengutus Kekasih-Nya ﷺ sebagai Nabi untuk seluruh alam semesta sehingga hari Kiamat.

Ajaran para nabi terdahulu telah dilupakan sebelum kedatangan Rasulullah ﷺ. Seluruh dunia tenggelam dalam kegelapan dan kejahilan (jahiliah).

Banyak kejahatan telah melanda semua bangsa di dunia. Semenanjung Arab, khususnya, berada dalam keadaan yang sangat teruk. Kekejaman dan ketidakadilan, tidak sopan dan tidak senonoh, pertengkaran, perjudian dan pengambilan arak yang berlebihan, pembunuhan beramai-ramai, tabiat jahil, penyembahan berhala, dan kesombongan telah menyebabkan kegelapan dan kejahilan (jahiliah) tersebar ke mana-mana.

Berkat Kelahiran Nabi Muhammad ﷺ

Dalam keadaan sedemikian, Rasulullah ﷺ lahir. Peristiwa-peristiwa tertentu yang berlaku pada masa kelahirannya yang diberkati adalah berita baik, menunjukkan bahawa kini telah tiba zaman cahaya Islam akan menghapuskan kegelapan kekufuran.

Istana Nausyerwaan ditimpa gempa bumi, yang menyebabkan empat belas tiang bangunan runtuh; api yang terus menyala selama berabad-abad di tempat ibadat para penyembah api di Iran tiba-tiba padam; “Sungai Sawa” yang mengalir deras tiba-tiba kering; Peristiwa-peristiwa ini berlaku dan banyak lagi peristiwa serupa menunjukkan bahawa perubahan besar kini telah berlaku dan era baru telah bermula.

Kelahiran Nabi Muhammad ﷺ Menerangi Dunia

Dalam keadaan sedemikian, sinar kemuliaan dan kegembiraan terpancar di rumah Sayidah Aminah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا yang tampak sederhana, dan Nabi Suci Muhammad ﷺ lahir. Ibunya bukan sahaja gembira atas kelahirannya yang diberkati, tetapi kelahirannya juga membawa kebahagiaan kepada semua orang yang bersehid dan menderita.

Baginda ﷺ berasal dari Bani Hasyim, salah satu bahagian dari bangsa Quraisy, iaitu suku Arab yang terkenal. Keluarganya ialah keluarga yang paling unggul dari semua keluarga. Rasulullah ﷺ telah bersabda: “Allah عَزَّوَجَلَّ menjadikan 'Kinanah' mulia di antara keturunan Sayidina Ismail عَلَيْهِ السَّلَام, dan memilih Quraisy di antara 'Kinanah', dan memilih 'Bani Hasyim' di antara 'Quraisy', dan memilih aku di antara 'Bani Hasyim'.”¹

¹ Muslim, m.s. 962, Hadis 5938

Menurut riwayat yang terkenal, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dilahirkan 55 hari selepas peristiwa (pasukan bergajah Abrahah dikalahkan oleh burung ababil) pada hari Isnin, 12 Rabiul Awwal, bertepatan dengan tarikh 20 April 571 M, pada saat fajar menyingsing, ketika kegelapan malam mula berlalu dan pagi mula menyingsing, di rumah ibunya di Mekah Al Mukarramah.^{1,2}

Salasilah Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ

Adapun salasilah baginda yang diberkati dari sebelah ayahnya adalah sebagai berikut:

- | | |
|------------------------|---------------|
| 1. Sayidina Muhammad ﷺ | 12. Bin Fihar |
| 2. Bin Abdullah | 13. Bin Malik |
| 3. Bin Abdul Muthalib | 14. Bin Nadar |

¹ Nama penuh kota suci Mekah ialah Mekah Al Mukarramah. Ini adalah salah satu kota paling penting dan kuno di dunia. Kiblat seluruh umat Islam, Kaabah suci, yang dibina oleh Sayidina Ibrahim عَلَيْهِ السَّلَام dan anaknya, Sayidina Ismail عَلَيْهِ السَّلَام, terletak di sana. Kini, keluasan kota ini ialah 760 Kilometer persegi. Kota ini terletak pada jarak kira-kira 80 batu dari laut dan 277 meter dari aras laut. Iklim bandar ini agak panas. Pada musim panas, cuaca sangat panas dan suhu biasanya meningkat sehingga 40 °C. Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menghabiskan kira-kira 53 tahun kehidupannya yang diberkati di kota suci Mekah.

² Madarij Al-Nubuwwah, bahagian 1, jilid. 2, m.s. 14, dipilih

- | | |
|-------------------|-----------------------------|
| 4. Bin Hasyim | 15. Bin Kinanah |
| 5. Bin Abd Manaaf | 16. Bin Khuzaymah |
| 6. Bin Qusay | 17. Bin Mudrikah |
| 7. Bin Kilaab | 18. Bin Ilyas |
| 8. Bin Murrah | 19. Bin Mudar |
| 9. Bin Ka'ab | 20. Bin Nizaar |
| 10. Bin Lu`ai | 21. Bin Ma'd |
| 11. Bin Ghalib | 22. Bin Adnan. ¹ |

Salasilah baginda yang diberkati dari sebelah ibunya adalah sebagai berikut:

1. Sayidina Muhammad ﷺ
2. Bin Aminah
3. Binti Wahab
4. Bin Abd Manaaf

¹ Al Seeratun Nabawiyah karangan Ibnu e Hisham, jilid. 1, m.s. 89 - 103, dirangkum

5. Bin Zuhrah

6. Bin Kilaab.¹

Orang tua Nabi Muhammad ﷺ

Ayahnya ialah Sayidina Abdullah رضي الله عنه, yang tiada tandingan dari segi rupa dan perwatakan. Beliau wafat sebelum kelahiran Nabi صلى الله عليه وآله وسلم pada usia 25 tahun.²

Ibunya bernama Sayidah Aminah رضي الله عنها. Dari segi keturunan dan bangsawan, beliau adalah yang paling unggul di kalangan wanita Quraisy. Selepas ayah Nabi meninggal dunia, beliau رضي الله عنها membesarkan anak kesayangannya.

¹ Al Seerat un Nabawiyah oleh Ibn e Hishaam, jilid. 1, m.s. 238, dirangkum

² Al Seerat un Nabawiyah oleh Ibn e Hishaam, jilid. 1, m.s. 89-103, dirangkum

Bab Kedua

Masa kanak-kanak Nabi Tercinta Muhammad ﷺ yang Penuh Keberkatan

Masa Penyusuan

Sudah menjadi kebiasaan para bangsawan Mekah bahawa daripada meninggalkan anak-anak mereka dalam jagaan ibu mereka, mereka menghantar anak-anak mereka ke suku-suku yang tinggal di kawasan luar bandar (desa) untuk menjalani masa kanak-kanak bagi anak-anak mereka di sana. Ini kerana mereka mahu anak-anak mereka makan makanan semula jadi supaya organ dan badan mereka sihat dan kuat, supaya mereka juga boleh berbahasa Arab dengan fasih seperti ibu bapa mereka selepas mempelajari bahasa Arab yang paling tulen di kawasan luar bandar ini.

Atas sebab ini, Nabi Tercinta Muhammad ﷺ diserahkan kepada Sayidah Halimah As Sadiyyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا. Sayidah Halimah berasal dari suku Bani Saad yang merupakan bahagian daripada Bani Hawazin.¹ Suku ini tiada duanya dalam kefasihan dan bahasa Arab

¹ Bani Sa'ad terletak pada jarak 15 hingga 20 kilometer dari sebuah kampung bernama Shuqsaa, yang terletak di laluan dari Mekah ke Ta'if. Kawasan ini tidak tandus sepenuhnya. Perladangan boleh dilakukan di beberapa tempat. Iklim dan cuaca di kawasan ini sangat baik untuk kesihatan. Nama kampung Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا adalah 'Shawhatah'. Tempat ini juga disebut 'Shuhtah'. Jaraknya sekitar 153 Kilometer dari Mekah melalui jalan darat.

standard. Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا datang ke kota Mekah bersama para wanita sukunya untuk mengambil seorang anak untuk disusui. Keberuntungan Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا berada pada kemuncaknya di mana ia diberi keistimewaan untuk menyusui Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ selama dua tahun.¹

Keberkatan Menyusukan Baginda

Mengikut beberapa riwayat, selain Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, ada enam lagi wanita beruntung yang turut mendapat keistimewaan menyusukan Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ. Semua wanita ini dikurniakan anugerah iman.²

Keberkatan yang diperoleh Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا kerana menyusui Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ adalah seluruh isi rumahnya diperkaya dengan kurniaan iman.

Suaminya ialah Sayidina Harits رَضِيَ اللهُ عَنْهُ,³ anak mereka ialah Abdullah Bin Harits رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, dan dua anak perempuan mereka ialah Unaisah Binti Harits رَضِيَ اللهُ عَنْهَا dan Judamah Binti Harits رَضِيَ اللهُ عَنْهَا. Adapun Judamah Binti Harits, juga dikenali sebagai Syaima, merupakan kakak kepada Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ. Beliau akan menghiburkan

¹ Berasal dari Sharh Al Zurqaani 'ala Al Mawahib, jilid. 1, m.s. 278

² Seerat e Halbiyyah, jilid. 1, m.s. 124, dirangkum

³ Dia ialah seseorang yang beriman, dan mendapat karunia menemani Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang penuh keberkatan. Apalagi dia turut hadir di majlis Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ. (Fatawa Razawiyyah, jilid. 30, m.s. 293)

baginda dalam pelukannya dan menenangkannya dengan lagu pengantar tidur.¹

(Kapsyen/Keterangan) Peta yang menunjukkan perjalanan dari Mekah ke Bani Sa'ad

Insert image (sisipan gambar)

Peristiwa di Masa Kecil

Apabila Sayidah Halimah As Sa'diyyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا sampai di rumah Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ untuk membawanya, sayidah Halimah berkata: “Aku melihat Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dibalut dengan kain putih yang harumannya terpancar daripadanya; kain sutera hijau terbentang di bawahnya dan bersandar pada bahagian belakang badan baginda yang diberkati. Ketika aku menghampirinya perlahan-lahan, mengangkatnya, dan meletakkan tanganku di dadanya yang diberkati, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mula tersenyum. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ membuka matanya yang penuh dengan celak dan mula memandangkanku. Aku merasakan cahaya memancar dari matanya dan mencapai langit. Aku secara spontan mencium di antara kedua matanya dan memeluknya.”²

¹ Tabaqaat Ibn Saad, jilid. 1, m.s. 89

² Madarij-un-Nubuwwah, vol. 2, m.s. 19, dirangkum

Apabila sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا duduk untuk menyusukannya, keberkatan kenabian mula terlihat. Maha Suci Allah! عَزَّوَجَلَّ! Susu dadanya bertambah banyak sehingga Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dan saudara susuannya, Abdullah bin Harits رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, menyusu sehingga kenyang dan kedua-duanya tidur nyenyak.

Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan menyusu hanya dari satu sisi; dan baginda tidak akan menyusu dari sisi yang lain, kerana ia adalah bahagian saudara lain yang sesusuan. Ini menunjukkan bahawa Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan menegakkan keadilan.

Kerana keberkatannya juga, unta betina Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, yang lemah dan tidak mengeluarkan susu, serta-merta menghasilkan susu yang banyak. Suami Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا memerah susu unta betina tersebut dan mereka berdua meminum susu itu sehingga kenyang. Mereka bermalam dengan sangat selesa dan tidur nyenyak sepanjang malam.

Ketika mereka bangun, Harits Bin Abd Al 'Uzza رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, suami Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, berkata: “Halimah, kamu telah membawa seorang anak yang sangat diberkati.” Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا menjawab: “Saya juga berharap anak ini diberkati dan datang kepada kita sebagai rahmat daripada Allah عَزَّوَجَلَّ. Tidak lama lagi, rumah kita akan dipenuhi dengan kebaikan dan keberkatan.”¹

¹ Seerat e Halbiyyah, jilid. 1, m.s. 32, dirangkum

(kapsyen / keterangan) Rumah Sayidah Halimah As Sa'diyyah

رَضِيَ اللهُ عَنْهَا

tempat Nabi tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ

menghabiskan masa kecilnya yang penuh keberkatan

Insert image (sisipan gambar)

Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا menyatakan: “(apabila) kami berangkat ke kampung kami dari kota Mekah bersama Nabi Suci tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, baghal (kendaraan haiwan yang mempunyai badan yang lebih tegap / hasil daripada pengawanan antara kuda dan keldai) yang tertinggal di belakang seluruh kafilah/rombongan dalam perjalanan kerana lemahnya haiwan tersebut, mula berjalan dengan begitu pantas sehingga tiada haiwan tunggangan lain dapat menandinginya.”¹

Beberapa Aspek Indah dari Masa Kecil baginda

Ketika Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ datang kepada Sayidah Halimah As Sa'diyyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, haiwan-haiwan ternakannya mula bertambah bilangannya, kehormatannya bertambah, dan dia mula memperoleh kebaikan dan keberkatan.

¹ Madarij un Nubuwwah, jilid. 2, m.s. 20, dirangkum

Selama Nabi Tercinta Muhammad ﷺ berada di sana, rumah Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا sentiasa dipenuhi dengan kebaikan dan keberkatan. Keberkatan itu terus bertambah dari hari ke hari dan semua anggota keluarga mula hidup sejahtera.

Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا menyatakan: “Aku berasa sangat selesa menjaganya apabila baginda ﷺ masih dalam usia menyusu. Baginda ﷺ tidak akan menjerit atau menangis seperti kanak-kanak lain.

Baginda ﷺ mula merangkak pada usia 2 bulan, berdiri pada usia 3 bulan, berjalan ke semua arah dengan bersandar pada dinding pada usia 4 bulan, dan boleh berjalan dengan baik pada usia 5 bulan. Pada usia 8 bulan, baginda ﷺ mula bercakap dengan cara yang boleh difahami dengan jelas; dan pada usia 9 bulan, baginda ﷺ mula bercakap dengan sangat fasih.”¹

Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا menambahkan lagi: “Kalimat yang baginda ucapkan pada usia awal ialah اللهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا (Terjemahan: Allah عَزَّوَجَلَّ Maha Besar, dan segala puji bagi Allah عَزَّوَجَلَّ). Semasa di dalam buaiannya, Baginda ﷺ dapat bercakap dengan bulan, dan bulan akan tunduk ke arah mana pun yang baginda ﷺ tunjuk.”²

¹ Madarij An Nubuwwah, jilid.2, m.s. 20

² Jam' ul Jawami', jilid. 3, m.s. 212, Hadis 8361

Berkat Kehadiran Nabi Muhammad ﷺ

Sayidah Halimah رضى الله عنها menyebutkan keberkatan Nabi Tercinta Muhammad ﷺ sebagai berikut:

- ❖ Suku ku, Bani Sa’ad, sedang mengalami kemarau. Apabila aku sampai di suku ku bersamanya, kemarau berakhir serta-merta. Tanah menjadi hijau subur, pokok-pokok dipenuhi dengan buah-buahan, dan ternakan menjadi sangat sihat.
- ❖ Suatu hari, jiranku berkata padaku: “Wahai Halimah! Rumah Anda tetap terang sepanjang malam. Apa sebabnya?” Aku pun menjawab: “Cahaya ini tidak datang dari mana-mana pelita, tetapi dari cahaya wajah (Nabi) Muhammad ﷺ.”
- ❖ Aku mempunyai tujuh ekor kambing. Ketika Aku menggerakkan tangannya yang diberkati ke arah kambing-kambing itu, dengan berkatnya, kambing-kambing itu mula mengeluarkan susu sebanyak mungkin sehingga hasil susu sehari akan cukup untuk 40 hari. Bukan itu sahaja, kambing-kambing itu juga mendapat keberkatan, bilangannya bertambah banyak. Bilangannya berkembang menjadi 700 ekor, daripada sebelumnya hanya 7 ekor sahaja.
- ❖ Orang-orang di suku ku pernah berkata kepadaku: “Berikan kami sebahagian daripada keberkatannya juga!” Oleh itu, Aku meletakkan kakinya yang diberkati ke dalam kolam berisi air dan menyuruh kambing-kambing dari suku ku itu untuk meminum air tersebut. Dengan begitu, kambing-kambing mereka juga

melahirkan banyak anak dan menghasilkan susu yang banyak serta menjadikan suku tersebut makmur dan kaya.

- ❖ Apabila kanak-kanak memanggilnya untuk bermain, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan berkata: “Aku tidak diciptakan untuk bermain.”
- ❖ Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan pergi ke kawasan luar bandar atau lembah padang rumput bersama anak-anakku di mana kambing-kambing ternakan akan meragut. Pada suatu hari, anakku berkata kepadaku: “Ibuku tersayang! (Nabi) Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memiliki keagungan yang luar biasa. Mana-mana ladang yang baginda datangi, ladangnya menjadi hijau subur; awan menaunginya di bawah sinar matahari; kakinya tidak meninggalkan kesan di padang pasir; batu itu menjadi lembut seperti doh tepung di bawah kakinya, tidak meninggalkan kesan padanya; (dan) binatang-binatang di luar bandar atau di lembah-lembah padang rumput mencium kakinya yang diberkati.”¹

Tempoh Tinggal Di Bani Sa’ad Dan Kepulangannya

Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا dan keluarganya terus mengamati keberkatan Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ setiap saat. Mereka terus memperoleh keberkatan baginda dan membentuk takdir mereka kerana kebajikannya.

¹ Al Kalaam Al Awdah fi Tafsir Alam Nashrah (Anwar e Jamal e Mustafa), m.s. 107-109, dirangkum

Tidak lama kemudian, dua tahun telah berlalu. Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا menceraikan susu dan membawanya kepada ibunya, Sayidah Aminah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, mengikut perjanjian. Sayidah Aminah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا memberkati Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا dengan hadiah mengikut kemampuannya. Melihat keberkatan Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا benar-benar ingin baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ untuk meluangkan lebih banyak masa bersamanya di sukunya.

Secara kebetulan pada hari yang sama, berlaku wabak di kota suci Mekah. Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا meyakinkan Sayidah Aminah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا untuk menghantar Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ kepada sukunya untuk beberapa lama lagi supaya baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dapat tetap aman daripada wabak penyakit.

Dengan cara ini, keinginan tulus Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا terpenuhi, dan rumahnya sekali lagi diterangi oleh anak tercinta. Sayidah Aminah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, dan rumahnya sekali lagi menjadi pusat rahmat dan keberkatan atas kehadiran Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tetap tinggal dengan suku Bani Saad selama lebih kurang empat tahun. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ juga membawa kambing untuk digembala bersama adik-beradik susuannya di sana. Memelihara kambing selepas dibawa ke padang rumput (menggembala kambing) adalah sunnah hampir semua Nabi عَلَيْهِمُ السَّلَامُ melakukannya. Salah satu sifat kenabian Baginda tampak صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ di masa kecilnya melalui tindakan ini.

Ketika peristiwa Syaqq As Sadr (membelah dada) pertama kali terjadi di suku Bani Saad, perkara itu membuat Sayidah Halimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا,

bimbang dan sayidah Halimah membawanya kepada Sayidah Aminah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, dan menyerahkannya. Selepas itu, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dibesarkan oleh ibunya tercinta.

Insert image (sisipan gambar)

Syaq As Sadr bermaksud membelah dada. Para malaikat membelah dada Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang diberkati, mengambil hatinya dan membersihkannya. Tindakan ini dinamakan Syaq As Sadr. Tindakan ini dilakukan empat kali dalam kehidupannya yang penuh berkat. Kali pertama ia dilakukan pada usia empat tahun, yang kedua pada usia sepuluh tahun, yang ketiga pada usia 40 tahun, dan yang keempat sebelum perjalanan Mikraj. Adalah diketahui bahawa lembah Bani Sa'ad adalah tempat di mana pembelahan yang pertama berlaku.

Bab Ketiga

Masa Kecil Nabi Tercinta ﷺ yang Penuh Keberkatan

Dukacita atas Meninggalnya Ibunda Tercinta

Ketika Rasulullah ﷺ berusia enam tahun, ibunya yang diberkati membawanya ke kota Madinah untuk menziarahi keluarga ibu sebelah ayah (keluarga nenek). Sayidah Ummu Aiman رضى الله عنها turut menemani mereka dalam perjalanan ini. Dia ialah pembantu ayahnya.

Apabila kembali ke kota Mekah, ibu Nabi Tercinta Muhammad ﷺ meninggal dunia dalam perjalanan, tepatnya di Abwa¹ dan kemudian dikebumikan di tempat yang sama. Ayahnya sudah meninggal, dan sekarang ibunya juga telah meninggal. Sayidah Ummu Aiman رضى الله عنها mengesat air mata baginda, menghiburnya, membawanya kembali ke kota Mekah, dan menghantarkan baginda Nabi kepada datuknya yang bernama Sayidina Abdul Muttalib رضى الله عنه.

¹ Abwa adalah sebuah lembah yang terletak di antara kota Mekah dan kota Madinah dalam arah yang sama dengan laut. Jaraknya hampir 261 kilometer dari kota Mekah, dan 222 kilometer dari kota Madinah. Salah satu Ghazwah (Perang yang disertai secara langsung oleh Nabi Muhammad ﷺ. Wiktionary) juga berlaku di Lembah Abwa tetapi tidak sampai berlaku pertempuran . Kini, Lembah Abwa dikenali sebagai Khuraibah.

Selepas pemergian Orang Tuanya

Selepas pemergian orang tuanya, Nabi tercinta Muhammad ﷺ diasuh oleh datuknya yang bernama Abdul Muttalib رضى الله عنه. Beliau ialah pemimpin kota Mekah. Beliau sangat menyayangi cucunya yang diberkati; beliau sentiasa bersama baginda Nabi setiap masa, beliau akan membawa baginda Nabi duduk bersamanya, beliau memberinya makan secara langsung, dan akan menidurkannya di sisinya pada waktu malam.

Sebuah takhta khas diletakkan di halaman sekitar Kaabah untuk diduduki oleh Abdul Muttalib. Bahkan Pegawai yang berpengaruh pun tidak berani memijaknya, tetapi apabila Rasulullah ﷺ datang, tanpa teragak-agak baginda akan tampil ke hadapan dan duduk di kerusi datuknya.¹ Kemudian ketika baginda ﷺ berusia lapan tahun, datuknya meninggal dunia.²

Selepas itu, baginda ﷺ diasuh oleh bapa saudaranya yang bernama Abu Talib. Mengenai masa kanak-kanaknya yang diberkati, Abu Talib berkata: “Aku tidak pernah melihat Nabi tercinta Muhammad ﷺ berbohong, menipu sesiapa, menyakiti sesiapa, pergi bermain dengan kanak-kanak atau bercakap tidak senonoh atau tidak sopan. Baginda sentiasa mempunyai sikap yang tegas, sifat-sifat mulia, berakhlak mulia, dan baginda sentiasa

¹ Al Seerat un Nabawiyah, jilid. 1, m.s. 306

² Sharh Al Zurqaani ‘ala Al Mawahib, jilid. 1, m.s. 306

mengucapkan kata-kata yang sangat lembut, sangat soleh, dan mengekalkan kesucian ke tahap yang tertinggi.”¹

Keberkatan Lebih Lanjut di Masa Kecil

Pada usia 8 tahun, apabila bapa saudaranya Abu Talib memikul tanggungjawab penjagaan. Abu Talib juga mendapat banyak kebaikan dan keberkatan. Abu Talib sangat mengasihi Nabi sehingga lebih daripada dia mengasihi anaknya sendiri, dan tidak akan membiarkan baginda hilang dari pandangannya.

Abu Talib menyatakan: “Setiap kali anak-anakku makan makanan (sebelum Nabi Tercinta Muhammad ﷺ), mereka tidak akan berasa kenyang, tetapi sejak Nabi tercinta Muhammad ﷺ mula makan bersama mereka, maka semua anak-anakku akan berasa kenyang. Oleh itu, setiap kali aku ingin memberi makanan kepada anak-anakku, maka aku akan berkata: “Berhenti! Tunggu sehingga anakku (Muhammad ﷺ) tiba, kemudian mula makan.”

Begitu juga, setiap kali Abu Talib ingin memberi susu kepada anak-anaknya, Abu Talib terlebih dahulu akan memberikannya kepada Nabi Muhammad ﷺ yang dikasihinya, dan kemudian kepada anak-anaknya yang lain (dan susu itu akan cukup untuk mereka semua). Jika salah seorang anak lelakinya minum susu terlebih dahulu, maka semua susu itu akan habis oleh anaknya itu

¹ Seerat e Mustafa, m.s. 83

sendiri. Melihat perkara ini, Abu Talib berkata: “Wahai Muhammad! Apa yang boleh dikatakan tentang keberkatan ini!”¹

Perjalanan ke Yaman

Ketika Nabi tercinta Muhammad ﷺ berusia 10 tahun, baginda ﷺ pergi ke Yaman bersama bapa saudaranya, Zubair bin Abdul Muttalib. Dalam perjalanan, satu peristiwa yang sangat pelik berlaku.

Seekor unta menghalang orang daripada melalui lembah. Apabila unta itu melihat Nabi Tercinta Muhammad ﷺ, unta itu duduk dan mula menggosok dadanya ke tanah. Nabi Tercinta Muhammad ﷺ turun dari untanya sendiri dan menaiki unta tersebut. Apabila baginda ﷺ sampai ke seberang lembah, baginda meninggalkan unta itu.

Ketika pulang dari perjalanan itu, baginda ﷺ melihat air telah membanjiri lembah. Baginda ﷺ meminta orang-orang Quraisy untuk mengikutinya. Baginda ﷺ masuk ke lembah dan semua orang Quraisy mengikutinya. Allah عزوجل membuat air itu surut. Apabila orang ramai pulang ke kota Mekah, mereka memberitahu semua orang tentang kejadian ini. Mendengar ini, mereka semua berkata bahawa keberkatan yang agung anak ini tiada tandingannya.²

¹ Dalaa`il un Nubuwwah, jilid. 1, m.s. 95

² Perang Subul Al Huda Rashad, jilid. 2, m.s. 139

Perjalanan Perdagangan Pertama ke Syam

Ketika Nabi Tercinta Muhammad ﷺ berusia 12 tahun, Baginda ﷺ melakukan perjalanan perdagangan yang pertama ke Syam bersama bapa saudaranya, iaitu Abu Talib. Apabila kafilah (rombongan sekumpulan orang, terutama di padang pasir) tersebut sampai ke kota Busra, baginda bertemu dengan seorang pendeta bernama Buhaira, yang nama sebenarnya ialah 'Barjiis'. Pendeta itu mengenali Nabi Tercinta Muhammad ﷺ dengan melihat tanda-tanda kenabian. Sambil memegang tangannya, pendeta itu berseru: “Dia adalah pemimpin seluruh dunia; dia adalah Rasul Utusan Tuhan semesta alam; Allah عَزَّوَجَلَّ akan mengutusnyanya sebagai رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ (rahmat bagi sekalian alam).”

Pendeta itu kemudiannya mengatur jamuan makan untuk Nabi Tercinta Muhammad ﷺ dan orang-orang kafilah. Pendeta itu melihat beberapa tanda kenabian lagi semasa makan. Pendeta itu berkata kepada Abu Talib: “Jangan bawa dia ke Syam. Jika penduduk Syam mengenalinya melalui tanda-tanda kenabiannya itu, maka mereka akan berusaha untuk membunuhnya.”

Oleh itu, Beliau pun pulang dari situ. Pendeta itu juga memberinya beberapa peruntukan untuk perjalanan itu.¹

Perjalanan Perdagangan Seterusnya

Rasulullah ﷺ melakukan banyak perjalanan perdagangan.

¹ Berasal dari Tirmizi, jilid. 5, m.s 356 - 357, Hadis 3640

Pada usia 10 tahun, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ melakukan perjalanan perdagangan ke Yaman bersama bapa saudaranya, Zubair bin Abdul Muttalib رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.¹ Dari perjalanan perdagangan yang baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ lakukan untuk Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, dua kali daripadanya juga ke Yaman.²

Telah diriwayatkan: “Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا mengutus baginda dua kali ke Kota Jurasy (sebuah tempat di Yaman) untuk berdagang, dan seekor unta betina diberikan untuk setiap perjalanan.”³

Keterlibatan dalam 'Hilful Fudhul'

Seseorang dari kota Zubaid datang ke kota Mekah untuk menjual barang dagangannya. Seseorang yang bernama 'Aas bin Waa'il membeli barang daripadanya, tetapi tidak membuat pembayaran. Peniaga itu meminta bantuan beberapa suku, tetapi tiada seorang pun daripada mereka yang membantunya. Dia kemudian mendaki Gunung Abi Qubais⁴ dan meminta bantuan kepada semua orang. Disebabkan ini, beberapa orang Quraisy yang cintakan keamanan melancarkan gerakan reformasi.

¹ Perang Subul Al Huda-Rashad, jilid. 2, m.s. 139

² Jarak antara Yaman dan Mekah adalah kira-kira 1.034 Kilometer.

³ Mustadrak, jilid. 4, m.s.. 178, Hadits 4887

⁴ Abu Qubais adalah sebuah gunung yang terletak di luar Masjid Al Haraam berhampiran Safa dan Marwa. Atas perintah Allah عَزَّوَجَلَّ, ini adalah gunung pertama yang diciptakan di dunia. Gunung ini juga disebut 'Al Amiin'. (*Tafsir Ad Durr Al Manthur, jilid 2, m.s. 266, Balad Al Amin, m.s. 206*)

Para pemimpin terkemuka berkumpul di rumah Abdullah bin Jud'aan رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, di mana Sayidina Zubair Bin Abdul Muttalib رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, bapa saudara Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, mencadangkan agar mereka membuat persetujuan bersama. Para pemimpin suku Quraisy membuat perjanjian dan bertekad untuk menghapuskan rusuhan, melindungi penggembala, membantu orang miskin, membantu orang yang tertindas, dan mempertanggungjawabkan orang yang kejam.

Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ juga turut serta dalam perjanjian ini. Bahkan selepas pengisytiharan kenabian baginda, Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menyatakan kegembiraannya atas penyertaan baginda dalam perjanjian itu dan bersabda: “Aku sangat gembira dengan perjanjian ini sehingga jika seseorang memberi kepadaku unta merah sebagai balasan untuk perjanjian ini, maka aku tidak akan berasa gembira. Sekarang pun, jika orang yang ditindas meminta bantuan kepadaku di bawah perjanjian ini, maka aku sedia membantunya.”¹

Perjanjian ini dinamakan 'Hilful Fudhul'. Sebabnya pada masa dahulu ada perjanjian di kota Mekah. Nama tokoh yang membawa kepada pembentukan perjanjian ini atau orang yang bersetuju mengenyainya ialah 'Afadil' (orang yang mempunyai keutamaan). Oleh itu ia dipanggil 'Hilful Fudhul', iaitu perjanjian yang dibuat oleh segelintir orang yang dipanggil 'Afadil'.²

¹ Al Raud ul Unuf, jilid. 1, m.s. 242-244

² Seerat un Nabawiyah oleh Ibn e Hishaam, jilid. 1, m.s. 265

Bab empat

Pemuda yang diberkati, Nabi Muhammad ﷺ

Perjalanan Perdagangan Kedua ke Syam

Rasulullah ﷺ mempunyai akhlak yang mulia sejak awal. Ketika baginda ﷺ mencapai usia 25 tahun, kejujuran dan kebenarannya mendapat pujian di mana-mana. Baginda ﷺ menjadi terkenal dengan gelaran “Sadiq” (yang jujur) dan “Al Amin” (yang dapat dipercayai) di seluruh kota Mekah.

Terdapat seorang wanita bangsawan di kota Mekah yang mulia dan kaya, bernama “Khadijah”. Beliau memerlukan orang jujur yang boleh membawa barang dagangannya ke Syam untuk dijual dan pulang dengan membawa keuntungan untuknya.

Apabila pengiktirafan dan kejujuran baginda sampai kepadanya, Khadijah menghantar mesej kepadanya dengan mengatakan: “Bawa barang dagangan saya ke Syam. Saya akan membayar anda dua kali ganda jumlah yang saya bayar kepada orang lain.”

Nabi tercinta Muhammad ﷺ menerima permintaan beliau dan pergi ke Syam dengan membawa barang dagangan tersebut. Hamba Sayidah Khadijah رضى الله عنها, yang bernama 'Maisarah', juga menemaninya dalam perjalanan ini dan akan berkhidmat kepada baginda dan memenuhi keperluan lain.

Sekali lagi, apabila Nabi tercinta Muhammad ﷺ sampai di kota Busra, salah satu kota yang terkenal di Syam, baginda ﷺ berehat berhampiran tempat ibadat seorang pendeta bernama 'Nastura'. Pendeta itu sudah mengenali Maisarah. Oleh itu, dia datang kepadanya, dan menunjuk ke arah Nabi Muhammad ﷺ, lalu bertanya kepadanya: "Siapakah yang ada di bawah pokok ini?" Maisarah menjawab: "Beliau ialah penduduk kota Mekah, dan merupakan keturunan Bani Hasyim; namanya 'Muhammad' dan gelarannya ialah "Al Amin". Pendeta itu berkata: "Tiada seorang pun kecuali seorang Nabi akan berhenti di bawah pokok ini." Dia kemudian bertanya: "Adakah matanya merah?"

Maisarah menjawab: "Ya, betul, dan ia kekal begitu sepanjang masa."

Mendengar ini, Nastura berkata: "Baginda ialah Nabi Allah ﷺ yang terakhir. Aku dapat melihat semua tanda dalam dirinya yang aku baca dalam Taurat dan Zabur. Seandainya aku masih hidup ketika baginda (ﷺ) menyatakan kenabiannya. Jika aku terus hidup, maka aku akan membantu sepenuhnya dan akan menghabiskan seluruh hidupku untuk berkhidmat kepadanya. Wahai Maisarah! Aku menasihati kamu untuk tidak meninggalkannya; Teruslah berkhidmat kepadanya, kerana Allah ﷺ telah menganugerahinya kenabian."

Nabi Tercinta Muhammad ﷺ segera kembali selepas menjual barang dagangan. Apabila rombongannya sampai di kota Mekah, Sayidah Khadijah رضى الله عنها sedang duduk di loteng rumahnya. Sayidah Khadijah رضى الله عنها melihat dua malaikat menaungi Rasulullah ﷺ dari cahaya matahari. Perkara ini meninggalkan kesan yang mendalam kepada Sayidah Khadijah رضى الله عنها.

Selepas beberapa hari, ketika sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا membincangkan perkara ini dengan hambanya (Maisarah), Maisarah memberitahunya bahawa dia menyaksikan kejadian seperti itu di sepanjang jalan. Maisarah kemudian memberitahunya tentang pandangan menakjubkan yang dilihatnya mengenai kebenaran, kejujuran, sikap baiknya terhadap orang lain, simpati terhadap mereka, pemahaman tentang masalah, dan kecerdasan dalam perdagangan daripada Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ. Dia juga menyebut bagaimana pendeta Nastura dengan sepenuh hati menyatakan rasa kasihnya kepada Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dan apa yang diramalkan tentang baginda.

Mendengar ini, tumbuh rasa hormat dan ketertarikan yang besar Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا kepada Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

Berkahwin dengan Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا

Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا adalah seorang wanita yang sangat kaya dan sangat dihormati di kota suci Mekah. Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا berasal dari Bani As'ad Bin Abdul 'Uzaa, satu bahagian dari suku Quraisy. Tiga generasi ke atas, salasilahnya bersambung dengan salasilah Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.¹

Masyarakat kota Mekah memanggilnya dengan gelaran 'Thahirah', iaitu 'yang suci', kerana kesuciannya. Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا berumur 40 tahun ketika itu. Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا telah

¹ Faizane Khadijah tul Kubra, m.s. 35 - 38

berkahwin dua kali dan kedua suaminya telah meninggal dunia. Ramai orang yang sangat kaya atau orang terkemuka menghantar lamaran perkahwinan kepadanya, tetapi sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا menolaknya dan memutuskan untuk tidak berkahwin lagi.

Namun, setelah mendengar tentang sifat, tabiat, watak dan keberkatan Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, serta peristiwa-peristiwa menakjubkan yang berlaku, hatinya tergerak untuk berkahwin dengan baginda Nabi. Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا memanggil Ibu saudara (sebelah ayah) Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, iaitu Sayidah Safiyyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, yang merupakan isteri kepada Awam Bin Khuwailid, saudara kepada Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا.

Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا memanggil Sayidah Safiyyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا dan mencari maklumat mengenai data peribadi Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ. Kemudian, hampir 3 bulan selepas pulang dari perjalanan ke Syam, sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا menghantar lamaran perkahwinan.

Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا sendiri menyebut sebab-sebab menyukai baginda seperti berikut: “Saya menyukainya kerana akhlakanya yang mulia dan kejujurannya.”

Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menceritakan tentang lamaran perkahwinan ini kepada anggota keluarga yang tua dan bapa saudara baginda (saudara ayahnya). Mereka menerima lamaran perkahwinan tersebut. Perkahwinan Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dilaksanakan di mana bapa saudaranya, Abu Talib,

menyampaikan khutbah dan menetapkan mas kahwin sebanyak 20 ekor unta yang diambil dari kekayaannya sendiri.¹

Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا berkhidmat kepada Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ selama hampir 25 tahun. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tidak berkahwin dengan wanita lain selama baginda hidup bersama Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا. Daripada jumlah anak Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ hanya seorang putera Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, Sayid Ibrahim رَضِيَ اللهُ عَنْهُ yang dilahirkan bukan dari Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا. Semua anak baginda yang lain dilahirkan oleh Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا. Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا mengorbankan seluruh kekayaannya untuk Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, dan menghabiskan seluruh hidupnya di dalam pengabdian kepada Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

Peranan dalam Pembinaan Kaabah

Ketika Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mencapai usia 35 tahun, hujan lebat menyebabkan banjir dan air memasuki tempat suci Kaabah, yang menyebabkan kerosakan besar pada bangunannya, dan mengakibatkan beberapa bahagiannya runtuh. Orang Quraisy memutuskan untuk membina semula dan mengukuhkan bangunan Kaabah dengan memusnahkan keseluruhan struktur bangunan dan menaikkan pintu masuk dan bumbung.²

¹ Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 1, m.s. 370 – 376, diringkas

² Seerat Al Halbiyyah, jilid. 1, m.s. 204, diringkas

Oleh itu, Orang Quraisy memulakan kerja pembinaan ini bersama-sama. Nabi Muhammad ﷺ yang dikasihi juga turut serta dan bergabung dalam pembinaan ini dan membawa batu untuk pembinaannya.

Suku-suku yang berbeza membahagikan tugas membina bahagian Kaabah yang berlainan di antara mereka semua, tetapi apabila tiba masa untuk penempatan Hajar Aswad, perbezaan pendapat timbul. Suku-suku tersebut menunjukkan perselisihan sengit antara satu sama lain.

Insert image (sisipan gambar)

Ini adalah gambar Hajar Aswad. Hajar Aswad ialah batu yang diturunkan dari syurga bersama Sayidina Adam عَلَيْهِ السَّلَام. Menyentuh dan mencium batu ini menggugurkan dosa. Orang Arab menganggap batu ini sangat suci. Batu ini masih tertanam di dinding Kaabah hingga hari ini.

Setiap suku ingin mendapat penghormatan untuk meletakkan Hajar Aswad, dan (perspektif mereka) jika ada suku yang menjadi penghalang kepada perkara ini, maka ia mesti dihentikan dengan kekuatan pedang.

Empat hari telah dihabiskan untuk membincangkan siapa yang akan meletakkan Hajar Aswad. Untuk mengelakkan pertikaian ini, seorang warga emas memberikan nasihat berikut: “Kami akan meminta orang pertama memasuki tempat suci ini pagi esok untuk memutuskan perkara ini untuk kami. Apa sahaja keputusan yang dia cadangkan, semua suku akan menerimanya.” Semua suku bersetuju dengan ini.

Maha Suci Allah **عَزَّوَجَلَّ**! Orang pertama yang memasuki tempat suci ini pada waktu pagi ialah Nabi Muhammad **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ**. Melihat ini, mereka semua sangat gembira dan berkata: “Dia adalah Al Amin; apa sahaja keputusan yang dia ambil, kami akan terima.”

Dengan kebijaksanaan yang luar biasa, Rasulullah **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ** menyelesaikan perselisihan ini. Baginda **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ** berkata: “Setiap suku yang ingin meletakkan Hajar Aswad mesti memilih seorang pemimpin bagi suku mereka.”

Mereka memilih pemimpin mereka. Baginda **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ** kemudian membentangkan selendangnya dan meletakkan Hajar Aswad di atasnya dan memberitahu pemimpin mereka bahawa mereka semua harus mengangkat Hajar Aswad dengan memegang selendang itu.

Semua orang berbuat demikian, dan apabila Hajar Aswad didekatkan ke mana ia akan diletakkan, Nabi Muhammad **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ** mengangkat batu suci itu dan meletakkannya di tempatnya dengan tangannya. Dengan cara ini, dengan kebijaksanaan baginda, api konflik dan perselisihan dapat dipadamkan, dan membawa kegembiraan dan kebahagiaan kepada hati semua orang.¹

Perwatakannya yang mulia hingga ke hari ini

Seluruh kehidupan Rasulullah **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ** adalah paradigma akhlak mulia dan tabiat mulia bahkan sebelum pengangkatan kenabiannya.

¹ Seerat Al Nabawiyyah, jilid. 2, m.s. 13, diringkas

Sama ada kebenaran, kejujuran, kesetiaan, menepati janji, menghormati orang yang lebih tua, mengasihi yang lebih muda, bersimpati kepada yang lemah, baik hati, Kemurahan hati, mengharapkan yang terbaik untuk orang lain, penyayang, atau lemah lembut, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tiada tandingan dalam setiap perbuatan soleh dan tabiat mulia. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bebas dari segala macam tabiat buruk, seperti tamak, menipu, berbohong, mungkir janji, minum arak, menari, menyanyi, merompak, mencuri, percakapan tidak senonoh, dan lain-lain, yang sangat biasa pada zaman itu, iaitu zaman jahiliah [zaman pra-Islam]. Faktanya, keagungan baginda sedemikian rupa walaupun di tengah masyarakat Arab yang terperosok pada waktu itu, keagungan, kebenaran, sifat dapat dipercayai, dan kejujuran baginda sangat dipuji secara meluas.

Penduduk kota Mekah sangat menghormatinya kerana akhlaknya yang sangat mulia. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mencapai usia 40 tahun tetapi tetap suci dari semua aktiviti yang tidak bermoral, kekufuran, dan kebodohan.

Penyembahan berhala adalah perkara biasa di kota Mekah sehingga di Kaabah sahaja, terdapat 360 berhala yang disembah, namun baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tidak pernah sujud di hadapan mereka.

Inilah kelebihan dalam kehidupan yang baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ habiskan sebelumnya, dan kemudian selepas baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mengisytiharkan kenabiannya, musuh-musuhnya cuba sedaya upaya untuk mencari sedikit pun kecacatan dalam hidupnya atau membuktikan sebarang kelemahan dalam hidupnya supaya mereka boleh mencemarkan kehormatan dan maruah Nabi Muhammad

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dan membuktikan bahawa baginda lebih rendah di hadapan masyarakat Arab, tetapi beribu-ribu musuhnya tidak pernah berjaya melakukan ini dan tidak dapat menemui satu pun peristiwa yang boleh mereka gunakan untuk menuduh baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ kerana wataknya yang luhur dan mulia.

Oleh itu, sebaik sahaja baginda mengisytiharkan kenabiannya, orang-orang yang beruntung kemudiannya mengabdikan diri kepadanya selepas membaca syahadat.

Bab 5

Turunnya Wahyu dan Peringkat Dakwah Islam

Ibadat di Gua Hira

Apabila Nabi utusan Allah عَزَّوَجَلَّ yang terakhir, Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mencapai umur 40 tahun, terdapat perubahan baru dalam diri baginda. Hasratnya kepada cinta Ilahi dan penyembahan kepada Yang Maha Kuasa membawanya ke sebuah gua, membawanya keluar dari kota Mekah yang sibuk.

Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tinggal bersendirian di sana dan tetap asyik beribadat kepada Allah عَزَّوَجَلَّ. Terletak tidak jauh dari Kaabah yang diberkati, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ pergi ke Gua Hira dengan membawa bekal makanan selama berhari-hari, dan tetap sibuk beribadat dan merenung dalam persekitaran gua yang tenteram. Apabila makanan

habis, ada kalanya baginda sendiri akan pulang untuk mengambilnya atau kadangkala Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا menghantarnya ke sana.

Gua bercahaya ini masih wujud dalam keadaan asalnya sehingga kini.

Permulaan Wahyu dan Pengisytiharan Kenabian

Wahyu pertama turun bermula dengan mimpi yang nyata. Apa sahaja mimpi yang dialami Nabi yang dikasihi dalam tidurnya pada waktu malam, tafsirannya kemudian akan menjadi jelas seperti terangnya siang dan cahaya matahari.

Dalam penyendirian baginda di gua Hira enam bulan berlalu. Di bulan Ramadan yang penuh berkat, ketika baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ sedang mengasingkan diri di Gua Hira, pada suatu malam, Sayidina Jibril عَلَيْهِ السَّلَام, pemimpin para malaikat, membawa risalah agung pertama dari Allah عَزَّوَجَلَّ dalam bentuk wahyu.¹

Kemudian wahyu Allah عَزَّوَجَلَّ berhenti seketika. Selepas beberapa lama, Suatu ketika, semasa baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ sedang pergi ke suatu tempat, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mendengar seseorang memanggilnya 'Ya Muhammad'. Ketika baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ melihat ke langit, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mendapati Sayidina Jibril عَلَيْهِ السَّلَام, yang pernah datang ke gua, sedang duduk di atas kerusi antara langit dan bumi.

¹ Irshad us Saari, jilid. 1, m.s. 103, Berdasarkan Hadis 3

Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dipenuhi dengan ketakutan; Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ pulang ke rumah dan berbaring, menutup dirinya dengan selimut. Pada masa itu, ayat-ayat Al Quran berikut diturunkan :

يَا أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ ۗ قُمْ فَأَنْذِرْ ۗ وَرَبِّكَ فَكَبِّرْ ۗ وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ ۗ وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ ۗ

*Wahai orang yang berselimut (Nabi Muhammad), bangunlah, lalu berilah peringatan! Dan Tuhanmu, agungkanlah! Dan pakaianmu, bersihkanlah! Dan segala (perbuatan) yang keji, maka tinggalkanlah!*¹

Insert image (sisipan gambar)

Gua Hira terletak di Gunung Noor iaitu kira-kira 4 kilometer dari Masjid Al Haram. Tinggi gua ini adalah lebih kurang 350 meter dari aras tanah. Keistimewaan gua ini ialah kita dapat melihat Kaabah yang suci terus dari gua ini. Kedudukannya begitu supaya cahaya matahari tidak masuk ke dalamnya. Gua ini berukuran lebih kurang 4 meter panjang dan 1.5 meter lebar. Datuk Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, Sayidina Abdul Muttalib رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, juga datang ke gua ini pada bulan Ramadan yang diberkati untuk

¹ [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 29, Surat Al Muddassir, Ayat 1 sampai 5

menunaikan ibadah. Bahkan sehingga kini, para pencinta Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang beruntung menenangkan hati dan mata mereka dengan mengunjungi gua ini.

Setelah menerima perintah Allah عَزَّوَجَلَّ ini, Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menguatkan niat untuk mengibarkan bendera kebenaran dan menerangi dunia dengan pancaran tauhid.¹

Permulaan Dakwah Islam dan Tahap Pertama

Pertama sekali, Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ secara rahsia mengajak orang yang dipercayainya dan juga rapat dengannya untuk memeluk Islam. Dalam keadaan ini, Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا adalah wanita pertama, Sayidina Abu Bakar رَضِيَ اللهُ عَنْهُ adalah orang merdeka pertama, Sayidina Ali bin Abu Taalib رَضِيَ اللهُ عَنْهُ adalah kanak-kanak pertama, Sayidina Zaid Bin Harits رَضِيَ اللهُ عَنْهُ adalah hamba pertama yang dibebaskan dan Sayidina Bilal رَضِيَ اللهُ عَنْهُ adalah hamba pertama yang memeluk Islam.²

Penyebaran Islam berterusan secara sulit(senyap-senyap). Sama seperti orang yang dahaga bergegas ke arah air yang segar dan sejuk, begitu juga orang yang beruntung bergegas menerima ajakan dan panggilan kebenaran (Islam).

Sekumpulan umat Islam telah terkumpul dalam tempoh tiga tahun. Dalam tempoh ini, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ juga tinggal di Darul Arqam,

¹ Al Bukhari, , jilid. 1, m.s. 9, Hadis 4

² Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 1, m.s. 115

di mana baginda akan mendidik dan membimbing umat Islam.¹

Tahap Kedua Dakwah Islam

Ayat berikut diturunkan setelah tiga tahun:

وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٧﴾

*Dan Berilah peringatan kepada kaum kerabatmu yang dekat.*²

Dalam ayat yang diberkati ini, Nabi tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ diperintahkan untuk turut mengajak kaum kerabat dekatnya memeluk Islam. Sehingga pada suatu hari, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ berdiri di atas Gunung Safa, dan memanggil orang-orang Quraisy. Ketika seluruh penduduk Quraisy berkumpul, Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda: “Wahai bangsaku! Jika aku memberitahu kepada kalian bahawa ada tentera yang bersembunyi di sebalik gunung ini dan akan menyerang kalian, apakah kalian percaya kepadaku?”

Mereka semua menjawab dengan satu suara, berkata: “Ya, sudah tentu. Kami akan mempercayai kamu kerana kami sentiasa mendapati kamu bersikap jujur dan boleh dipercayai.”

Kemudian, Nabi tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ berkata: “Maka aku katakan bahawa aku memperingatkan kalian tentang azab Allah عَذْرَوجَلَّ، dan jika kalian tidak beriman, maka seksa Allah عَذْرَوجَلَّ akan menimpa kalian.”

¹ Seerat ul Halbiyyah, jilid. 1, m.s. 402

² [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 19, Surat Al Shu'ara, Ayat 214

Mendengar ini, seluruh kaum Quraisy menjadi tidak senang dan pergi. Bapa saudaranya, Abu Lahab, juga ada di kalangan mereka dan dia mula mengucapkan kata-kata yang tidak sopan terhadap Nabi Muhammad ﷺ. Nabi Muhammad ﷺ tidak membalas perlakuan tidak hormat ini, tetapi Allah ﷻ menurunkan Surah Al Quran yang lengkap untuk mengutuk orang jahat itu.¹

Tahap Ketiga Dakwah Islam

Pada tahun keempat selepas pengesahan baginda sebagai Nabi, ayat Surah Hijr berikut diturunkan :

فَاَصْدَعْ بِمَا تُؤْمَرُ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿٩٤﴾

Maka, sampaikanlah secara berterus-terang apa yang diperintahkan kepadamu (wahai Muhammad), dan janganlah engkau hiraukan bantahan dan tentangan kaum kafir musyrik itu.²

Dalam ayat yang diberkati ini, Allah ﷻ memerintahkan Nabi-Nya ﷺ untuk menyebarkan Islam secara terang-terangan kepada semua orang. Setelah ini, baginda ﷺ mula menyebarkan Islam dan bersuara menentang kesyirikan (kepercayaan kepada banyak Tuhan) dan menentang penyembahan berhala secara

¹ Bukhari, jilid. 3, m.s. 294, Hadits 4770

² [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 14, Surah Al Hijr, Ayat 94)

terbuka. Dalam keadaan ini, seluruh kaum Quraisy, atau lebih tepatnya seluruh Semenanjung Arab, mula menentanginya.¹

Insert image (sisipan gambar)

Jalan Menuju Gua Hira di Gunung Noor dari Kaabah

¹ Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 1, m.s. 462

Bab Enam

Penindasan Orang-Orang Kafir dan Hijrah ke Abessinia(Habsyah)

Penindasan Orang-orang Kafir terhadap Nabi Muhammad ﷺ

Sebaik sahaja Nabi tercinta Muhammad ﷺ mula menyebarkan Islam secara terbuka atau secara terang-terangan, baginda ﷺ telah dikenakan perlakuan kejam dan penindasan. Kerana mereka takut Bani Hasyim membalas dendam dan bahaya jika mereka berperang dengan mereka, orang-orang kafir tidak berani membunuh Rasulullah ﷺ, tetapi mereka mendesaknya dengan melampaui batas.

Mereka memanggilnya peramal, ahli sihir, gila dan tidak waras; mereka mengucapkan kalimat-kalimat yang kurang ajar terhadapnya, melontarkan kata-kata ejekan, kadang-kadang membuang sampah kepadanya, kadangkala menumpahkan darah haiwan di depan pintu rumahnya, ada kalanya meletakkan duri di jalan yang dilaluinya, dan kadang-kadang, mereka menjadikan tubuhnya yang diberkati sebagai sasaran.

Suatu ketika, ketika Nabi tercinta ﷺ sedang melaksanakan solat dekat Kaabah, seorang kafir bernama ‘Uqbah, meletakkan isi perut unta di belakang badan baginda yang diberkati. Melihat hal ini,

orang-orang kafir mula ketawa terbahak-bahak. Kemudian, Sayidah Fatimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا datang dan membersihkan isi perut unta tersebut dari belakang badan baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.¹

Pada Suatu ketika, Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ kembali melakukan solat dekat Kaabah. Orang kafir bernama Uqbah meletakkan selendang di lehernya dan menariknya dengan kuat sehingga Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ merasa tercekik. Melihat ini, Sayidina Abu Bakar As-Siddiq رَضِيَ اللهُ عَنْهُ bergerak ke hadapan dan menghalau orang kafir itu, menolaknya agar menjauh. Kemudian, orang-orang kafir juga melakukan penindasan terhadap Sayidina Abu Bakar As-Siddiq رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.²

Kekejaman orang-orang kafir terhadap para Sahabat yang diberkati

Seiring dengan penindasan terhadap Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, orang-orang kafir juga melakukan penindasan yang melampaui batas terhadap para sahabat yang mulia.

Suatu ketika, Sayidina Abu Bakar As-Siddiq رَضِيَ اللهُ عَنْهُ sedang menyampaikan khutbah di Kaabah. Melihat hal tersebut, orang-orang musyrik dan kafir menyerang umat Islam dengan kasar. Mereka memukul Sayidina Abu Bakar As-Siddiq رَضِيَ اللهُ عَنْهُ sehingga wajahnya berlumuran darah. Hidung dan telinganya juga berlumuran darah,

¹ Bukhari, jilid. 1, m.s. 193, Hadits 520

² Bukhari, jilid. 2, m.s. 575, Hadits 3852

serta wajahnya tidak dapat dikenali. Sayidina Abu Bakar As- Siddiq رضي الله عنه jatuh pengan dan tidak sedarkan diri untuk masa yang lama. ¹

Sayidina Khabbaab رضي الله عنه memeluk Islam sewaktu hanya sedikit orang yang telah memeluk Islam. Orang-orang kafir Quraisy menyeksanya dengan sangat teruk. Mereka menyeksanya sedemikian rupa sehingga suatu ketika, mereka membuatnya berbaring telentang di atas arang yang menyala dan seorang berdiri di dadanya. Orang itu terus berdiri di dadanya hingga arang yang menyala itu padam karena daging belakang tubuhnya meleleh. Kesan arang yang terbakar itu kekal di belakang tubuhnya sepanjang hidup. Suatu ketika, Sayidina Umar bin Khattab رضي الله عنه melihat tanda-tanda itu di belakang badannya semasa menjabat khalifah. Beliau رضي الله عنه menjadi sangat sedih dan menangis. ²

Sayidina Bilal رضي الله عنه diseret melalui pasar dengan lehernya diikat dengan tali. Dia dipukul tanpa henti dengan tongkat. Pada waktu tengah hari yang sangat panas, ia disuruh berbaring di atas pasir yang panas dan sebuah batu yang sangat berat diletakkan di dadanya, sehingga lidahnya keluar dari mulutnya. Bahkan dalam keadaan seperti ini, sayidina Bilal akan menyebut (kalimat pendek) iaitu, 'Ahad Ahad'. ³

¹ Tareekh Ibne Asakir, Raqm 3398, jilid. 30, m.s. 49

² Tabaqaat Ibne Saad, Raqm 43, jilid. 3, m.s.122 - 123

³ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 1, m.s. 498

Bukan sahaja lelaki akan diseksa dan ditindas, malah wanita yang memeluk Islam juga akan menghadapi kesukaran. Sayidah Sumayyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, ibu Sayidina Ammar bin Yasir رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, adalah seorang wanita beruntung yang pertama kali mengorbankan hidupnya untuk Islam. Sayidah Sumayyah adalah seorang wanita tua, yang dibunuh oleh Abu Jahal dengan tombak.¹

Sayidah Sumayyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا mendapat penghormatan sebagai wanita Islam pertama yang syahid.

Hijrah ke Abessinia(Habsyah)

Ketika orang-orang kafir di Mekah tidak menahan diri daripada menyakiti umat Islam, bahkan penindasan mereka terhadap orang Islam semakin meningkat, Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mengizinkan para sahabat setianya untuk berhijrah ke Abessinia.^{2 3}

Najasyi, raja Habsyah, adalah penganut agama Kristian dan merupakan orang yang adil dan berhati lembut. Oleh itu, pada tahun kelima kenabian, kafilah/rombongan yang terdiri dari sebelas lelaki dan empat perempuan berhijrah ke Abessinia meninggalkan tanah air tercinta.

¹ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 1, m.s. 496

² Wilayah yang kini dikenali sebagai Ethiopia, terletak di benua Afrika, dipanggil Abessinia oleh orang Arab. Raja Habsyah, Najashi, yang kemudiannya mendapat keistimewaan (berkat) untuk memeluk Islam, memerintah di sana. Kuburnya terletak di Ethiopia.

³ Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 1, m.s. 502

Ini dinamakan hijrah Pertama. Beberapa hari kemudian, lebih ramai pasangan lelaki dan perempuan berhijrah ke Habsyah, meningkatkan bilangan mereka yang berhijrah ke Habsyah kepada 82 orang.¹

Melihat hal ini, orang-orang Quraisy menghantar utusan kepada raja Habsyah, yang mendesak supaya raja menyerahkan orang-orang Islam kepada kaum Quraisy, tetapi usaha mereka tidak berjaya.²

Peta laluan migrasi ke Abessinia

Insert image (sisipan gambar)

Masjid Al Najasyi di Abessinia

¹ Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 2, m.s. 31

² Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 1, m.s. 506

Bab Tujuh

Boikot dan Tahun Kesedihan

Pengepungan Syi'b Abi Talib

Orang-orang kafir di Mekah berada di dalam ilusi mereka bahawa mereka akan dapat menghentikan atau melemahkan gerakan Islam dengan kekejaman dan penindasan yang mereka lakukan, tetapi di sebalik semua usaha mereka, bilangan orang Islam terus meningkat. Kerana keadaan ini, orang Quraisy menjadi sangat marah.

Semua pemimpin Quraisy dan orang-orang kafir di Mekah membuat rancangan iaitu mereka akan memboikot Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dan keluarganya. Oleh itu, megikuti rancangan ini, seluruh suku Quraisy membuat perjanjian berikut: “Tidak seorang pun akan berkahwin dengan keluarga Bani Hasyim, tidak seorang pun akan berniaga dengan mereka, dan tidak seorang pun akan bergaul atau bercakap dengan mereka atau menyambut mereka atau bertemu dengan mereka sehingga keluarga Bani Hasyim menyerahkan Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ kepada kita (kaum kafir Quraisy). Tidak seorang pun boleh membiarkan bekalan makanan sampai ke tangan mereka.”

Manshur Bin 'Ikramah menulis perjanjian tersebut, dan semua pemimpin Quraisy menandatangani dan menggantungnya di Kaabah.

Kecuali Abu Lahab, seluruh Bani Hasyim dikepung di lembah Abu Talib yang kini disebut Syi'b Abi Talib. Orang bukan Islam juga termasuk di kalangan mereka yang bersama Nabi Muhammad ﷺ hanya kerana hubungan kekeluargaan.¹

Seluruh orang-orang dari Bani Hasyim terus tinggal di lembah tersebut selama tiga tahun. Tiga tahun ini sangat sukar sehingga orang-orang dari Bani Hasyim terpaksa memakan daun dan memasak kulit kering untuk dijadikan makanan. Kanak-kanak yang kelaparan menangis dengan kuat sehingga suara mereka kedengaran dari jauh, tetapi orang-orang kafir yang berhati batu telah meletakkan pengawal di atas lembah di semua sisi supaya tidak ada bekalan makanan yang dapat memasuki lembah itu.²

Apabila tiga tahun berlalu dalam keadaan yang tetap sama seperti itu, Allah ﷻ memberitahu Nabi tercinta-Nya ﷺ sebuah berita: “anai-anai telah memakan dan merosakkan surat perjanjian itu sehingga tidak ada yang tertinggal di dalamnya kecuali nama Allah ﷻ.”

Nabi tercinta ﷺ menyampaikan berita ini kepada bapa saudaranya, Abu Talib, lalu Abu Talib datang kepada orang-orang kafir Quraisy, dan berkata: “Wahai kaum Quraisy! Anak saudaraku memberitahu berita ini. Maka bawalah surat perjanjian kalian! Jika berita ini benar, maka hentikan penindasan ini, dan jika berita ini

¹ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 2, m.s. 12 sampai 14

² Seerate Mustafa, m.s. 139

tidak benar, maka aku akan menyerahkan anak saudaraku kepada kalian.”

Mereka bersetuju dengan ini. Apabila mereka pergi ke sana dan melihatnya, mereka benar-benar kagum, kerana perkataan demi perkataan itu betul-betul sama seperti yang diucapkan oleh Nabi Muhammad ﷺ.¹

Tahun Kesedihan

Pada tahun ke-10 pengisytiharan kenabian, sejeurus selepas berakhirnya pengepungan Syi'b Abi Talib, Abu Talib, bapa saudara Rasulullah ﷺ, meninggal dunia. Nabi tercinta ﷺ sangat berduka atas meninggalnya Abu Talib.²

Tidak sampai seminggu selepas kematian Abu Talib, isterinya, Sayidah Khadijah رضى الله عنها, juga meninggal dunia. Di kota Mekah, dua tokoh ini sangat rapat dengannya. Mereka sentiasa menyokong dan membantunya dalam setiap langkah yang diambilnya.

Ketika Nabi Tercinta Muhammad ﷺ menyalakan api tauhid dalam kegelapan kufur dan syirik, orang-orang kafir menunjukkan sikap kurang ajar terhadapnya; dalam masa yang sukar itu, dua tokoh inilah yang menjadi penyokong dan pelindungnya.

¹ Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 2, m.s. 37, terangkum

² Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 2, m.s. 38

Kematian mereka terjadi pada tahun yang sama dalam tempoh yang sangat singkat, perkara ini membuat Nabi tercinta Muhammad ﷺ sangat sedih dan berduka. Oleh itu, Baginda ﷺ menamakan tahun ini dengan 'Aamul Huzni', iaitu 'Tahun Kesedihan'.

Foto lama Syi'bi Abi Talib. Kini tempat ini telah dimasukkan ke dalam Masjid Al Haram.

Gambar lama tempat suci Sayidah Khadijah Al Kubra رضى الله عنها yang diberkati.

Bab lapan

Perjalanan Taif dan Hijrah ke Madinah

Peristiwa Perjalanan Taif

Selepas meninggalnya Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا dan Abu Talib, penindasan dan kezaliman kaum kafir terhadap umat Islam semakin meningkat. Kerana perbuatan mereka ini, Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ berfikir untuk pergi ke Taif dan menyebarkan ajaran Islam di sana, dan jika pemimpin mereka memeluk Islam, maka dapat memberikan kuasa dan kekuatan kepada umat Islam. Setelah memikirkan perkara ini, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ berhasrat melakukan perjalanan ke Taif.

Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bertolak ke Taif dengan berjalan kaki. Hanya Sayidina Zaid Bin Haritsah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, hambanya, yang menemaninya. Selepas sampai di Taif, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ berehat selama beberapa hari dan kemudian bertemu dengan para pemimpin Taif.

Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mengundang tiga pemimpin—Abu Jalail dan dua saudara lelakinya, Mas'ud dan Habib—untuk memeluk Islam, tetapi mereka menolak pelawaannya, mereka bukan sahaja mengejeknya, tetapi juga membuat orang Taif yang jahat dan kejam mengejanya, mereka berkumpul dalam bentuk perarakan dan mula mengejanya.

Mereka mengucapkan kata-kata ejekan, melontarkan kalimat-kalimat yang tidak bermoral, dan mengejanya, dan mereka bahkan mula melontar batu kepada baginda.

Mereka menunjuk ke arah kakinya dan melemparkan begitu banyak batu ke arahnya sehingga kakinya yang diberkati cedera dan mula berdarah. Kaki baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ berdarah sehingga sandalnya berlumuran darah. Hambanya, Sayidina Zaid Bin Haritsah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, meletakkan dirinya di hadapan baginda untuk menjaganya dan menahan lontaran batu dengan tubuhnya, yang menyebabkan dia juga berlumuran darah.

Ketika Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan duduk kerana kesakitan, salah seorang dari orang-orang kejam itu akan bergerak ke hadapan, dan membuatnya berdiri dengan menggoncangnya tanpa belas kasihan, memaksanya untuk berjalan. Apabila baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mula berjalan, orang-orang yang kejam itu membaling batu lagi, menganiaya, sambil bertepuk tangan dan mengejek.

Akhirnya, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ berteduh bersama Zaid Bin Haritsah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ di kebun anggur berhampiran. Itu adalah kebun Utbah Bin Rabi'ah, seorang kafir dan musuh yang terkenal. Melihat keadaan Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, bahkan dia memandang baginda Nabi dengan pandangan penuh belas kasihan. Dia memberikan beberapa anggur yang dihantar oleh hambanya, yang kemudiannya diterima oleh Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

Selepas mendengar Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, hamba kristian yang membawa buah anggur tersebut 'Addaas, kemudian

beriman kepada Nabi dan mula mencium tangan dan kaki baginda ﷺ yang diberkati.¹

Insert image (sisipan gambar)

Ini adalah Masjid 'Addaas, terletak di Taif. Dikatakan bahawa itu adalah tempat yang sama dimana Nabi Tercinta Muhammad ﷺ berehat dan berteduh Ketika cedera. Ingat, Taif adalah kota yang terletak kira-kira 91 kilometer dari kota Mekah. Ia terletak lebih kurang. 5,500 kaki dari aras laut. Cuaca di sini sangat menyenangkan dan tidak sepanas kawasan lain di Arab. Anggur dan madu Taif sangat terkenal. Ini adalah kota pertama di Arab yang dikelilingi tembok.

Hari terberat

Selepas bertahun-tahun, suatu hari Sayidah Aisyah رضى الله عنها bertanya kepada Rasulullah ﷺ: “Adakah hari lain yang lebih berat daripada hari Perang Uhud?” Nabi tercinta ﷺ menjawab: “Ya, wahai Aisyah! Hari ketika aku mengajak pemimpin “Abdu Jalil” untuk memeluk Islam di Taif adalah lebih berat daripada hari Perang Uhud bagiku.

Dia tidak menerima ajakan dan pelawaan untuk memeluk Islam dan orang-orang Taif membaling batu ke arahku. Aku terus berjalan

¹ Syarh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 2, m.s. 49 hingga 56

dalam duka dan kesedihan dengan kepala tertunduk, sehingga aku sampai “Qarn Al Thalib”, di mana aku boleh bernafas semula. Selepas sampai disana, ketika aku mengangkat kepalaku, yang kulihat hanyalah awan yang menaungi diriku. Sayidina Jibril عَلَيْهِ السَّلَام memanggilku dari awan itu, dan berkata: “Allah عَزَّوَجَلَّ telah mendengar jawapan daripada umatmu dan sekarang, malaikat gunung hadir di hadapanmu supaya dia dapat melaksanakan semua perintahmu.” Kemudian malaikat gunung memberikan salam kepadaku dan dengan rendah hati berkata: “Wahai Nabiullah Muhammad (صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ)! Allah عَزَّوَجَلَّ telah mengutus aku supaya apa yang kamu perintahkan, aku akan tunaikan. Jika engkau menyuruhku membalikkan dua gunung, Gunung Abu Qubays dan Gunung Qa’iq’a’an, untuk ditimpa kepada orang-orang kafir ini, maka aku akan melakukannya.” Mendengar ini, Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menjawab: “Tidak, tetapi aku berharap Allah عَزَّوَجَلَّ akan menciptakan dari keturunan mereka orang-orang yang hanya beribadat menyembah kepada Allah عَزَّوَجَلَّ dan tidak melakukan perbuatan syirik.”¹

Jin Memeluk Islam

Sekembalinya dari perjalanan Taif, Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tinggal di sebuah tempat bernama “Nakhlah”. Ketika baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ sedang membaca Al Quran semasa Solat Tahajjud pada waktu malam, sekumpulan jin dari Nasibayn datang kepadanya dan menjadi Muslim

¹ Syarh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 2, m.s. 51

selepas mendengar al-Quran. Kemudian jin-jin itu kembali kepada kaumnya dan berdakwah kepada mereka. Maka, banyak kumpulan jin di Mekah memeluk Islam.¹

Dalam Al Quran, Allah عزَّوَجَلَّ telah menyebut kisah ini pada permulaan ayat Surah Al Jin.

Cahaya Islam di kota suci Madinah

Di utara kota Makkah terdapat sebuah kota bernama “Yatsrib” yang kemudiannya menjadi “Madinah”.² Selepas kedatangan Nabi tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ di sana, namanya menjadi “Madinah”. Pada masa pengisytiharan kenabian, terdapat dua suku yang tinggal di sana, iaitu suku “Aus” dan “Khazraj”, dan beberapa orang Yahudi juga tinggal bersama mereka.

Walaupun orang-orang ini adalah penyembah berhala, mereka telah mengetahui daripada orang Yahudi lain bahawa Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan segera tiba. Seolah-olah mereka sedang menunggu kedatangan Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, supaya mereka dapat memperbaiki nasib mereka dengan beriman kepadanya.

¹ Syarh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 1, m.s. 137 - 138, dirangkum

² Nama penuh Madinah ialah “Madina Al Nabi”. Asas kota itu berlandaskan Islam. Masjid Al Nabawi dan makam Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ terletak di sini. Kini, keluasan kota ini hampir 589 kilometer persegi. Kota ini terletak pada jarak hampir 342 kilometer dari Mekah, di mana pada masa ini jaraknya adalah 450 kilometer melalui jalan darat. Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menghabiskan kira-kira 10 tahun hidupnya di sini. Kota ini adalah penjejuk mata para pecinta Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

Pada tahun kesebelas pengisytiharan kenabian, Nabi Muhammad ﷺ pergi ke Mina untuk mengajak suku-suku yang datang pada musim haji untuk memeluk Islam. Terdapat sebuah lembah di Mina di mana terletak Masjid Al Aqabah hari ini.

Nabi Muhammad ﷺ hadir di sana ketika enam orang dari suku Khazraj datang kepada baginda. Nabi Muhammad ﷺ bertanya kepada mereka tentang nama dan salasilah mereka. Kemudian baginda ﷺ membacakan beberapa ayat Al Quran kepada mereka dan kemudian mengajak mereka masuk Islam, sehingga mereka sangat kagum.

Sekembalinya mereka, mereka bercakap antara satu sama lain: “Sesungguhnya baginda adalah Rasul Terakhir yang selalu dibicarakan oleh orang-orang Yahudi. Oleh itu, jangan biarkan orang Yahudi memeluk Islam sebelum kita.” Selepas berkata demikian, mereka semua memeluk Islam dan pergi ke Madinah, di mana mereka juga mengajak ahli keluarga dan saudara mara mereka untuk memeluk Islam.

Baiatul Aqabah Al Ula¹

Pada tahun berikutnya, iaitu pada tahun ke-12 pengisytiharan kenabian, pada waktu haji, 12 orang lagi dari kota Madinah secara rahsia memeluk Islam di lembah (lereng bukit) Mina dan berikrar taat setia (baiah) kepada Nabi Muhammad ﷺ. Dalam sejarah

¹ Perjanjian Aqabah yang pertama

Islam, Baiah ini [iaitu perjanjian] dipanggil “Baiatul Aqabah Al Ula” (iaitu Baiah Pertama di lembah atau lereng bukit).

Baiah ini dipanggil Baiatul Aqabah kerana Baiah ini telah diikrarkan di bukit Mina, berhampiran Aqabah, yang dikenali juga dengan Jamra Al Aqabah. ¹

Mereka meminta kepada Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ untuk mengutus mereka seorang guru yang boleh mengajar perintah-perintah agama Islam. Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mengutus Sayidina Mus'ab bin Umair رَضِيَ اللهُ عَنْهُ bersama mereka pulang ke kota Madinah. Di Madinah, beliau (Mus'ab bin Umair رَضِيَ اللهُ عَنْهُ) datang ke rumah penduduk, mengajak mereka memeluk Islam, sehingga ramai orang mula memeluk Islam setiap hari, sehingga secara beransur-ansur Islam mula tersebar ke mana-mana.

Sayidina Saad Bin Mu'az رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, ketua suku Aus, juga memeluk Islam melalui ajakannya. Sebaik sahaja dia memeluk Islam, seluruh suku Aus juga memeluk Islam. ²

Insert image (sisipan gambar)

Masjid Al Aqabah

¹ Faizane Siddeeqe Akbar, m.s. 199

² Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 1, hal. 140-142, dipilihan

Baiatul Aqabah Ats-Tsaniyah¹

Selepas satu tahun Perjanjian ini, iaitu pada tahun ke-13 pengisytiharan kenabian, semasa musim haji, kira-kira 72 orang dari kota Madinah membaiah kepada Nabi tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ secara sulit/rahsia (tersembunyi) daripada rakan-rakan mereka penyembah berhala, dan mereka berjanji bahawa mereka akan mengorbankan hidup dan harta benda mereka, segala yang mereka miliki, untuk melindungi Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dan Agama Islam.²

Hijrah ke Madinah

Dengan begitu ramai orang yang memeluk Islam di kota Madinah, umat Islam nampaknya telah menemui tempat perlindungan baru. Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memberi kebebasan sepenuhnya kepada para sahabat yang diberkati untuk berhijrah ke kota Madinah. Oleh itu, Sayidina Abu Salamah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ adalah orang pertama yang berhijrah.³ Selepas itu, orang lain juga mula berhijrah ke kota Madinah.

Apabila orang-orang kafir mengetahui perkara ini, orang kafir memulakan usaha untuk menghalang mereka daripada berhijrah, namun mereka tetap melakukannya dan berhijrah secara sembunyi-sembunyi (secara rahsia), sehingga dalam tempoh yang singkat, ramai

¹ Perjanjian kedua 'Aqabah

² Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 1, m.s. 143, pilihan

³ Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 1, m.s. 143

sahabat berhijrah ke kota Madinah. Kini, hanya mereka yang tinggal di kota Mekah sahaja yang dipenjarakan oleh orang kafir atau tidak dapat berhijrah ke Madinah kerana kemiskinan.

Kerana Rasulullah ﷺ belum diperintahkan untuk berhijrah oleh Allah ﷻ, maka baginda ﷺ tetap tinggal di kota Mekah. Mengikut perintahnya, Sayidina Abu Bakar As Siddiq رضي الله عنه dan Sayidina Ali رضي الله عنه juga masih tinggal di kota Mekah.

Peta laluan hijrah Nabi Muhammad ﷺ ke kota Madinah

Insert image (sisipan gambar)

Dewan Orang-orang Kafir

Keadaan ini menyebabkan orang-orang kafir Quraisy sangat risau. Apabila mereka mengetahui bahawa penduduk kota Madinah telah memeluk Islam dan bilangan mereka semakin bertambah, dan penduduk kota Mekah juga berhijrah ke sana, dan mereka menyangka jika Nabi Muhammad ﷺ juga berhijrah ke sana, maka baginda boleh menyerang kota Mekah dengan serangan balas daripada pasukan penyokongnya. Mengetahui bahayanya, para pemimpin kafir kota Mekah mengadakan pertemuan di 'Dar Al Nadwah'.

Seluruh pembesar intelektual orang kafir menghadiri mesyuarat itu. Cadangan mereka berbeza-beza, dan yang diberikan oleh Abu Jahal

diterima oleh semua orang. Cadangannya ialah supaya seorang pemuda dari setiap suku diberi pedang, dan mereka semua harus menyerang Nabi Muhammad ﷺ bersama-sama dan مَعَاذَ اللَّهِ membunuh baginda. Apabila orang-orang dari semua suku turut serta di dalamnya, Bani Hasyim tidak akan dapat memerangi semua orang, dan mereka akan bersetuju untuk menerima diat (pampasan).

Terdapat kata sepakat (perjanjian yang dipersetujui bersama) mengenai perkara ini dan mesyuarat berakhir. Sayidina Jibril عَلَيْهِ السَّلَام datang dengan perintah Allah عَزَّوَجَلَّ dan memberitahu Nabi ﷺ tentang kejadian ini, dan berkata: “Jangan tidur di tempat tidurmu malam ini, dan hijrahlah ke kota Madinah.”

Hijrahnya Nabi Muhammad ﷺ

Pada waktu malam, orang-orang kafir mengepung rumah Nabi Muhammad ﷺ yang diberkati, mengikut rancangan mereka, mereka mula menunggu baginda untuk tidur supaya mereka boleh menyerangnya. Ketika itu, hanya Sayidina Ali رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ yang berada di situ.

Walaupun orang-orang kafir adalah musuh Nabi Muhammad ﷺ, namun mereka sangat percaya pada sifat amanah dan kejujuran baginda. Inilah sebab mengapa mereka mempercayakan harta mereka kepadanya. Malah pada masa itu, banyak harta yang diamankan kepadanya disimpan di rumah baginda yang diberkati.

Rasulullah ﷺ berkata kepada Sayidina Ali رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: “Tidurlah di tempat tidurku dengan selimut menutupmu! Selepas aku

pergi, serahkan semua barang yang diamanahkan kepada pemiliknya, kemudian bertolaklah ke kota Madinah.”

Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mengambil segenggam tanah, dan membaca beberapa ayat awal Surat Yasin, baginda melemparkannya kepada orang-orang kafir dan melewati kumpulan orang-orang kafir dengan mudah tanpa sesiapa pun mengenalinya.¹

Kemudian, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ sampai ke Gua Thur bersama Sayidina Abu Bakar As Siddiq رَضِيَ اللهُ عَنْهُ dan tinggal di sana selama tiga hari tiga malam.² Selepas itu, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ pergi ke kota Madinah.

Insert image (sisipan gambar)

¹ Sharh Al Zurqaani ‘Ala al Mawahib, jilid. 1, m.s. 144

² Bukhari, jilid. 2, m.s. 593, Hadis 3905

Bab Sembilan

Dari Hijrah sehingga Perjanjian Hudaibiyah

Nabi Muhammad ﷺ di kota Madinah

Masyarakat Madinah telah menerima berita tentang kedatangan Rasulullah ﷺ. Mereka tidak sabar-sabar menanti kedatangan baginda, sehingga wanita dan kanak-kanak kota Madinah pun bercakap tentang kedatangan baginda.

Pada masa itu, jarak antara kota Mekah dan kota Madinah biasanya ditempuh dalam 12 hari. Mereka menghabiskan beberapa hari menunggu, tetapi selepas itu, mereka tidak dapat menahannya lagi. Kerana gelisah untuk menanti kedatangan baginda, mereka semua berkumpul di sebuah ladang di luar kota Madinah untuk menyambut pemimpin mereka. Apabila matahari mula terik, mereka pulang ke rumah masing-masing dengan sedih. Mereka melakukan ini setiap hari dan mereka akan datang dengan keazaman dan keyakinan baru setiap hari dan berdiri di pintu masuk kota Madinah untuk menyambut Nabi Muhammad ﷺ.

Pada suatu hari, seperti biasa, penduduk kota Madinah pulang ke rumah setelah menunggu Nabi Muhammad ﷺ. Tiba-tiba, seorang Yahudi melihat dari jauh bahawa sekumpulan orang sedang menghampiri. Apabila dia melihat kafilah itu, dia faham, kemudian berteriak dengan kuat: “Wahai penduduk kota Madinah! Kafilah yang kalian tunggu setiap hari telah tiba.” Mendengar ini, semua orang

Ansar, dengan senjata di badan mereka, keluar dari rumah mereka dengan gembira untuk menyambut Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

Tiga batu jauhnya dari kota Madinah di mana terletak Masjid “Quba” hari ini, Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tiba di sana pada tarikh 12 Rabiul Awal, dan suku 'Amr Bin 'Auf adalah suku yang beruntung kerana Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memberinya keistimewaan menjadi orang pertama yang menjadi tuan rumah bagi baginda.

Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tinggal di rumah Sayidina Kulthoom Bin Hidm رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, salah seorang ketua suku. Ramai sahabat yang berhijrah ke Madinah sebelum ini turut tinggal di rumah ketua suku ini. Selepas beberapa hari memulangkan barang-barang yang diamanahkan oleh orang Quraisy kepadanya, Sayidina Ali رَضِيَ اللهُ عَنْهُ meninggalkan kota Mekah, dan tinggal di rumah yang sama.¹

Pembinaan Masjid Quba dan Permulaan Solat Jumaat

Perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ di Quba ialah baginda membina Masjid di sana. Sayidina Kulthoom Bin Hidm رَضِيَ اللهُ عَنْهُ mempunyai sebidang tanah kosong yang digunakan untuk menjemur kurma. Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ

¹ Dalaa`il un Nubuwwah oleh Bayhaqi, jilid. 2, m.s. 499-500

memperoleh tanah itu dan meletakkan asas masjid di sana. Masjid ini masih dikenali sebagai Masjid “Quba” sehingga kini.¹

Setelah tinggal di sana lebih dari dua minggu, Nabi Muhammad ﷺ kemudian meneruskan perjalanan menuju kota Madinah. Dalam perjalanannya, baginda ﷺ menunaikan solat Jumaat pertama di Masjid suku Bani Salim. Selepas itu, baginda ﷺ bertolak menuju kota Madinah.

Insert image (sisipan gambar)

Masjid Quba

Nabi ﷺ telah bersabda: “Melaksanakan Solat di Masjid Quba sama seperti umrah (pahalanya).” (*Tirmizi, jilid. 1, m.s. 348, Hadis 324*)

Insert image (sisipan gambar)

Masjid Jumuah

Menetap di Kota Madinah

Ketika Rasulullah ﷺ tiba di kota Madinah, banyak sahabat Ansar meminta baginda untuk tinggal di rumah mereka, namun

¹ Wafa ul Wafa, jilid. 1, m.s. 250, pilihan

baginda berkata: “Di mana sahaja yang Allah kehendaki, untaku akan duduk di sana.”

Unta baginda duduk di tempat dimana Masjid Al Nabawi berada sekarang. Rumah Sayidina Abu Ayyub Al-Ansari رضي الله عنه terletak berhampiran. Sayidina Abu Ayyub Al-Ansari رضي الله عنه mengambil barang kepunyaan Nabi Tercinta Muhammad صلى الله عليه وآله وسلم untuk membawanya ke rumah dengan izin baginda, dan Nabi tercinta Muhammad صلى الله عليه وآله وسلم tinggal di rumahnya.

Sayidina Abu Ayyub Al-Ansari رضي الله عنه mendapat keistimewaan berkhidmat kepada Nabi Tercinta Muhammad صلى الله عليه وآله وسلم selama tujuh bulan. Apabila Masjid Nabawi dan bilik-bilik di sekitarnya sudah siap, baginda صلى الله عليه وآله وسلم mula tinggal di sana bersama isteri-isterinya yang diberkati.

Pembinaan Masjid Al Nabawi

Tidak ada tempat di kota Madinah di mana umat Islam boleh menunaikan solat berjemaah. Oleh itu, adalah sangat penting untuk membina masjid di sana.

Terdapat sebuah ladang “Banu Najjaar” berhampiran kediaman Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم yang diberkati. Tanah itu sebenarnya milik dua orang anak yatim. Baginda صلى الله عليه وآله وسلم memanggil dua anak yatim itu. Mereka ingin mewakafkan tanah itu untuk masjid, tetapi Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم tidak bersetuju dan membayar harga tanah tersebut dari kekayaan Sayidina Abu Bakar As Siddiq رضي الله عنه.

Selepas meratakan tanah, Nabi Muhammad صلى الله عليه وآله وسلم meletakkan asas masjid dengan tangannya sendiri yang diberkati, membuat

dinding daripada batu bata yang tidak dibakar, dan bumbung dengan daun kurma yang dibina di atas tiang pokok kurma. Bumbungnya boleh bocor apabila hujan. Untuk pembinaan masjid ini, Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ turut membawa batu bata bersama para sahabat yang diberkati.¹

Azan pertama kali dikumandangkan dari sini. Pada mulanya, Sayidina Bilal رَضِيَ اللهُ عَنْهُ akan menyeru umat Islam untuk Solat. Kemudian, Sayidina Abdullah bin Zaid Al-Ansari رَضِيَ اللهُ عَنْهُ dan beberapa sahabat رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ mendengar suara azan dalam mimpi. Atas perintah Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, Sayidina Abdullah bin Zaid رَضِيَ اللهُ عَنْهُ mengajar Sayidina Bilal رَضِيَ اللهُ عَنْهُ kalimat-kalimat itu, dan sayidina Bilal mula mengumandangkan Azan.²

Kaedah Syarii Azan yang bermula pada hari tersebut masih diikuti dan akan terus diikuti sehingga hari kiamat.

Gambar Masjid Nabawi

Insert images (sisipan gambar)

Ansar dan Muhajirin, Bersaudara Antara Satu Sama Lain

Jumlah Muhajirin di kota Madinah ialah 45 atau 50 orang. Mereka sangat miskin, dan keluarga serta harta benda mereka semuanya ditinggalkan di kota Mekah.

¹ Bukhari, jilid. 1, m.s. 165, Hadis 428 | Mawahib ul Ladunniya, jilid. 1, m.s. 156 hingga 161, dipilih dan dirangkum

² Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 2, m.s. 163

Walaupun kaum Ansar sangat ramah terhadap mereka, kaum Muhajirin tidak suka bergantung kepada orang lain terlalu lama untuk hidup mereka. Oleh itu, Rasulullah ﷺ menyelesaikan masalah ini dengan mempersaudarakan antara Muhajirin dan Ansar, menjadikan mereka bersaudara antara satu sama lain, sehingga mereka menjadi penolong antara satu sama lain.

Oleh itu, selepas pembinaan Masjid Al Nabawi, pada suatu hari Rasulullah tercinta ﷺ mengumpulkan para sahabat Ansar dan Muhajirin di rumah Sayidina Anas bin Malik رَضِيَ اللهُ عَنْهُ. Bercakap kepada kaum Ansar, baginda ﷺ berkata: “Muhajirin ialah saudaramu.” Kemudian, baginda ﷺ memanggil seorang dari Ansar dan seorang dari Muhajirin, lalu berkata: “Kalian berdua bersaudara.”

Sebaik sahaja Nabi Muhammad ﷺ mengumumkan persaudaraan ini, ia menjadi benar-benar seperti hubungan antara adik-beradik. Oleh itu, orang-orang Ansar membawa saudara-saudara Muhajirin ke rumah mereka dan meletakkan satu set segala benda yang ada di rumah mereka di hadapan mereka, dan berkata: “Kerana kamu adalah saudara-saudara kami, separuh daripada harta di rumah kami adalah milik kamu dan separuh lagi milik kami.”¹

Perubahan Arah Kiblat

Selama Rasulullah ﷺ berada di kota Mekah, baginda terus

¹ Al Bukhari, jilid. 2, m.s. 555, Hadis 3781

melakukan solat menghadap ke Kaabah. Selepas hijrah, di Madinah, baginda akan menghadap ke “Baitul Muqaddas” (Baitul Maqdis) pada setiap Solat mengikut perintah Allah عَزَّوَجَلَّ.

Dan selama perkara ini berjalan, 16 atau 17 bulan telah berlalu. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mempunyai keinginan supaya Kaabah Suci dijadikan Kiblat semula. Oleh itu, pada suatu hari, ketika Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ sedang mengimami Solat zuhur di Masjid Bani Salama, diturunkan kepadanya wahyu berikut semasa solat:

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ
الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ط

Kerap kali kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang menengadah ke langit, maka Kami benarkan engkau berpaling menghadap kiblat yang engkau sukai. Oleh itu, palingkanlah mukamu ke arah masjid Al-Haram (tempat letaknya kaabah).¹

Insert image (sisipan gambar)

Masjid Al Qiblatain

¹ Bahagian 2, Surah Al Baqarah, Ayat 144)

Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memalingkan mukanya dari Baitul Muqaddas ke Kaabah semasa Solat, dan semua makmum¹ juga mengikutinya. Masjid tempat kejadian ini berlaku dipanggil Masjid ‘Al Qiblatain’. Sehingga kini, masjid ini dan dua mimbar arah kiblat masih wujud.

Masjid ini terletak kira-kira 2 kilometer dari Madinah ke barat laut. Peristiwa yang sama dipanggil “Tahwil Al Qiblah”. Orang Yahudi dan munafik sangat cemas kerana Tahwil Al Qiblah.²

Konspirasi Orang Kafir dan Langkah yang Diambil Umat Islam

Selepas penghijrahan orang Islam ke kota Madinah, orang-orang kafir di kota Mekah sepatutnya berasa tenang, tetapi kemarahan mereka semakin meningkat. Kini, mereka juga memusuhi penduduk kota Madinah.

Mereka menulis surat kepada Abdullah bin Ubayy, pemimpin kaum Ansar, yang berisi: “Usirlah orang Islam dari kota Madinah atau bunuhlah mereka, jika tidak, kami akan menyerang kamu dan membuat kamu menghadapi pedang kami.”³

¹ Mereka yang solat di belakang Imam.

² Madarij un Nubuwwah, bahagian 3, bab 2, jilid. 2, m.s. 73, dirangkum

³ Sunan Abi Dawud, jilid. 3, m.s. 212, Hadis 3004

Begitu juga, apabila ketua suku Aus pergi ke kota Mekah untuk menunaikan umrah, dia juga diancam oleh orang-orang kafir di kota Mekah. Orang-orang kafir tidak berpuas hati dengan hanya menghantar ancaman, tetapi mereka sebenarnya mula bersiap sedia untuk menyerang kota Madinah. Mereka menyampaikan mesej ini kepada seluruh suku bahawa mereka akan menyerang kota Madinah dan membunuh semua orang Islam. Dalam keadaan ini, umat Islam perlu melakukan sesuatu untuk melindungi diri mereka.

Sehingga itu, Rasulullah ﷺ terus mengajak manusia untuk masuk Islam hanya melalui hujah dan nasihat, sesuai dengan perintah Allah ﷻ, dan bersabar dengan musibah yang menimpa umat Islam yang dilakukan oleh orang-orang kafir. Namun, selepas hijrah, apabila seluruh Semenanjung Arab dan semua Yahudi menjadi musuh umat Islam dan mula merancang pelbagai konspirasi untuk membinasakan umat Islam, maka Allah ﷻ memberi izin kepada kaum muslimin untuk memerangi mereka yang memulakannya.

Dalam keadaan ini, Nabi tercinta Muhammad ﷺ memberi tumpuan kepada dua perkara:

1. Kafilah (rombongan) perdagangan masyarakat Mekah yang biasa menuju Syam harus dihentikan dan laluan ini harus ditutup supaya mereka boleh bersetuju dengan perjanjian perdamaian
2. Perjanjian perdamaian mesti dibuat dengan suku-suku sekitar supaya orang-orang kafir tidak berani menyerang kota Madinah.

Oleh itu, Nabi Muhammad ﷺ juga akan turun tangan dengan mengunjungi suku-suku sekitar dan juga menghantar

kumpulan kecil tentera yang akan memantau pergerakan orang-orang kafir di kota Mekah, dan juga membuat perjanjian damai dengan suku-suku ini.

Oleh sebab itu, umat Islam mula mengalami pertempuran dengan orang-orang dari kota Mekah dan sekutunya, dan peperangan kecil dan besar mula berlaku. Perang ini dipanggil “Ghazwah dan Sariyyah” dalam sejarah Islam.

Perbezaan Ghazwah dan Sariyyah

Peperangan yang disertai oleh Rasulullah ﷺ secara peribadi dipanggil “Ghazwah”, manakala perang yang tidak disertai oleh Nabi Muhammad ﷺ dipanggil “Sariyyah”. Bentuk jamak kata Ghazwah ialah “Ghazawaat”, dan bentuk jamak kata Sariyyah ialah “Saraya”.¹

Terdapat perbezaan pendapat mengenai jumlah keseluruhan Ghazwah dan Sariyyah. Mengikut riwayat Imam Bukhari, ada 19 Ghazwah, yang mana hanya 9 yang berlaku peperangan, sedangkan sebahagian besar tidak sampai berlaku perang sebenar.² Manakala jumlah keseluruhan Sariyyah ialah 47 atau 56.³

¹ Madarij un Nubuwwah, bahagian 3, bab 2, jilid. 2, m.s. 76

² Bukhari, jilid. 3, m.s. 3, Hadis 3949

³ Sharh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 2, m.s. 221

Punca Perang Badar

Perang besar pertama yang berlaku antara Umat Islam dan orang kafir dipanggil “Ghazwah Badr”.

Badr¹ adalah nama sebuah kampung yang terletak agak jauh dari Madinah. Terdapat sebuah perigi di sana, dan nama pemilik perigi itu ialah Badar. Oleh itu, tempat ini menjadi terkenal dengan nama Badar.²

Malah sebelum Perang Badar, beberapa peperangan kecil dan besar telah berlaku antara orang Islam dan orang kafir. Suatu ketika, sekumpulan kecil orang kafir datang ke padang rumput Madinah dan menjarah, di mana dalam satu pergaduhan, seorang kafir terbunuh. Kematian ini menyebabkan orang-orang kafir di kota Mekah marah tak terkawal. Perang Badar berlaku kerana reaksi mereka.

Satu lagi punca Perang Badar ialah penyebaran berita di kota Madinah tentang kafilah besar orang kafir yang tidak lama lagi akan kembali ke kota Mekah dari Syam. Ramai pemimpin kafir berada di dalam kafilah itu dan mereka juga membawa banyak barang dagangan. Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda: “Sekumpulan kecil orang-orang kafir terus mengejar kita, dan salah satu kumpulan kecil mereka bahkan menjarah di kota Madinah. Oleh itu, mengapa kita tidak menyerang kafilah kafir Quraisy ini. Dengan cara ini, laluan

¹ Badar berjarak 113 Kilometer dari Madinah, dan jarak ini kira-kira 152 Kilometer melalui jalan darat.

² Sharh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 2, m.s. 255

perdagangan mereka ke Syam akan tertutup dan mereka terpaksa berdamai dengan kita.” Mendengar pendapat baginda, semua Muhajirin dan Ansar bersedia untuk melaksanakannya.

Oleh itu, pada 12 Ramadan tahun 2 Hijrah, Nabi Muhammad ﷺ berangkat tanpa persediaan besar untuk berperang. Semua orang berangkat seadanya. Tentera Islam ini tidak mempunyai banyak senjata atau perlengkapan yang sempurna, kerana tiada siapa yang menjangkakan perang besar akan berlaku dalam perjalanan ini.

Apabila penduduk kota Mekah mendengar berita bahawa orang Islam telah bertolak dari kota Madinah, mereka mula mempersiapkan diri untuk berperang. Ketika Nabi Muhammad ﷺ menerima berita ini, baginda berunding dengan para sahabat, memberitahu mereka bahawa terdapat kemungkinan peperangan akan berlaku dalam perjalanan ini. Muhajirin dan Ansar sama-sama menyatakan tekad mereka untuk taat dan melindungi Nabi Muhammad ﷺ.

Baginda ﷺ memeriksa tentera kira-kira berjarak satu batu dari Madinah, dan mengarahkan anak-anak kecil untuk pulang. Selepas mengambil beberapa langkah yang diperlukan, baginda berangkat ke Badar, arah kedatangan orang-orang kafir dari kota Mekah.

Kini, bilangan tentera umat Islam ialah 313: 60 orang daripadanya adalah dari Muhajirin dan selebihnya dari Ansar. Sebaliknya, Abu Sufyan juga menerima berita bahawa orang Islam telah bertolak. Apabila Abu Sufyan mendengar berita itu, dia melakukan dua perkara. (1) Segera menghantar seseorang ke kota Mekah untuk memberitahu hal ini kepada orang-orang Quraisy, supaya mereka

dapat mengatur keselamatan kafilah mereka. (2) Dia sendiri menukar laluannya dan berangkat bersama kafilah itu menuju ke laut. Sebaik sahaja orang Quraisy menerima mesej Abu Sufyan, mereka meninggalkan rumahnya.

Peta perang Badar

Insert image (Sisipan gambar)

Gunung

Tepi lembah Safra

Kawasan yang lebih berpasir

Pusat arahan Nabi tercinta Muhammad ﷺ

kubu Islam

Makam

Telaga Badar

Dataran Tempat perang

Puncak bukit

Perigi masuk dalam tahanan umat Islam

Utara

Kem orang-orang kafir

Dataran kurang berpasir

Para pemimpin Quraisy berangkat dengan seribu orang tentera bersenjata. Mereka mengatur catuan bekalan untuk tentera sehingga

orang Quraisy yang kaya akan menyembelih sepuluh ekor unta setiap hari dan memberi makan kepada para tentera.

Utbah Bin Rabi'ah, yang merupakan orang terkaya di Quraisy, menjadi panglima dalam tentera perang ini. Dalam perjalanan, Abu Sufyan menghantar mesej bahawa kafilah itu selamat, oleh itu, orang yang tertinggal dapat pulang. Tambahnya lagi, tidak perlu berperang buat masa ini. Sebahagian daripada orang Quraisy bersetuju untuk kembali, tetapi sebahagian daripada mereka berkeras untuk berperang, malah dapat meyakinkan beberapa suku juga.

Orang-orang kafir Quraisy tiba di dataran Badar sebelum orang Islam dan menduduki tempat yang lebih baik dan sesuai untuk mereka, manakala orang Islam tidak dapat mencari tempat yang sesuai dalam aspek peperangan.

سُبْحَانَ اللَّهِ عَزَّوَجَلَّ! Sementara itu, hujan turun sehingga debu dan pasir di dataran menjadi keras, memudahkan umat Islam berjalan di atasnya, dan tanah orang-orang kafir menjadi berlumpur, sehingga mereka menghadapi cabaran yang besar. Kesukaran berjalan dan melangkah.

Insert image (sisipan gambar)

Masjid 'Arish terletak di Badr

Siapakah yang akan mati, dan di manakah dia akan mati, dalam Perang Badar?

Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ datang untuk memeriksa medan perang pada waktu malam bersama beberapa pengikutnya yang setia. Baginda

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ membuat garisan dengan tongkat di tanah dan berkata: “Orang kafir ini dan itu akan terbunuh di sini; mayat orang ini dan itu akan berada di sini.”

Selepas itu, perkara tersebut berlaku. Mayat setiap orang kafir ditemukan di tempat yang telah dinyatakan oleh Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

Perang Badar dan Akibatnya

Pada hari Jumaat, 17 Ramadan 2 Hijrah, bertepatan dengan 13 Mac 624 M, Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memerintahkan agar pejuang-pejuang Islam dikerahkan. Peperangan bermula, dan walaupun tidak mempunyai bekalan, para sahabat yang diberkati رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ menunjukkan keberanian dan kegagahan yang luar biasa. Dalam perang ini, Abu Jahal dibunuh oleh dua sahabat muda, Sayidina Mu’az رَضِيَ اللهُ عَنْهُ dan Sayidina Mu’awwaz رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.

Ramai tokoh kafir, seperti Abu Jahal, Utbah, Syaibah, dan lain-lain, terbunuh di medan perang, sehingga mereka kehilangan kekuatan. Mereka kehilangan keberanian, kawalan, dan melarikan diri selepas menyerah diri.

Umat Islam mula menangkap orang kafir. Dalam peperangan ini, tujuh puluh orang kafir terbunuh dan bilangan orang kafir yang sama telah ditawan. Kafilah Abu Sufyan melarikan diri, tetapi orang Islam mencapai kejayaan besar dalam peperangan ini, yang meningkatkan keagungan dan maruah mereka.

Segala kehormatan orang-orang kafir dicemari oleh kekalahan dalam peperangan ini. Kekuatan tentera mereka telah musnah dan pemimpin terkemuka mereka terbunuh. Selepas penaklukan, Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tinggal di Badar selama tiga hari, dan kemudian kembali ke kota Madinah dengan membawa tawanan dan rampasan perang.

Syuhada Badar

Dalam Perang Badar, empat belas orang dari umat Islam menjadi syuhada – enam orang dari Muhajirin dan lapan orang dari Ansar. Tiga belas orang sahabat رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ dikebumikan di padang Badr, manakala salah seorang sahabat, Sayidina Ubaydah Bin Harith رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, meninggal dunia dalam perjalanan, dan tempat pengebumiannya yang diberkati terletak di “Safra”.¹ Di tempat yang sama, Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mengagihkan harta rampasan perang kepada mujahidin.

Para sahabat رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ yang ikut serta dalam Perang Badar mempunyai kedudukan dan darjat yang istimewa, dan mereka semua mempunyai keutamaan yang besar. Salah satu keutamaannya ialah Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda: “Sesungguhnya Allah عَزَّوَجَلَّ mengetahui penduduk Badar, dan baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda bahawa, ‘Kamu boleh melakukan apa sahaja yang kamu suka sekarang. Sesungguhnya

¹ Sharh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 2, m.s. 325 – 328, dirangkum dan dipilih

syurga telah menjadi wajib bagi kamu' dan Allah ﷻ telah berfirman bahawa, 'Dia (Allah ﷻ) telah mengampunimu'.¹

Akibat sebagai Tawanan perang

Rasulullah ﷺ mengagihkan tawanan Badar kepada para sahabat yang diberkati supaya tawanan dapat menjaga keselesaan dan memenuhi keperluan para sahabat. Selepas berunding mengenai para tahanan, diputuskan bahawa mereka akan dibebaskan dengan wang tebusan 4,000 Dirham daripada setiap tawanan sebagai Fidyah (jumlah yang dibayar untuk pembebasan seorang tawanan).

Mereka yang tidak mampu membayar fidyah kerana kemiskinan, dibebaskan tanpa fidyah. Sedangkan para tawanan yang boleh menulis, maka fidyah mereka adalah mengajar 10 anak lelaki Ansar menulis.

Punca Perang Uhud dan Bilangan Askar

Tidak lama selepas pulang dari Perang Badar, orang-orang kafir mula bersiap sedia untuk peperangan seterusnya untuk membalas dendam. Mereka bersedia untuk perang seterusnya selama setahun penuh. Pada tahun ke-3 penghijrahan Nabi Muhammad ﷺ, tepatnya pada bulan Syawal, orang-orang kafir Quraisy mempersiapkan diri dengan teliti dan pergi dengan bilangan tentera yang besar dan kuat dalam semua perkara dengan niat untuk

¹ Bukhari, jilid. 3, m.s. 12, Hadis 3983

berperang. Abu Sufyan (yang belum memeluk Islam) menjadi panglima tentera. Sayidina Abbas رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, bapa saudara Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang diam-diam memeluk Islam dan tinggal di Mekah menulis surat dan memberitahu umat Islam tentang pasukan tentera orang-orang kafir.¹

Apabila Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menyiasat perkara ini, baginda mendapati bahawa tentera orang kafir telah tiba sangat dekat dengan Madinah. Dalam keadaan sedemikian, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bermesyuarat dengan para sahabat yang diberkati رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ.

Para sahabat terdahulu mencadangkan agar mereka berperang melawan musuh di kota, tetapi pemuda-pemuda ingin berperang di tempat terbuka. Mendengar cadangan ini, Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ meletakkan senjatanya dan keluar. Sementara itu, semua orang telah bersetuju untuk memerangi orang-orang kafir yang tinggal di kota, namun Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda: “Tidak wajar bagi seorang Nabiullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ untuk melepaskan senjata setelah menggunakannya sehingga Allah عَزَّوَجَلَّ membuat keputusan antara beliau dan musuh-musuhnya. Oleh itu, sekarang dengan nama Allah عَزَّوَجَلَّ, bertolaklah ke medan perang.”

Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ meninggalkan Madinah dengan pasukan sebanyak seribu orang tentera. Dalam perjalanan, Abdullah Bin Ubayy yang munafik, berpisah daripada tentera Islam beserta 300

¹ Kitab Al Maghazi karya Waqidi, jilid. 1, m.s. 203

tenteranya. Kini, jumlah tentara Muslim berkurang menjadi 700 orang.

Nabi Tercinta Muhammad ﷺ memeriksa pasukan dan memerintahkan para sahabat yang masih di bawah umur untuk kembali.¹

Gunung Uhud

Peta Perang Uhud

Gunung Uhud, Utara, Lembah Qanaat, perkhemahan umat Islam,
Gunung Ramah (penempatan 50 pemanah), lembah Al Aqeeq,

Medan perang

Jalan tentera Sayidina Khalid bin Waleed

Kem Orang Kafir

Madinah Al Munawwarah

Gunung Uhud adalah rentetan gunung di utara kota Madinah Al Munawwarah, yang memanjang kira-kira enam hingga tujuh kilometer. Lebarnya kira-kira 2 hingga 3 kilometer dan tingginya 350 meter. Jaraknya lebih kurang 5 kilometer dari Masjid Al Nabawi. Menurut sebuah Hadis, ia adalah gunung syurga yang mencintai Nabi Muhammad ﷺ, dan Nabi Muhammad ﷺ juga mencintainya. Perang Uhud (mengikut satu riwayat) berlaku di kaki gunung ini pada 17 Syawal 3 Hijrah, bertepatan dengan 23 Mac 625 M.

¹ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 2, m.s. 394 hingga 419, dipilih dan dirangkum

Pasukan, bersemuka

Orang-orang musyrik telah berkhemah di Gunung Uhud, berhampiran kota Madinah, pada 12 Syawal. Rasulullah ﷺ berangkat dari kota Madinah pada hari Jumaat, 14 Syawal, dan tiba di Uhud pada hari Sabtu, 15 Syawal, pada waktu Subuh.

Selepas Solat Subuh, baginda ﷺ mengatur pasukan. ketika mengaturnya, baginda ﷺ menjaga Gunung Uhud di belakangnya.

Di belakang pasukan di atas gunung itu terdapat sebuah laluan yang sempit, di mana orang-orang kafir Quraisy boleh menyerang tentera Islam melalui jalan itu. Atas sebab ini, Nabi ﷺ mengerahkan 50 pemanah di sana untuk melindungi dan menjaga laluan ini. Sayidina Abdullah Bin Jubair رضى الله عنه telah diberi arahan untuk memimpin pemanah-pemanah ini dan diperintahkan: “Sama ada kita menang atau kalah, jangan tinggalkan tempat ini.”

Permulaan Perang

Ketika perang bermula, umat Islam menunjukkan kemahiran dan kepakaran dengan berani dan gagah sehingga orang kafir melarikan diri kerana menghadapi kekalahan. Sementara itu, hanya kerana satu kesilapan, keseluruhan keadaan perang berubah.

Apabila kumpulan pemanah, yang ditugaskan untuk melindungi laluan sempit gunung, melihat bahawa perang telah dimenangi, mereka bergabung dengan rakan-rakan lain untuk mengumpul harta rampasan perang. Pemimpin pasukan menghalang dan mencegah

mereka, tetapi mereka berfikir dan menyangka bahawa perang telah berakhir, jadi mereka tidak perlu tinggal di sana.

Ketika Sayidina Khalid Bin Walid yang masih belum memeluk Islam melihat laluan sempit itu tanpa sebarang kawalan dan penjagaan, maka beliau menyerang umat Islam dari belakang (melalui jalan yang sempit).

Sayidina Abdullah Bin Jubair رضي الله عنه dan beberapa sahabatnya bertempur dengan sangat berani, tetapi mereka semua syahid. Selepas melihat perubahan keadaan perang, tentera kafir Quraisy yang melarikan diri kemudian kembali. Serangan mengejut ini mengubah keseluruhan keadaan.¹

Beberapa Peristiwa Perang Uhud

Semasa perang, seorang kafir menikam pedangnya ke wajah Nabi yang bercahaya, sehingga beberapa bahagian perisai kepala (iaitu helmet tempur) menusuk wajahnya yang diberkati. Akibat terkena lemparan batu, beberapa sudut gigi baginda patah, dan bibir bawahnya turut cedera.

Orang-orang kafir berusaha sedaya upaya untuk membunuh Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم, tetapi mereka tidak berjaya mencapai matlamat jahat mereka. Para sahabat yang terhormat melindungi Nabi Muhammad صلى الله عليه وآله وسلم dengan gagah berani.

¹ Al Iktifa, jilid. 1, m.s. 377

Ketika perang berakhir, orang-orang kafir pergi dari sana, sedangkan umat Islam mula mencari para sahabat yang gugur dalam peperangan. Melihat para sahabat yang gugur membuat umat Islam sangat tertekan. Jumlah sahabat yang gugur dalam ghazwah ini ialah tujuh puluh orang, empat daripadanya adalah Muhajirin dan enam puluh enam adalah Ansar. Semua syuhada ini dikebumikan di kaki Gunung Uhud. Dua orang syuhada dikebumikan dalam satu kubur. Tiga puluh orang kafir mati dalam peperangan ini.¹

Peristiwa Raji'

Peristiwa menyayat hati ini berlaku pada tahun keempat selepas hijrah. Beberapa orang dari suku 'Adal Waqarah, datang kepada Rasulullah ﷺ dan dengan rendah hati berkata: “Suku kami telah memeluk Islam. Tolong utus beberapa sahabat (رضي الله عنهم) yang boleh mengajar mereka tentang Islam.”

Nabi ﷺ menghantar satu kumpulan yang terdiri sepuluh orang sahabat رضي الله عنهم bersama mereka. Apabila kafilah ini tiba di kawasan Raji',² orang-orang kafir membunuh lapan orang dari mereka dengan tipu muslihat dan menjual dua yang baki di kota Mekah.³

¹ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid.2 m.s. 419, Madarij un Nubuwwah, jilid. 2, m.s. 133

² Di antara Usfaan dan kota Mekah terdapat sebuah tempat bernama Raji'. 'Usfaan berada pada jarak 380 kilometer dari kota Madinah dan 93 kilometer dari kota Mekah.

³ Madarij un Nubuwwah, bahagian 3, bab 4, jilid. 2, m.s. 138, dipilih

Peristiwa Bi'r Maunah

Peristiwa “Bi'r Maunah” yang terkenal berlaku pada bulan Safar 4 Hijrah. Amir bin Malik yang terkenal dengan keberaniannya, datang menghadap Rasulullah ﷺ. Nabi Muhammad ﷺ mengajaknya memeluk Islam, tetapi dia tidak menerima dan menyatakan kebencian terhadap perkara ini, sebaliknya, dia meminta beberapa sahabat terpilih dihantar bersamanya.

Nabi Muhammad ﷺ berkata: “Aku merasakan bahaya daripada orang-orang kafir Najd.” Dia berkata, “Aku menjamin nyawa dan harta benda sahabatmu.” Nabi Muhammad ﷺ kemudian mengutus tujuh puluh orang sahabat.

Apabila para sahabat yang diberkati ini tiba di Bi'r Maunah, ketua kafilah datang kepada 'Amir Bin Tufail, yang merupakan anak saudara kepada 'Amir Bin Malik, membawa sepucuk surat daripada Nabi Muhammad ﷺ. Amir Bin Tufail mempunyai lalu membunuhnya dan turut menyerang sahabat-sahabat yang lain رضى الله عنهم dengan bantuan suku-suku terdekat. Mereka hanya meninggalkan seorang sahabat, Sayidina 'Amr Bin Umayyah رضى الله عنه, dan para sahabat yang lain رضى الله عنهم mati syahid.

Rasulullah ﷺ sangat sedih ketika Sayidina 'Amr bin Umayyah رضى الله عنه tiba di kota Madinah dan menceritakan keseluruhan tragedi itu kepada baginda.

Ghazwah Bani Nadir

Sekembalinya dari Bi'r Maunah, Sayidina 'Amr Bin Umayyah رضى الله عنه

membunuh dua orang kafir yang diberi perlindungan oleh Rasulullah ﷺ. Dia menyangka bahawa dia telah membalas dendam untuk sahabatnya yang syahid di Bi'r Maunah, tetapi kemudian dia mengetahui kebenarannya.

Rasulullah ﷺ mengumumkan bahawa diat atau pampasan kedua orang kafir itu akan dibayar. Untuk bercakap tentang hal ini, baginda ﷺ datang kepada orang-orang Yahudi dari suku Bani Nadir, kerana perjanjiannya dengan mereka.

Secara zahir, mereka menunjukkan tingkah laku yang sangat baik tetapi sebenarnya merancang perangkap, mereka mengatur agar Rasulullah ﷺ dan para sahabat duduk di tepi dinding rumah dengan penuh rasa hormat, kemudian menghantar seseorang untuk memanjat ke atas rumah dan menjatuhkan batu berat ke atas mereka supaya mereka semua terbunuh.

Allah عزوجل memberitahu Nabi Muhammad ﷺ tentang rancangan jahat mereka ini. Baginda ﷺ segera berdiri tanpa berkata apa-apa dan pulang bersama para Sahabat. Setelah tiba di Madinah, baginda ﷺ memberitahu para sahabat tentang rancangan jahat orang-orang Yahudi ini.

Setelah bermesyuarat dengan kaum Ansar dan Muhajirin, Nabi Muhammad ﷺ menghantar mesej kepada orang-orang Yahudi, mengatakan bahawa kalian telah melanggar perjanjian dengan merancang perbuatan jahat, oleh kerana itu, mereka mesti meninggalkan Madinah dalam tempoh sepuluh hari.

Orang Yahudi menolak untuk berbuat demikian. Apabila mereka enggan berbuat demikian, Nabi Muhammad ﷺ bertolak dengan tentera dan mengepung kubu orang-orang Yahudi. Pengepungan ini berterusan selama lima belas hari. Semasa pengepungan ini, Nabi Muhammad ﷺ menebang beberapa pokok di sekeliling kubu, supaya orang Yahudi tidak mencederakan tentera Islam dengan bersembunyi di pokok-pokok.

Tidak berdaya, orang Yahudi bersetuju untuk meninggalkan rumah dan kubu mereka tetapi berkata bahawa mereka akan mengambil sebanyak mungkin harta benda mereka dengan memuatkannya ke atas unta mereka.

Nabi tercinta Muhammad ﷺ menerima syarat mereka, dan seluruh orang Yahudi Bani Nadir, kecuali dua orang yang memeluk Islam, meninggalkan Madinah sambil menyanyi dan bermain muzik selepas memuatkan barang-barang dan bekalan mereka ke atas enam ratus ekor unta. Sebahagian daripada mereka menetap di Khaibar, sedangkan sebahagian yang lain pergi ke Syam dan menetap di sana.¹

Perang Bani Mustaliq dan Peristiwa Al-Ifki

Tidak jauh dari Madinah, tinggal satu bahagian dari suku Khaza'ah, 'Bani Mustaliq'.² Pada bulan Syaaban tahun ke 5 Hijrah, ketika ketua suku ini berniat untuk menyerang kota Madinah, Nabi Muhammad

¹ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 2, m.s. 497 - 520, dipilih dan dirangkum

² Kini jarak tempat ini dari Madinah ialah 261 kilometer.

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mendapat khabar dan bertolak bersama tenteranya untuk memerangi mereka. Apabila mereka mengetahui kedatangan Nabi Muhammad ﷺ, pemimpin mereka melarikan diri kerana ketakutan. Yang selebihnya mencuba untuk menentang, tetapi apabila orang Islam menyerang bersama-sama, sepuluh orang kafir terbunuh. Seorang Muslim juga syahid. Banyak harta rampasan perang turut dirampas.

Dalam peperangan ini, Ummul Mukminin, Juwayriyah binti Harits رَضِيَ اللهُ عَنْهَا juga termasuk di antara para tawanan. Nabi Muhammad ﷺ mengahwininya, lalu kaum Muslimin membebaskan semua tawanan kerana rasa hormat dan gembira.

Ketika Nabi Muhammad ﷺ pulang dari ghazwah ini, Sayidah 'Aisyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا tertinggal di suatu tempat atas sebab tertentu. Kemudian, beliau bergabung dengan Rasulullah ﷺ. Menjadikan ini sebagai alasan asas, orang munafik, مَعَادُ اللهِ, membuat tuduhan palsu terhadap Sayidah 'Aisyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا. Dalam Al Quran, Allah عَزَّوَجَلَّ sendiri menyebut kesucian Sayidah 'Aisyah As-siddiqah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا dalam ayat 11 hingga 20 Surah An-Nur dan menyatakan bahawa tuduhan orang munafik adalah dusta.

Perang Parit (Perang Khandaq) dan Penyebabnya

Peristiwa “Perang Parit” berlaku pada tahun ke-5 Hijrah. Nabi Muhammad ﷺ telah mengusir orang Yahudi Bani Nadir dari Madinah kerana melanggar perjanjian yang dipersetujui. Sebahagian daripada mereka pergi ke Khaibar dan menetap di sana.

Di Khaibar, mereka membentuk pakatan dengan orang Yahudi tempatan dan kemudian menghasut orang musyrik di Arab untuk memerangi Nabi Muhammad ﷺ, dan memastikan mereka menerima segala jenis bantuan dan sokongan dari pihak mereka.

Semua orang kafir di Arab membentuk sebuah gabungan (persekutuan) dan bertujuan untuk memerangi orang Islam. Oleh itu, ia juga dipanggil Ghazwah Al Ahzaab (Pertempuran tentera gabungan). Jumlah musuh ialah 10,000 orang.

Oleh sebab itu, Sayidina Salman Al-Farisi رضى الله عنه mencadangkan: “Adalah lebih baik untuk menjalankan taktik perang pertahanan dengan tetap berada di dalam kota. Parit mesti digali di bahagian tepi di mana terdapat risiko pencerobohan (pencerobohan serangan) orang kafir.”

Oleh kerana ketiga-tiga sisi Madinah dikelilingi oleh jalan-jalan sempit yang dipenuhi dengan rumah-rumah dan pokok-pokok kurma, tidak ada kemungkinan pencerobohan dari ketiga-tiga sisi itu. Hanya ada satu bahagian yang terbuka, oleh itu diputuskan bahawa parit yang dalam perlu digali di situ.

Oleh itu, pada 8 Zulkaedah tahun ke-5 Hijrah, Rasulullah ﷺ terlibat dalam menggali parit bersama 3.000 sahabat رضى الله عنهم. Baginda ﷺ menandakan sempadan parit dengan tangannya sendiri yang diberkati, dan mengagihkan tugas untuk sepuluh ela tanah kepada sepuluh orang setiap seorang. Parit ini digali dalam masa lebih

kurang dua puluh hari. Parit berukuran 300 meter panjang dan 9 meter lebar, manakala kedalaman parit ialah 5 meter.

Insert image (sisipan gambar)

Ghatfaan, Gunung Uhud

Parit, Muslim, Gunung Sala

Peta Perang Parit

Pada masa itu, penggunaan parit dalam peperangan merupakan pengalaman baru bagi masyarakat Arab, dan merupakan salah satu sebab kejayaannya. Apabila tentera kafir maju ke hadapan, mereka terkejut melihat parit di hadapan mereka. Mereka mengepung Madinah, dan pengepungan ini berlangsung selama kira-kira sebulan. Pengepungan itu sangat teruk dan begitu ketat sehingga Rasulullah ﷺ dan para sahabat yang diberkati رضى الله عنهم tidak menerima makanan langsung.

Beberapa orang kafir berjaya menyeberangi parit dari satu tempat, tetapi apabila pahlawan terkemuka mereka terbunuh, yang selebihnya melarikan diri. Dalam peperangan ini, enam orang Islam telah diisytiharkan syahid. Abu Sufyan, yang merupakan panglima pasukan kafir pada masa itu, berasa jengkel dengan cuaca yang dingin dan membeku, kepungan yang panjang dan bekalan yang hampir habis.

Dalam keadaan ini, Allah عز وجل menimpakan kepada mereka taufan yang menyebabkan kualiti mereka terbalik dan khemah mereka tercabut. Pendek kata, mereka mendapati diri mereka berada dalam

situasi di mana mereka tidak mempunyai pilihan lain selain melarikan diri.

Perang Bani Quraizah

Selama Perang Parit(khandak), Bani Quraizah melanggar perjanjian dan menolong orang-orang kafir. Untuk menghukum mereka kerana ini, Nabi Muhammad ﷺ bertolak ke Bani Quraizah dengan pasukannya sejeurus selepas Perang Parit. Bani Quraizah menyerah diri setelah pengepungan selama dua puluh lima hari dan berkata bahawa apa sahaja keputusan yang diambil oleh Sayidina Saad Bin Mu'aaz رضى الله عنه tentang mereka, maka mereka akan menerimanya.

Berdasarkan keputusan Sayidina Saad رضى الله عنه, orang-orang yang berperang dibunuh, wanita dan anak-anak mereka menjadi tawanan, dan harta benda mereka diagihkan kepada para mujahidin.

Perlu diingat bahawa Bani Qurayzah sendiri yang memilih Sayidina Saad Bin Mu'aaz رضى الله عنه sebagai orang tengah dan kemudian keputusan itu dilaksanakan, dan keputusan Sayidina Saad رضى الله عنه sebenarnya sesuai dengan ajaran agama Bani Quraizah.

Niat untuk pergi Umrah dan Mukjizat yang Menakjubkan

Pada tahun keenam hijrah, pada bulan Zulkaedah, Rasulullah ﷺ bertolak ke kota Mekah setelah memakai Ihram Umrah bersama 1400 orang sahabat رضى الله عنهم. Baginda ﷺ mempunyai dugaan bahawa orang-orang kafir di kota Mekah mungkin akan

menghalang mereka dari menunaikan umrah, oleh kerana itu, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menghantar seorang perisik dari suku Khuza'ah ke kota Mekah supaya dia dapat mencari maklumat tentang niat orang-orang kafir di kota Mekah.

Apabila kafilah Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tiba berhampiran Asfaan, dia (perisik dari suku khuza'ah) membawa berita bahawa orang-orang kafir di Mekah telah mengumpulkan semua orang kafir dari suku Arab dan memerintahkan mereka untuk tidak membenarkan orang Islam memasuki kota Mekah dengan apa cara sekalipun.

Oleh itu, orang-orang kafir di kota Mekah mengumpulkan semua suku dan bersatu dengan mereka serta mereka membentuk sebuah pasukan. Untuk menghalang umat Islam, mereka meninggalkan kota Mekah dan berkhemah di suatu tempat. Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menggunakan jalan yang berbeza di mana tentera kafir dikerahkan. Melalui jalan yang lain, umat Islam sampai ke “Hudaibiyah”, dan berkhemah di sana.

Terdapat kekurangan air yang teruk di Hudaibiyah. Hanya ada satu perigi yang mengering dalam beberapa jam sahaja. Apabila para sahabat yang diberkati menjadi gelisah kerana kehausan, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ meletakkan tangannya yang mulia dan diberkati ke dalam mangkuk besar, sehingga menghasilkan mata air yang terpancar dari jari-jemarinya yang diberkati.

Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menuangkan air yang digunakannya untuk berwuduk ke dalam perigi kering bersama-sama dengan salah satu anak panahnya. Dan dengan itu, begitu banyak air keluar dari perigi sehingga

seluruh umat Islam dan semua haiwan dapat menghilangkan dahaga mereka dengan meminum air dari perigi selama sehari-hari.

Insert images (sertakan gambar)

Masjid Syumaisi terletak di wilayah Hudaibiyah

Terletak di Hudaibiyah

Hudaibiyah adalah sebuah penempatan yang terletak kira-kira 24 kilometer dari kota Mekah. Satu bahagian terletak di dalam kawasan suci Haram, dan sebahagian lagi terletak di luar Haram. Hari ini, tempat ini dikenali sebagai Syumaisi.

Baiatul Ridwan (sumpah yang diikrarkan para sahabat di hadapan Rasulullah ﷺ di bawah pokok yang rendang)

Setelah tiba di Hudaibiyah, Rasulullah ﷺ melihat bahawa orang-orang kafir Quraisy bersedia untuk berperang dengan pasukan mereka, sedangkan baginda ﷺ dan para sahabatnya berada dalam keadaan Ihram. Oleh itu, baginda ﷺ merasakan lebih baik mengadakan rundingan damai dengan mereka. Untuk tugas ini, baginda ﷺ mengutus Sayidina Usman bin Affan رضي الله عنه ke kota Mekah.

Maka Sayidina Usman رضي الله عنه pergi ke kota Mekah dan mengajak orang-orang kafir Quraisy untuk membuat perjanjian damai. Orang-orang kafir mengatakan bahawa kami membenarkan kalian melakukan Tawaf di Kaabah dan Sai di Safa dan Marwah, tetapi kami

tidak akan membenarkan Muhammad (ﷺ) masuk ke Kaabah.

Sayidina Utsman رضى الله عنه berkata: “Aku tidak akan menunaikan umrah tanpa Rasulullah ﷺ.” Keadaan bertambah buruk dan orang-orang kafir menahan sayidina Usman رضى الله عنه di kota Mekah.

Khabar angin tersebar di Hudaibiyah bahawa orang-orang kafir Quraisy telah membunuh Sayidina Usman رضى الله عنه. Apabila berita ini sampai kepada Nabi Muhammad ﷺ, baginda ﷺ bersabda: “Membalas darah Usman ialah fardu.”

Setelah berkata demikian, baginda ﷺ duduk di bawah pokok dan berkata kepada para sahabat yang diberkati رضى الله عنهم: “Buatlah sumpah setia di tanganku bahawa kalian akan tetap setia kepadaku sehingga nafas terakhir kalian.” Semua sahabat berikrar taat setia kepada baginda dengan mengangkat sumpah ini. Ini adalah sumpah setia yang dikenali sebagai “Baiatul Ridwan” dalam sejarah Islam.

Pokok ini dan janji sumpah setia di bawahnya telah disebutkan pada dua tempat di dalam Al Quran iaitu dalam Surah Al Ma’idah ayat ke 7, dan pada banyak ayat dalam Surah Al Fath. Selepas baiah tersebut, didapati berita kesyahidan Sayidina Usman رضى الله عنه adalah berita palsu. Sayidina Usman رضى الله عنه masih hidup dan dalam keadaan baik.

Perjanjian Hudaibiyah dan Puncanya

Rasulullah ﷺ dan para sahabat bertolak dengan niat untuk menunaikan Umrah. Oleh itu, mereka juga membawa binatang korban; tetapi orang-orang kafir bersumpah bahawa selagi mereka

hidup mereka tidak akan membenarkan orang Islam sampai ke Kaabah yang diberkati.

Apabila Sayidina Usman bin Affan رَضِيَ اللهُ عَنْهُ membawa mesej perjanjian damai daripada Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ ke kota Mekah, orang kafir Quraisy menghantar beberapa orang kepada baginda untuk berunding, tetapi tidak ada yang dapat diselesaikan. Kemudian orang Quraisy menghantar Suhail Bin ‘Amr untuk menentukan syarat-syarat perjanjian damai, akibatnya Perjanjian Hudaibiyah dibentuk. Beberapa syarat perjanjian ini adalah seperti berikut:

1. Umat Islam mesti pulang tanpa menunaikan umrah pada tahun tersebut.
2. Mereka boleh datang untuk menunaikan umrah tahun berikutnya, tetapi mereka hanya boleh tinggal di Mekah selama tiga hari.
3. Tidak akan ada peperangan (gencatan senjata) selama sepuluh tahun akan datang.
4. Suku-suku Arab boleh membuat perjanjian persahabatan dengan mana-mana suku yang mereka kehendaki.
5. Jika ada orang muslim dari Mekah yang pergi ke Madinah, maka dia wajib dikembalikan.

Perjanjian damai ini dirujuk sebagai “Fath Mubiin” (kemenangan nyata) dalam Al Quran. Secara zahirnya, perjanjian ini bertentangan dengan umat Islam, tetapi peristiwa-peristiwa berikutnya menunjukkan bahawa perjanjian ini merupakan faktor utama dalam pencapaian dan kejayaan seterusnya.

Bab Sepuluh

Selepas Perjanjian Hudaibiyah sehingga Kewafatan Baginda

Raja-raja Diundang untuk Masuk Islam

Selepas Perjanjian Hudaibiyah, perdamaian berlaku di mana-mana. Kerana Rasulullah ﷺ ialah Nabi bagi sekalian alam, maka baginda ﷺ bertujuan untuk menyebarkan risalah Islam ke seluruh dunia. Oleh itu, baginda ﷺ menghantar surat kepada raja-raja yang berbeza dengan menghantar utusan. Ringkasannya adalah seperti berikut:

Nama Utusan	Kota/Negara	Raja/Amir	Reaksi dan jawapan
Sayidina Dihyah Kalbi <small>رضي الله عنه</small>	Baitul Maqdis/Jerusalem	Hiraql (Kaisar Rom)	Dia menerima kebenaran Islam tetapi masih enggan membaca Kalimat Tayyibah kerana kerakusannya terhadap kerajaan. ¹

¹ Bukhari, bab 6, jilid. 1, m.s. 12, Hadis 7, diringkaskan

<p>Sayidina Abdullah bin Huzafah <i>رضي الله عنه</i></p>	<p>Tisfun (salah satu kota besar pada masa Iran kuno)</p>	<p>Kisra (Khusro Pervaiz)</p>	<p>Mengoyakkan surat itu, anaknya membunuhnya, pemerintahannya berakhir pada zaman khalifah Sayidina Umar <i>رضي الله عنه</i>¹</p>
<p>Sayidina 'Amr bin Umayyah <i>رضي الله عنه</i></p>	<p>Axum (kota kuno yang terletak di utara Ethiopia)</p>	<p>Ashhamah Najjashi</p>	<p>Menunjukkan rasa hormat yang tinggi terhadap surat itu dan memeluk Islam.²</p>
<p>Sayidina Haatib bin Abi Balta'a <i>رضي الله عنه</i></p>	<p>Iskandariah</p>	<p>Muqawqas (Raja Mesir)</p>	<p>Sangat menghormati surat itu, tetapi tidak memeluk Islam; menghantar hadiah yang berharga kepada Nabi <i>صلى الله عليه وآله وسلم</i>³</p>

¹ Perang Subul Al Huda Rashad, jilid. 11, m.s. 362, diringkas

² Perang Subul Al Huda Rashad, jilid. 11, m.s. 365, diringkas

³ Subul Al Huda war rashad, jilid. 11, m.s. 348-349, diringkas

<p>Sayidina 'Ala bin Hadrami</p> <p>رضي الله عنه</p>	<p>Bahrain</p>	<p>Mundhir bin Saawa</p>	<p>Menunjukkan rasa hormat yang tinggi terhadap surat itu dan memeluk Islam bersama majoriti rakyatnya.¹</p>
<p>Sayidina 'Amr bin 'Aas</p> <p>رضي الله عنه</p>	<p>Oman</p>	<p>Dua putera Julandi, Jafar dan 'Abd</p>	<p>Menunjukkan rasa hormat yang tinggi terhadap surat itu; kedua-duanya memeluk Islam.²</p>
<p>Sayidina Sulait bin 'Amr</p> <p>رضي الله عنه</p>	<p>Yaman</p>	<p>Hauza bin Ali</p>	<p>Menunjukkan rasa hormat yang tinggi terhadap surat itu; dan juga menghormati utusan tersebut, tetapi dengan syarat dia menerima Islam setelah diberi kuasa, namun perkara</p>

¹ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 5, m.s. 34 - 36, dirangkum

² Subul Al Huda war rashad, jilid. 5, m.s. 37 - 43, dipilih

			tersebut tidak diterima. ¹
Sayidina Syuja' bin Wahb <i>رضي الله عنه</i>	Ghuthah (Damsyik)	Harits bin Abi Shamir Ghasani	Orang yang sombong ini menjadi marah selepas membaca surat itu dan mengarahkan tenteranya bersiap sedia, mengakibatkan peperangan seperti Perang "Mu'tah" dan Perang "Tabuk". ²

Perang Khaibar dan Puncanya

Perang Khaibar berlaku pada bulan Muharram. Menurut salah satu pendapat, peperangan ini berlaku pada tahun 7 Hijrah.

¹ Madarij un Nubuwwah, jilid. 2, m.s. 228 - 229, dirangkum

² Perang Subul ul Huda Rashad, jilid. 11, m.s. 358 - 359, dirangkum | Seerate Mustafa, m.s. 373

Khaibar adalah pusat Yahudi terbesar di Semenanjung tanah Arab. Orang Yahudi Khaibar sangat kaya dan berkecukupan serta mahir dalam peperangan. Mereka telah membina banyak kubu kuat di sana, lapan daripadanya sangat terkenal. Gabungan lapan kubu ini dipanggil “Khaibar”.¹

Orang Yahudi Khaibar berada di barisan hadapan orang kafir yang menyerang kota Madinah dalam Perang Khandaq (Perang Parit). Merekalah yang memperhebatkan perang ini dan meletakkan asas untuknya. Merekalah yang menghasut orang-orang kafir di kota Mekah untuk menyerang Madinah dan juga membantu mereka dari segi kewangan. Aib dan penghinaan yang dihadapi dalam Perang Parit menjadikan mereka lebih sedih dan marah. Bersatu dengan puak lain, mereka mula bersekongkol untuk menyerang kota Madinah semula.²

Apabila Rasulullah ﷺ mengetahui rancangan jahat mereka, baginda ﷺ bertolak ke Khaibar dengan pasukan yang terdiri daripada 1.600 orang sahabat رضى الله عنهم.³

Insert images (sisipan gambar)

¹ Sharh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 243, dipilih

² Seerate Mustafa, m.s. 381, dirangkum

³ Khaibar terletak di utara kota Madinah dan berada di laluan antara kota Madinah dan Tabuk. Jaraknya kira-kira 153 kilometer dari kota Madinah. Tanah Khaibar subur dan kawasan itu terkenal dengan hasil kurma yang berkualiti tinggi. Terdapat begitu banyak kebun buah di sana sehingga kota itu tidak kelihatan. Kini, kota baharu itu terletak jauh dari kawasan kuno tempat mereka berada dahulu.

Gambar Benteng Khaibar yang merupakan pusat tentera Yahudi ketika itu

Nabi Tercinta Muhammad ﷺ memasuki sempadan wilayah Khaibar pada waktu malam. Sudah menjadi kebiasaannya bahawa baginda ﷺ tidak akan menyerang mana-mana wilayah pada waktu malam.

Baginda ﷺ memasuki kota selepas solat Subuh. Orang Yahudi membuat rancangan untuk berperang dengan tinggal di dalam kubu. Semua kubu telah ditakluki secara beransur-ansur. Kubu terbesar dan terkuat di Khaibar ialah 'Qamus', yang telah ditakluki oleh Sayidina Ali رضي الله عنه. Sembilan puluh tiga orang Yahudi terbunuh dalam peperangan yang berlaku di Khaibar, manakala lima belas orang sahabat رضي الله عنهم syahid dalam peperangan itu.¹

Selepas penaklukan, orang Yahudi meminta agar mereka tidak diusir dari Khaibar, dan tanah mereka juga tetap menjadi hak milik mereka. Sebagai balasan, mereka akan memberikan separuh daripada hasil tuaian yang mereka ada.

Rasulullah ﷺ menerima permintaan mereka. Apabila hasil pertanian sudah siap untuk dituai, Rasulullah ﷺ menghantar Sayidina Abdullah Bin Rawahah رضي الله عنه untuk membahagi hasil itu. Sayidina Abdullah membahagikannya kepada

¹ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 352 - 353, dipilih

dua bahagian dan memerintahkan orang Yahudi mengambil bahagian yang mereka kehendaki.

Terkejut dengan pembahagian tersebut, mereka berkata: “Bumi dan langit wujud kerana keadilan ini.”¹

Selain penaklukan Khaibar, banyak wilayah lain turut ditakluki. Peperangan berlaku di beberapa tempat, dan beberapa wilayah boleh ditakluki tanpa sebarang peperangan sama sekali.²

Melaksanakan Umrah Qada

Salah satu syarat perjanjian damai yang dibuat di Hudaibiyah ialah umat Islam akan menunaikan umrah pada tahun berikutnya dan akan tinggal di kota Mekah selama tiga hari. Selepas genap setahun, pada bulan Zulkaedah tahun ke-7 Hijrah, Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mengumumkan: “Setiap orang yang menghadiri Hudaibiyah tahun lepas mesti datang.”

Semua sahabat, kecuali para syuhada, memperoleh keistimewaan ini.. Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ pergi ke kota Mekah bersama dua ribu orang Islam. Enam puluh ekor unta turut dibawa bersama mereka untuk dikorbankan.³

¹ Futooh Al Buldaan, m.s. 33 - 35, dipilih

² Sharh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 303, dirangkum

³ Sharh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 314, dirangkum

Apabila Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memasuki kota suci Mekah, beberapa orang kafir menyaksikan peristiwa ini dengan mendaki gunung berhampiran. Mereka berkata antara satu sama lain: “Bagaimanakah mereka akan melakukan Tawaf? Kelaparan dan demam telah melemahkan mereka.”

Setibanya di tempat suci di kota Mekah, Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memakai ihram dengan lengan dan bahu kanannya terdedah.¹ Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ kemudian bersabda:” Semoga Allah عَزَّوَجَلَّ melimpahkan rahmat-Nya kepada orang-orang yang menunjukkan kekuatan mereka di hadapan orang-orang kafir ini.”

Kemudian bersama para sahabatnya, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ melakukan tiga pusingan pertama tawaf dengan tegap dan bertenaga dengan menggerakkan bahunya, dan dengan penuh bangga.² Sunnah ini masih dilaksanakan sehingga kini. Setiap orang yang bertawaf melakukannya dalam tiga pusingan pertama.

Kemudian Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ melakukan Sai di Safa dan Marwah dan menyembelih binatang korban. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tinggal di kota Mekah selama tiga hari dan kemudian pulang ke kota Madinah. Kerana umrah ini dilaksanakan atas sebab larangan umrah pada tahun sebelumnya, maka umrah ini dipanggil Umrah Qada.³

¹ Namanya Idhtiba’.

² Ini disebut "Ramal" dalam bahasa Arab.

³ Sharh Al Zurqaani ‘Ala AlMawahib, jilid. 3, m.s. 315-325

Penyebab Terjadinya Perang Mu'tah

“Mu'tah” ialah sebuah tempat di Syam. Penyebab peperangan ini adalah seperti berikut:

Rasulullah ﷺ menulis surat kepada kaisar, raja Busra,¹ dan Sayidina Harith Bin Umair رَضِيَ اللهُ عَنْهُ diutus untuk menyampaikannya. Dalam perjalanan, Syurahbil Bin 'Amr membunuh Sayidina Harith Bin Umair رَضِيَ اللهُ عَنْهُ. Apabila berita ini sampai kepada Nabi Muhammad ﷺ, kejadian itu membuatnya sangat sedih.

Pada masa itu, baginda ﷺ mengerahkan pasukan sebanyak 3.000 tentera muslim, dan mengikat bendera putih dengan tangannya sendiri yang diberkati, lalu menyerahkannya kepada Sayidina Zaid bin Haritsah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, melantiknya sebagai panglima tentera. Selain itu, baginda ﷺ bersabda: “Jika dia syahid, maka Ja'far bin Abu Talib akan menjadi ketua. Jika dia syahid, maka Abdullah Bin Rawahah akan menjadi ketua.”²

Perang Mu'tah

Ketika pasukan ini bertolak di bawah pimpinan Sayidina Zaid رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, mereka diberi berita bahawa Kaisar Rom berada di sana bersama

¹ **Busra:** Ini adalah wilayah Syam, di mana pada masa itu, Syurahbil Bin 'Amr adalah gabenor. Dia memberi penghormatan kepada kaisar, raja Rom. Ingat! Busra dan Basra adalah nama dua bandar yang berbeza. Kota Basra didiami sebagai berek oleh Sayidina Umar رَضِيَ اللهُ عَنْهُ pada zaman khalifahannya.

² Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s.339 – 342

seratus ribu orang tentera. Seratus ribu lagi orang Kristian Arab turut menyertainya.

Sayidina Zaid رضي الله عنه bermesyuarat, sama ada dia perlu menulis surat kepada Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم, meminta pasukan tambahan, atau sama ada dia perlu meneruskan pertempuran. Sayidina Abdullah Bin Rawahah رضي الله عنه berkata: “Matlamat kita bukanlah kemenangan atau kekayaan, tetapi matlamat kita adalah syahid.”

Mendengar ini, orang berkata: “Abdullah telah memberitahu kebenaran.” Kemudian mereka maju dan berkhemah di Mu'tah. Pasukan tersusun dan seluruh tentera telah bersedia untuk berperang.

Dataran Mu'tah tempat Perang Mu'tah berlaku

Insert map (sisipan peta gambar)

Mu'tah ialah kawasan antara Karak, sebuah kota di Jordan moden, dan Sungai Jordan. Jordan ialah sebuah negara di Asia Barat, dan Amman ialah ibu kotanya. Pada masa itu, rakyat Syam memerintah di sana. Ini adalah kali pertama tentera Islam pergi jauh dari Madinah untuk berperang. Jarak antara Jordan dan Madinah sekurang-kurangnya lebih seribu kilometer.

Peperangan yang menakjubkan dalam sejarah manusia berlaku di sini di mana dua ratus ribu askar berperang melawan hanya tiga ribu askar yang setia.

Berdasarkan kata-kata Rasulullah صلى الله عليه وآله وسلم, Sayidina Zaid رضي الله عنه syahid. Ketika Sayidina Zaid رضي الله عنه syahid, maka Sayidina Ja'far رضي الله عنه

memegang bendera Islam, dan ketika beliau syahid, maka Sayidina Abdullah Bin Rawahah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ memegang bendera tersebut. Nabi tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memerhatikan semua peristiwa ini dari kota Madinah dan memberitahunya.¹

Selepas kesyahidan Sayyidina Abdullah Bin Rawahah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, Sayidina Khalid Bin Waleed رَضِيَ اللهُ عَنْهُ memegang bendera dan bertarung dengan gagah berani sehingga sembilan pedang patah di tangannya. Dengan kemahiran dan kepakaran perang yang sangat baik, beliau berjaya mengeluarkan tentera Islam daripada kepungan musuh dan membawa mereka pulang ke kota Madinah. Ini adalah kemenangan besar bagi umat Islam kerana hanya dua belas orang sahabat رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ yang syahid menentang pasukan yang berjumlah seratus ribu orang tentera.² Tentera Islam yang selebihnya kembali dengan selamat, manakala musuh mengalami kerugian yang jauh lebih besar daripada ini.³

Sebab Penaklukan Kota Mekah

Selaras dengan perjanjian yang dibuat di Hudaibiyah, terdapat perjanjian gencatan senjata antara orang Islam dan orang kafir Quraisy selama sepuluh tahun. Berdasarkan perjanjian ini, suku Bani

¹ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 344 - 347, dirangkum

² Menurut beberapa riwayat, bilangan tentera kafir adalah dua ratus ribu orang. Peperangan ini berlangsung selama tujuh hari, dan dinyatakan bahawa dua puluh ribu tentera musuh terbunuh, manakala hanya dua belas sahabat yang mati syahid.

³ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 348 - 349, dirangkum

Bakar membentuk pakatan dengan Quraisy, dan Bani Khaza'ah bergabung (bersekutu) dengan orang Islam. Sudah lama wujud permusuhan antara dua puak ini.

Suatu ketika Bani Bakar bersama-sama orang kafir Quraisy menyerang sekutu kaum Muslimin, Bani Khaza'ah. Penduduk Bani Khaza'ah memasuki kawasan suci Kaabah untuk menyelamatkan nyawa mereka, tetapi mereka tidak terlepas daripada serangan walaupun ketika di sana. Dua puluh tiga orang daripada Bani Khaza'ah terbunuh dalam serangan ini. Bani Khaza'ah meminta pertolongan daripada Nabi Muhammad ﷺ.¹

Baginda ﷺ menghantar mesej kepada kaum kafir Quraisy yang mengandungi: “Terima salah satu daripada tiga perkara (berikut):

1. Bayar diat (pampasan) orang yang terbunuh!
2. Atau hentikan pakatan/persekutuan dengan Bani Bakar!
3. Atau umumkan bahawa Perjanjian Hudaibiyah telah berakhir.”

Mendengar kata dua, mereka yang mewakili kaum kafir Quraisy mengumumkan keputusan untuk menamatkan perjanjian itu. Sebaik sahaja Rasulullah ﷺ pergi, kaum kafir Quraisy menyedari bahawa mereka telah melakukan kesilapan yang sangat besar. Mereka

¹ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 276 - 380, dirangkum

segera menghantar Abu Sufyan ke kota Madinah untuk membuat perjanjian baru seperti dahulu, tetapi tidak diindahkan.

Kecewa, Abu Sufyan mengumumkan pembaharuan perjanjian dengan berdiri sendirian di Masjid Al Nabawi, tetapi tiada siapa yang menjawab. Kemudian dia kembali ke kota Mekah dan memberitahu seluruh keadaan kepada para pemimpin Quraisy.

Mereka bertanya kepadanya: “Adakah mereka menjawab pengumuman anda?” Abu Sufyan menjawab: “Tidak.” Orang-orang kafir Quraisy berkata: “Kalau begitu, tidak mengapa; ini bukan perjanjian damai supaya kita boleh berehat, dan juga bukan pengisytiharan perang supaya kita boleh bersedia untuk menghadapinya.”

Sementara itu, Rasulullah ﷺ menyiapkan peperangan dengan sangat berhati-hati. Matlamat di sebalik ini adalah supaya penduduk kota Mekah tidak mengetahuinya dan mereka mesti diserang apabila tidak menyedarinya.¹

Nabi Muhammad ﷺ memasuki Kota Mekah

Pada tahun ke-8 hijrah, 10 Ramadan, Rasulullah ﷺ bertolak ke kota Mekah dengan pasukan tentera lebih kurang dalam

¹ Sharh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 384 - 386, dipilih dan dirangkum

10,000 orang, beberapa menyertainya dalam perjalanan, menjadikan jumlah tentera kepada 12,000.¹

Sebelum memasuki kota Mekah, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ membahagikan pasukan kepada dua bahagian. Di satu bahagian, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ hadir sebagai pemimpin, manakala di bahagian kedua diberikan di bawah pimpinan Sayidina Khalid bin Waleed رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, dan disuruh masuk ke kota Mekah melalui jalan yang lain.²

Sebaik sahaja Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tiba di tanah Mekah, perintah pertama yang dikeluarkannya adalah sebagai berikut:

- ❖ Orang yang menyerah diri dijamin perlindungan.
- ❖ Sesiapa yang menutup pintu, perlindungannya terjamin.
- ❖ Sesiapa yang memasuki Kaabah dijamin perlindungan.
- ❖ Sesiapa yang memasuki rumah Abu Sufyan dijamin perlindungan.³

Pengumuman belas kasihan oleh Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ ini menciptakan lingkungan yang damai di mana-mana. ini mewujudkan persekitaran yang aman di mana-mana. Tidak ada kemungkinan setitik darah tertumpah, tetapi beberapa orang kafir Quraisy menyerang tentera Sayidina Khalid Bin Waleed رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, yang

¹ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 395, dirangkum

² Bukhari, jilid. 3, m.s. 102, Hadis 4280

³ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 417 - 422, dirangkum

mengakibatkan tiga orang Islam mati syahid, dan kira-kira dua belas orang kafir terbunuh.

Ketika Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ melihat pedang digunakan dan anak panah ditembakkan, Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bertanya: “Mengapa pedang masih digunakan walaupun pertempuran dilarang?” beliau (sayidina Khalid) dengan rendah hati menjawab: “Orang-orang kafir memulakannya.” Nabi Muhammad yang dikasihi berkata: “Tuhan Yang Maha Esa telah menentukan nasib. Apa sahaja yang Allah kehendaki, itu lebih baik.”¹

Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ adalah penakluk kota Mekah, namun kerendahan hatinya sangat besar sehingga baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ duduk di atas unta miliknya sambil membaca ayat-ayat Surah Al Fath dengan kepala ditundukkan sehingga menyentuh pelana untanya.² Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mendudukkan untanya, melakukan Tawaf, dan mencium Hajar Al Aswad. Kemudian, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memerintahkan supaya semua berhala dikeluarkan dari Kaabah. Apabila semua berhala telah dikeluarkan dari Kaabah yang suci, Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ masuk ke dalam, membaca Takbir di setiap sudut Kaabah, dan melakukan solat dua rakaat di sana.³

¹ Sharh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 416 - 417, dirangkum

² Sharh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 434, dirangkum

³ Bukhari, jilid. 3, m.s. 102, Hadis 4288, dirangkum

Perbuatan Nabi Muhammad ﷺ yang penuh kasih sayang

Selepas itu, Nabi Muhammad ﷺ mengadakan perhimpunan agung (pertama) di tempat suci (Haram) di sekitar Kaabah bersama-sama tentera Islam yang lain, ribuan orang kafir turut hadir di situ. Di antara orang-orang kafir ini ada orang-orang yang telah menganiaya Nabi Muhammad ﷺ dan para sahabatnya yang tercinta, yang meletakkan duri di jalannya, melemparkan tahi unta ke tubuhnya yang diberkati, berusaha membunuhnya, membuat sahabat-sahabat baginda meninggal dalam keadaan syahid, memaksa untuk meninggalkan kota Mekah, membuat tuduhan palsu terhadapnya dan memburuk-burukkannya. Pendek kata, mereka melakukan semua jenis kezaliman dan kekejaman.

Sekarang, mereka semua berdiri seperti penjenayah di hadapan Nabi Muhammad ﷺ. Jika baginda ﷺ mahu, baginda boleh membalas dendam dengan kejam terhadap mereka, tetapi baginda ﷺ tidak membalas dendam sama sekali. Sebaliknya, baginda ﷺ berkata dengan nada penuh belas kasihan: *“لا تَشْرِيْبَ عَلَيْكُمْ الْيَوْمَ فَآذْ هَبُوا أَنْتُمْ الطَّلَقَاءُ”* “Hari ini, kamu tidak bersalah. Pergi! Kamu semua bebas.”¹

Mengambil tindakan yang baik kepada musuh-musuh yang pernah menyiksa Nabi tercinta Muhammad ﷺ dan para sahabatnya yang diberkati dengan pelbagai cara setelah kemenangan

¹ Syarh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 449, dirangkum

atas mereka adalah sesuatu yang tidak dapat ditemui dan tidak ada duanya.

Pada hari kedua penaklukan kota Mekah, Nabi Muhammad ﷺ menyampaikan khutbah lain yang menyebut undang-undang (peraturan) tempat-tempat suci di sekitar Kaabah serta peperangan dan pergaduhan di tempat suci ini diisytiharkan dilarang selamanya.

Pada kesempatan ini, kerana perbuatan baik baginda, banyak orang yang memeluk Islam. Baginda ﷺ memusnahkan berhala-berhala lain (yang berada di sekitar kota Mekah).¹

Perang Hunain

Dengan penaklukan kota Mekah, menjadi jelas kepada seluruh Semenanjung Arab bahawa Islam adalah agama yang benar. Dengan cara ini, banyak suku mula memeluk Islam. Namun, selepas tersebarnya berita ini, suku Hawazin dan beberapa suku kecil lain pergi dengan niat untuk menyerang umat Islam.

Apabila Rasulullah ﷺ mengetahui perkara ini, Baginda ﷺ bertolak bersama 12.000 orang tentera. Tentera Islam berhadapan dengan orang-orang kafir di **Hunain**² yang terletak di antara Mekah dan Taif. Pada mulanya orang Islam bertempur dengan mahir dan menyerang dengan handal sehingga tentera kafir mula

¹ Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 487 - 490, dipilih

² Hunain adalah sebuah lembah kira-kira 29 km dari Mekah dan 462 km dari Madinah.

melarikan diri dari medan perang, tetapi apabila tentera mereka yang menunggu serangan hendak menyerang, tentera Islam panik.

Akhirnya, umat Islamlah yang menang, dan dalam peperangan ini, mereka menawan beribu-ribu tawanan dan mengambil sejumlah besar harta rampasan perang..¹

Setelah itu, Nabi Muhammad ﷺ bertolak menuju kota Taif dan mengepung kubu Taif. Pengepungan itu berlangsung lebih dari dua minggu, tetapi tidak memberikan banyak manfaat, sehingga baginda ﷺ memerintahkan agar pengepungan itu ditamatkan dan berdoa: “Ya Allah **عَزَّوَجَلَّ**! Berilah hidayah kepada Tsaqif iaitu penduduk Taif.”

Dengan keberkatan doa Nabi Muhammad ﷺ, penduduk kota Taif menjadi Muslim pada tahun ke-9 Hijrah. Atas permintaan mereka, semua tahanan dibebaskan. Sekembalinya dari Taif, Nabi ﷺ mengagihkan harta rampasan perang yang diperoleh daripada Perang Hunain kepada umat Islam. Baginda ﷺ tinggal di kota Mekah selama lebih dari dua minggu dan kemudian pulang ke kota Madinah.²

Perang Tabuk

Pada tahun ke-9 hijrah, tepatnya pada bulan Rejab, Perang Tabuk berlaku. Terdapat tempat di antara kota Madinah dan Syam yang

¹ Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 496-531, dipilih dan dirangkum

² Syarh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 4, hal. 6 - 19, dipilih dan dirangkum

dipanggil “Tabuk”. Juga dipanggil Jaysy Al Usra (iaitu tentera dengan bekalan yang tidak mencukupi).¹

Ini tercetus apabila berita tersebar di kota Madinah bahawa orang Rom dan Arab Kristian telah menyediakan tentera yang besar untuk menyerang Madinah. Untuk memerangi mereka, maka Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mengeluarkan perintah untuk mempersiapkan tentera. Pada masa itu, kebuluran melanda seluruh wilayah Hijaz dan cuaca juga sangat panas sehingga sangat sukar bagi orang ramai untuk meninggalkan rumah.

Masjid At-Taubah terletak di Tabuk

Insert image (sisipan gambar)

Kota Tabuk berada pada jarak 552 km dari kota Madinah. Jarak melalui jalan darat adalah lebih kurang 682 km. Tempat di mana tentera Islam berkhemah kini dikenali sebagai ‘Benteng Tabuk’. Ini adalah perang terakhir di mana Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ turun tangan secara fizikal.

Dalam peperangan ini, Sayidina Abu Bakar رَضِيَ اللهُ عَنْهُ menyumbangkan semua harta di rumahnya, dan Sayidina Umar رَضِيَ اللهُ عَنْهُ menyumbangkan separuh daripada harta di rumahnya untuk melengkapkan pasukan.² Sayidina Usman bin Affan رَضِيَ اللهُ عَنْهُ dan

¹ Syarh Al Zurqaani ‘Ala Al Mawahib, jilid. 3, m.s. 4, hal. 65, dirangkum

² Tirmizi, jilid. 5, hal. 380, Hadits 3695

Sayidina Abdul Rahman Bin 'Auf رَضِيَ اللهُ عَنْهُ turut memberikan sokongan khas dalam hal ini.

Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ berangkat ke kota Tabuk dengan 30,000 orang tentera. Selepas tiba di Tabuk, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mengarahkan tentera untuk berkhemah di situ. Tidak ada tanda-tanda tentera Rom walaupun dari jauh. Kemudian, didapati bahawa apabila mata-mata memberitahu Kaisar Rom tentang kemuliaan dan kehormatan tentera Islam dan bilangan mereka, kerana kagum dan takut, mereka kehilangan keberanian untuk berperang dan tidak dapat meninggalkan rumah. Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tinggal di kota Tabuk selama 20 hari dan kemudian kembali ke Madinah. Kota Tabuk dan beberapa kawasan sekitarnya adalah milik kerajaan Islam.¹

Sayidina Abu Bakar As-Siddiq رَضِيَ اللهُ عَنْهُ sebagai Pemimpin Haji

Pada tahun ke-9 hijrah, pada bulan Zulkaedah, selepas pulang dari Perang Tabuk, Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menghantar kafilah seramai 300 orang Islam ke kota Mekah untuk menunaikan haji. Sayidina Abu Bakar As-Siddiq رَضِيَ اللهُ عَنْهُ dilantik sebagai pemimpin Haji, Sayidina Ali رَضِيَ اللهُ عَنْهُ sebagai Naqeeb Islam, dan Sayidina Saad Bin Abi Waqas رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, Sayidina Jabir Bin Abdullah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ dan Sayidina Abu Hurairah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ dilantik sebagai penyelia.

¹ Madarij un Nubuwwah, jilid. 2, m.s. 349, dirangkum

Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ juga menghantar dua puluh ekor unta menggunakan wangnya sendiri untuk dikorbankan. Sayidina Abu Bakar As- Siddiq رَضِيَ اللهُ عَنْهُ menyampaikan khutbah di tempat suci sekitar Kaabah serta di Arafah dan Mina. Sayidina Ali رَضِيَ اللهُ عَنْهُ berdiri dan membaca empat puluh ayat Surah Al Bara`ah dan mengumumkan: “Mulai sekarang, tidak ada orang musyrik yang boleh masuk ke Kaabah dan tidak seorang pun boleh melakukan Tawaf dengan telanjang.¹ Setelah empat bulan, perlindungan untuk orang-orang kafir dan musyrik akan berakhir.”

Sayidina Abu Hurairah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ dan para sahabat yang diberkati رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ membuat pengumuman itu dengan lantang sehingga suara mereka serak. Selepas pengumuman itu, orang ramai berpusu-pusu datang dan memeluk agama Islam.

Kedatangan delegasi (perwakilan)

Tahun ke-9 Hijrah dikenal juga dengan tahun delegasi (Wufood). 'Wufood' ialah jamak dari kata 'Wafd' dalam bahasa Arab. 'Wafd' ialah kumpulan lebih daripada seorang. Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan menghantar pendakwah ke mana-mana untuk menyebarkan Islam. Seseengah orang akan memeluk Islam selepas menerima seruan kepada Islam daripada pendakwah ini, manakala sebahagian suku lain ingin pergi terus kepada Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ untuk melihat betapa indahny kenabian dan menyatakan Islam mereka.

¹ Sharh al-Zurqaani 'ala-al-Mawahib, jilid. 4, m.s. 115-116, dirangkum & Bukhari, jilid. 3, m.s. 128, Hadis 4363

Oleh itu, sebahagian orang akan datang ke kota Madinah sebagai wakil bagi suku mereka dan akan memeluk Islam setelah mendengar risalah ajakan memeluk Islam daripada Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ. Kemudian mereka akan kembali kepada suku mereka dan mengajak mereka menjadi orang Islam.

Delegasi(perwakilan) sedemikian telah datang ke kota Madinah pada masa yang berbeza, tetapi selepas penaklukan kota Mekah, bendera Islam telah dinaikkan di seluruh Semenanjung Arab.

Sebab banyaknya Delegasi (perwakilan)

Banyak suku telah menerima kebenaran tentang Islam, tetapi mereka tidak dapat memeluk Islam kerana ketakutan dan tekanan daripada kafir Quraisy. Penaklukan kota Mekah menghilangkan halangan ini. Kini, ajaran Islam dan wahyu al-Quran menguasai semua hati sehingga mereka yang sebelum ini tidak tahan mendengar apa-apa tentang Islam mula mengorbankan diri di hadapan Nabi yang dikasihi dan diberkati Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

Kagum dengan ajaran dan watak Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, orang-orang ini kini datang kepadanya dalam jumlah yang besar dari seluruh dunia sebagai perwakilan untuk memeluk Islam dan dinobatkan dengan penghormatan sebagai salah seorang sahabatnya yang diberkati, dengan itu mereka mencapai kebahagiaan sejati.

Pada tahun ke-9 Hijrah setelah penaklukan kota Mekah, banyak delegasi(perwakilan) yang datang sehingga pada tahun itu dinamakan 'سَنَةُ الْوُفُودِ' iaitu tahun delegasi(perwakilan). Menurut satu pendapat,

kira-kira enam puluh perwakilan datang menemui Nabi Muhammad ﷺ pada tahun itu.

Baginda ﷺ akan membuat persiapan khas untuk menyambut dan bertemu delegasi(perwakilan) suku. Bagi setiap delegasi, baginda ﷺ akan datang dengan pakaian yang sangat bagus dan duduk bersandar pada tiang di Masjid Al Nabawi untuk menemui mereka. Kemudian, baginda ﷺ akan berbual riang dengan setiap delegasi dan mendidik mereka tentang akidah dan perintah Islam yang penting. Baginda ﷺ akan menerima tetamu di rumah terbaik, mengekalkan layanan khusus kepada mereka, dan juga akan memberi hadiah kepada setiap delegasi.

Delegasi(perwakilan) dari Kindah

Salah satu delegasi tersebut ialah delegasi Kindah. Mereka ini tinggal di sekitar Yaman. Tujuh puluh hingga lapan puluh orang dari suku ini datang ke kota Madinah dengan kemegahan yang besar. Dengan rambut yang disikat, jubah sutera, dan senjata menghiasi tubuh mereka, mereka memasuki kota Madinah. Apabila orang-orang ini datang kepada Nabi Muhammad ﷺ, baginda ﷺ bertanya: “Apakah kalian sudah memeluk Islam?”

Semua orang menjawab ya. Baginda ﷺ berkata: “Lalu, mengapa kalian memakai pakaian sutera?” Sebaik sahaja mereka mendengar ini, mereka menanggalkan jubah sutera mereka dan juga mengoyakkan sutera dari pakaian mereka.

Delegasi(perwakilan) dari Fazarah

Salah satu perwakilan yang datang ialah delegasi Fazarah. Ia adalah delegasi seramai dua puluh orang. Mereka datang dan mengumumkan bahawa mereka telah memeluk Islam dan berkata kepada Nabi Muhammad ﷺ: “Terdapat kebuluran yang teruk di kawasan kami. Kini, kami tidak tahan menghadapi kemiskinan dan kelaparan. Tolong doakan supaya hujan turun.”

Rasulullah ﷺ berdoa di atas mimbar pada hari Jumaat. Hujan turun secara berterusan selama seminggu penuh. Pada hari Jumaat berikutnya, ketika Rasulullah ﷺ sedang menyampaikan khutbah, seorang penduduk kampung Arab dengan rendah hati berkata: “Wahai Rasulullah ﷺ! Oleh kerana hujan lebat, ternakan kami mula mati; ahli keluarga kami resah kerana kelaparan dan semua jalan ditutup. Tolong doakan agar hujan ini turun di atas gunung dan bukan di ladang.”

Nabi Tercinta ﷺ kemudian berdoa. Ketika Baginda ﷺ berdoa, awan bergerak menjauhi kota Madinah. Dengan itu, matahari muncul di kota Madinah selepas lapan hari.

Delegasi(perwakilan) dari suku Saad Bin Bakar

Salah satu delegasi datang bersama Sayidina Damam Bin Tha’labah رضى الله عنه, ketua suku Saad Bin Bakar. Dia seorang lelaki yang sangat kacak dengan kulit kemerah-merahan dan rambut panjang. Dia datang kepada Rasulullah ﷺ dan berkata: “Wahai putera Abdul Muttalib! Saya akan bertanya kepada kamu soalan tentang

beberapa perkara dan saya akan tegas dalam soalan tersebut. Jangan berasa tidak senang dengan saya.”

Nabi tercinta Muhammad ﷺ menjawab: “Apa sahaja yang kamu mahu, kamu boleh meminta daripada saya.” Kemudian berlaku perbualan seperti ini:

Damam bin Tha'labah: Dengan bersumpah kepada Tuhan Yang Maha Esa dan Tuhanmu dan Tuhan sekalian manusia, saya bertanya: Adakah Allah ﷻ mengutus kamu kepada kami sesudah menjadikan kamu utusan-Nya?

Nabi Muhammad ﷺ: Ya.

Damam bin Tha'labah: Demi Allah ﷻ, saya bertanya: Adakah Allah ﷻ mewajibkan solat, puasa, haji, dan zakat kepada kami?

Nabi Muhammad ﷺ: Ya.

Damam Bin Tha'labah: Apa sahaja yang kamu katakan, saya yakin dengannya dan saya Damam Bin Tha'labah, suku saya telah mengutus saya kepada kamu supaya saya dapat memahami agamamu dengan baik dan kemudian menyampaikan risalah Islam kepada suku saya, Bani Saad bin Bakar.

Dia kemudian sampai ke kampung halamannya dan mengumpulkan semua orang dari sukunya. Mula-mula, dia mengutuk berhala-berhala dan kemudian menyampaikan ucapan yang sangat baik tentang kebenaran Islam sehingga semua lelaki dan wanita dalam suku itu memeluk Islam seketika itu juga. Mereka memusnahkan berhala-berhala itu dengan tangan mereka sendiri, membina masjid, dan

menjadi orang-orang yang beriman dan beramal dengan syariat Islam.

Ramai perwakilan lain turut datang menemui Nabi Muhammad ﷺ dan memeluk Islam.

Haji Perpisahan (Haji Wada')

Peristiwa terpenting dalam tahun ke-10 selepas hijrah ialah Haji Perpisahan. Ia adalah haji terakhir Nabi Muhammad ﷺ. Orang ramai melihatnya menunaikan haji sepenuhnya. Pada bulan Zulkaedah, baginda ﷺ mengumumkan bahawa baginda akan berangkat haji. Semasa haji ini, baginda ﷺ menyampaikan khutbah perpisahan yang terkenal.

Ketika Rasulullah ﷺ mengumumkan bahawa baginda akan menunaikan haji, kira-kira 124,000 umatnya berkumpul di sekelilingnya. Baginda ﷺ juga menunjukkan keterbukaannya kepada dunia semasa haji ini ketika dekat Jamarat, baginda ﷺ berkata: “Pelajari hukum haji daripadaku! Mungkin setelah ini, aku tidak akan menunaikan ibadah haji lagi.”

Baginda ﷺ bertolak dari Madinah pada hari Khamis terakhir bulan Zulkaedah dan sampai ke Zulhulaifah, iaitu Miqat penduduk kota Madinah, di mana baginda ﷺ memakai Ihram, dan kemudian memasuki kota Mekah pada 4 Zulhijah.

Baginda ﷺ melakukan Tawaf, melakukan solat sunat di Maqam Ibrahim, dan melakukan Sai di Safa dan Marwah. Kemudian, pada 8 Zulhijah, baginda ﷺ pergi ke Mina, dan pada tarikh

9, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ pergi ke Arafah, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tinggal di dalam khemah. Apabila matahari melalui meridian (tengah hari), baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menunggang unta betinanya, 'Qaswa', dan menyampaikan khutbah.

Dalam khutbah ini, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mengumumkan ramai pemimpin yang diperlukan dan juga mengumumkan pemansuhan semua jenayah dan adat pantang larang di zaman jahiliah.

Khutbah Perpisahan

Berikut adalah beberapa perkara penting dari khutbah terakhir:

- ❖ Tuhanmu adalah Esa dan Tuhan nenek moyangmu (Sayidina Adam عَلَيْهِ السَّلَام) adalah Esa. Tiada orang Arab yang lebih tinggi daripada orang bukan Arab dan tiada orang bukan Arab yang lebih tinggi daripada orang Arab; tiada orang kulit putih yang lebih tinggi daripada orang kulit hitam, dan tiada orang kulit hitam yang lebih tinggi daripada orang kulit putih, kecuali kerana ketakwaan.
- ❖ Semua manusia adalah keturunan Adam, dan Adam diperbuat dari tanah liat. Sekarang, semua pengakuan atas keunggulan dan kelebihan, semua tuntutan darah dan wang, dan semua balas dendam berada di bawah kakiku.
- ❖ Wahai manusia! Setiap orang Islam adalah saudara kepada orang Islam yang lain dan semua orang Islam adalah saudara antara satu sama lain.

- ❖ Tidaklah patut bagi sesiapa pun untuk mengambil apa-apa daripada saudaranya, kecuali apa yang dipersetujui dan diberikan oleh saudaranya dengan senang hati. Wahai manusia! Jangan melakukan kezaliman kepada diri sendiri dan orang lain.
- ❖ Seperti yang anda anggap bulan ini, hari ini, kota ini sebagai sesuatu yang suci, maka anggaplah nyawa dan harta setiap orang Islam sebagai amanah yang suci sehingga hari kiamat.
- ❖ Wahai manusia! layanilah wanita dengan baik!
- ❖ Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ kemudian bersabda: “Apabila Allah عَزَّوَجَلَّ bertanya kepadamu tentang aku, maka apakah yang akan kamu katakan?” Para sahabat yang diberkati dengan rendah hati berkata: “Engkau telah menyampaikan risalah Allah عَزَّوَجَلَّ dan memenuhi hak kenabian.” Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mengangkat jarinya yang diberkati ke arah langit dan berkata tiga kali: “Ya Allah عَزَّوَجَلَّ! Jadilah saksi.” Setelah itu, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ diberi pengesahan tentang kesempurnaan agama melalui wahyu Allah عَزَّوَجَلَّ, dan kemudian baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآLِهِ وَسَلَّمَ menyelesaikan hajinya.

Kesan Besar Khutbah Perpisahan

Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menyampaikan khutbah ini kira-kira empat belas setengah abad yang lalu. Sungguh mengagumkan semasa baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menyampaikan khutbah ini, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ sedang duduk di pelana unta betina. Ia adalah kemuliaan kesederhanaannya yang luar biasa.

Khutbah ini adalah babak emas dan terang dalam sejarah manusia. Khutbah ini mengandung panduan yang belum pernah berlaku sebelum ini mengenai hak asasi manusia, terutamanya hak wanita, hak hamba, perlindungan nyawa, harta, dan kehormatan, perubahan ekonomi, undang-undang warisan, panduan undang-undang mengenai hutang dan penghutang, dan panduan tentang politik dan agama. Khutbah ini adalah teras kepada semua ajaran Islam dan merupakan manifesto (pengisytiharan pemberitahuan) hak dan kewajiban antarabangsa. Khutbah ini dianggap sebagai perlembagaan dan mesej abadi sehingga hari ini untuk umat Islam. Khutbah ini sama pentingnya hari ini seperti empat belas setengah abad yang lalu. Khutbah ini mengandungi bimbingan yang diperlukan dan kebijaksanaan umat manusia yang jika dilaksanakan oleh manusia akan membawa manusia ke puncak keesdwjayaan.

Pembahagian Rambut yang diberkati

Selain di Arafah, Nabi tercinta Muhammad ﷺ juga menyampaikan khutbah di Mina, dan baginda ﷺ menyebut banyak peraturan dan perintah seperti yang baginda lakukan dalam khutbah di Arafah. Baginda ﷺ kemudian pergi ke tempat penyembelihan, dan daripada seratus ekor unta, baginda ﷺ menyembelih beberapa ekor unta dengan tangannya yang diberkati, kemudian memerintahkan Sayidina Ali رضي الله عنه untuk menyembelih selebihnya. Selepas pengorbanan haiwan, baginda ﷺ kemudian mencukur kepalanya yang diberkati. Baginda ﷺ kemudian memberikan sebahagian rambutnya kepada Sayidina Abu Talhah Al-Ansari رضي الله عنه dan

memerintahkannya untuk mengagihkan rambut yang berbaki kepada umat Islam. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ kemudian pergi ke Telaga Zamzam dan minum air Zamzam, kemudian selepas melakukan Tawaf perpisahan, baginda kembali ke kota Madinah bersama Muhajirin dan Ansar.

Sakit Terakhir dan Kewafatan yang Diberkati

Pada tahun kesebelas selepas hijrah, pada 20 atau 22 Safar, Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ pergi ke Jannatul Baqi pada tengah malam. Ketika baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ pulang dari situ, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mula berasa tidak sihat. Kesihatannya bertambah buruk dalam beberapa hari berikutnya.

Dengan izin semua isterinya yang diberkati, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tinggal di sebuah bilik yang diberkati iaitu bilik Sayidah Aisyah. Ketika baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ berasa sangat lemah, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memerintahkan Sayidina Abu Bakar As-Siddiq رَضِيَ اللهُ عَنْهُ untuk mengimamkan solat di atas sejadahnya. Sayidina Abu Bakar رَضِيَ اللهُ عَنْهُ mengimami tujuh belas solat dalam keadaan ini.

Beberapa saat sebelum kewafatan baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, Sayidina Abdul Rahman bin Abu Bakar رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, saudara Sayidah Aisyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, datang dengan membawa siwak segar di tangannya. Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memandangnya, pandangannya yang diberkati tertumpu pada siwak. Sayidah Aisyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا faham baginda mahukan siwak. Sayidah Aisyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا segera mengambil siwak, melembutkannya dengan giginya, dan meletakkannya di tangan

baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang diberkati, setelah itu, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersiwak.

Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ meninggalkan dunia ini pada hari Isnin bulan Rabiulawal. Mengikuti pendapat yang terkenal, pada 12 Rabiulawal tahun ke-11 selepas hijrah.

Pemergiannya mengejutkan para sahabat. Sesuai dengan wasiat Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, upacara pengebumian baginda dijalankan oleh Ahlul Bait dan ahli keluarganya. Jenazahnya yang diberkati kekal di dalam bilik yang diberkati iaitu bilik Sayidah Aisyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا. Sayidina Abbas رَضِيَ اللهُ عَنْهُ memberikan perincian berikut tentang bagaimana tatacara pengebumian Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dijalankan:

Ketika Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ wafat, yang pertama masuk adalah lelaki dan mereka membaca Selawat dan Salam seorang demi seorang tanpa Imam. Kemudian perempuan-perempuan masuk dan mereka membacakan Selawat dan Salam kepadanya. Kemudian anak-anak masuk dan mereka melakukan perkara yang sama. Kemudian, hamba-hamba dan mereka juga membacakan Selawat dan Salam kepadanya. Tiada seorang pun menjadi Imam (memimpin selawat) ke atasnya.

Pada mulanya terdapat perbezaan pendapat di kalangan sahabat yang diberkati berkenaan di mana Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan dikebumikan. Pada kesempatan ini, Sayidina Abu Bakar As- Siddiq رَضِيَ اللهُ عَنْهُ berkata: “Aku telah mendengar sabda Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bahawa selepas kematian setiap Nabi, mereka akan dikebumikan di mana mereka wafat.” Setelah mendengar Hadis yang diberkati ini, orang ramai mempersiapkan

makam Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ di tempat itu juga (dalam bilik yang diberkati, iaitu bilik Sayidah Aisyah) dan baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dikebumikan di sana. Sayidina Abu Talhah Al-ansari رَضِيَ اللهُ عَنْهُ menyiapkan makam dengan liang di dinding; Sayidina Ali رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, Sayidina Fadl Bin Abbas رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, Sayidina Quthum Bin Abbas رَضِيَ اللهُ عَنْهُ dan Sayidina Abbas رَضِيَ اللهُ عَنْهُ menurunkan jenazah baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang diberkati ke dalam makam yang bercahaya.

Bab Sebelas

Sifat-sifat dan Rupa Nabi Tercinta Muhammad ﷺ yang penuh berkat

Rupa yang Diberkati

Sayidina Anas رضى الله عنه berkata: “Tubuh Rasulullah ﷺ yang diberkati sangat lembut dan halus. Aku tidak pernah melihat sutera yang lebih lembut dan halus daripada tubuhnya yang diberkati. Aku tidak pernah menghidu wangian lain yang lebih harum daripada wangian tubuhnya yang diberkati.¹

Salah satu keistimewaan Nabi Tercinta Muhammad ﷺ adalah bahawa baginda tidak mempunyai bayang-bayang. Bayang-bayangnya tidak muncul di atas tanah di bawah cahaya matahari, cahaya bulan, atau mana-mana cahaya lain.²

Di antara bahunya terdapat tanda kenabian sebesar telur merpati. Baginda ﷺ berketinggian sederhana. Adalah mukjizat baginda ﷺ ketika berpisah dari orang lain, baginda ﷺ akan kelihatan mempunyai ketinggian sederhana (tidak tinggi dan tidak pendek) dan apabila baginda duduk atau berjalan

¹ Bukhari, Kital, Al Munaqib, jilid. 2, m.s..489, Hadits 3561

² Sharh Al Zurqaani Ali Ala Al Mawahib, jilid. 5, m.s. 524 - 525

dengan orang lain, baginda akan kelihatan paling tinggi daripada semuanya.

Kepalanya yang diberkati besar; rambutnya yang diberkati sedikit kerinting (ikal atau beralun); wajahnya yang diberkati adalah cerminan keindahan dari Allah عَزَّوَجَلَّ dan bersinar seperti bulan pada malam keempat belas.¹

Sayidina Anas رَضِيَ اللهُ عَنْهُ menambah lagi: “Warna wajah Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tidak sepenuhnya putih seperti kapur, dan juga tidak putih sedikit, akan tetapi wajahnya yang diberkati merah dan putih serta bersinar.”²

Keningnya yang diberkati memanjang dan nipis dan kelihatan seolah-olah bercantum antara satu sama lain dari jauh. Terdapat urat di antara kening yang akan kelihatan apabila baginda marah. Matanya yang bercahaya besar dan secara semula jadi kelihatan seolah-olah baginda telah menggunakan celak di matanya.³

Adalah satu mukjizat bahawa matanya bercahaya sehingga sama seperti baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ melihat apa yang ada di hadapannya, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ juga akan melihat apa yang ada di belakangnya.

Seperti matanya yang bercahaya, telinganya yang diberkati juga mempunyai kemuliaan yang ajaib. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ pernah bersabda: “Aku melihat apa yang tidak dilihat oleh sesiapa pun di

¹ Sharh Al Zurqaani Ali Ala Al Mawahib, jilid. 5, m.s. 485

² Al Shumai'l Al Muhammadiyah, m.s.15

³ Al Shumai'l Al Muhammadiyah, m.s.19-21

kalangan kalian, dan aku mendengar suara yang tidak didengari oleh sesiapa pun di kalangan kalian.”¹

Dahinya yang diberkati cerah dan lebar. Pipinya yang diberkati lembut, bagus, dan halus. Giginya yang diberkati lebar dan berkilat. Ketika baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bercakap, cahaya akan memancar dari antara dua gigi hadapannya. Ketika baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tersenyum dalam kegelapan, cahaya akan tersebar ke mana-mana.²

Lidahnya yang diberkati adalah saluran wahyu Ilahi dan sangat fasih bercakap. Apabila seseorang yang fasih bercakap mendengar ucapannya, mereka akan terkejut. Suaranya yang diberkati itu indah; kelebihanannya ialah pada masa khutbah, semua orang, baik yang dekat mahupun jauh, akan mendengar dengan baik ucapan sucinya di mana sahaja mereka duduk.³

Tangan baginda yang diberkati sangat lembut, halus, dan berisi. Orang yang berjabat tangan dengannya akan mendapatkan tangan yang harum sepanjang hari.

Kaki baginda yang diberkati lebar dan padat. Sangat lembut dan halus sehingga air tidak melekat padanya. Semasa berjalan, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ meletakkan langkahnya di atas tanah⁴ dengan cara yang bermartabat. Ketika baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ berjalan, kelihatan seperti

¹ Al Khasais Al Kubra Laswati, jilid.1, m.s.104

² Al Shuma'il Al Muhammadiyah, m.s.21,26

³ Syarah Al Zurqaani Al Al Muwahib, jilid. 5, m.s.444, 445

⁴ Al shuma'il Al Muhammadiyah, m.s. 21

baginda sedang turun dari ketinggian. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan mengambil setiap langkah dengan tegas.¹

Makanan kegemaran

Kehidupan Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang penuh keberkatan contoh sempurna kesederhanaan dan ketakwaan. Oleh itu, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ tidak pernah mempedulikan makanan yang lazat. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bahkan tidak pernah makan chapati (sejenis roti) sekali pun sepanjang hidupnya. Namun begitu, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ beradab dari segi makanannya.

Di Arab, terdapat hidangan yang dipanggil 'Hays' yang dibuat dengan mencampurkan minyak sapi (sejenis mentega), keju dan kurma. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ cenderung menyukai makanan ini.²

Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ sangat suka daging, cuka, madu, minyak zaitun, dan labu. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ sering makan kurma dan tepung barli (sejenis gandum). Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ sangat suka air tawar yang sejuk. Kadang-kadang, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ minum susu tulen dan kadang-kadang minum susu yang dicampur dengan air. Apa sahaja yang baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ minum, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan meminumnya dalam tiga tegukan.

¹ Al shuma'il Al Muhammadiyah, m.s. 86

² Sunan Kubra lil-Nasai, jilid. 2, m.s. 114, Hadis 2631

Pakaian kegemaran

Rasulullah ﷺ kebanyakannya memakai pakaian yang terbuat dari kapas(cotton). Baginda ﷺ tidak memakai jenis pakaian tertentu secara berterusan. Jubah,¹ Qaba,² pakaian longgar panjang (gamis), sarung (Izar/kain penutup badan), Hibrarah (jenis kain), syal (selendang/rida), Imamah (serban), dan stokin kulit semuanya mempunyai keistimewaan untuk dipakai oleh baginda. Dari segi warna, baginda ﷺ paling suka warna putih. Mengikut riwayat lain, baginda ﷺ sangat menyukai warna hijau.

Haiwan tunggangan yang diberkati

Nabi Tercinta Muhammad ﷺ sangat suka berkuda. Selain kuda, baginda ﷺ juga menunggang unta, baghal (haiwan yang tegap hasil daripada pengawanan antara kuda dan keldai), dan keldai.

Tabiat dan Adab yang diberkati

Nabi tercinta Muhammad ﷺ adalah luar biasa bukan sahaja dalam rupanya tetapi juga dalam wataknya yang diberkati. Baginda ﷺ akan membantu yang lemah. Baginda ﷺ bukan

¹ Sejenis baju longgar yang lengannya mencapai lengan bawah dan panjang keseluruhan dari dada ke kaki. Umumnya digunakan oleh ulama.

² Sejenis baju yang terbuka dari hadapan dan dipakai di atas pakaian.

sahaja berhati lembut terhadap umatnya sendiri, bahkan terhadap musuh-musuhnya juga. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ sangat rendah hati, dan tidak akan marah atau membalas dendam untuk kepentingan peribadi. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan melawat orang sakit dan menghiburkan orang yang sedih atau berduka. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan melayan orang sama rata, sama ada mereka kaya atau miskin. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan menerima jemputan daripada semua kalangan orang.

Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ suka melakukan kerjanya dengan tangannya sendiri. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ adalah yang paling adil dan paling suci di seluruh alam semesta. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bercakap dengan cara yang jelas dan bermartabat. Terdapat begitu banyak kefasihan dan keindahan dalam ucapannya sehingga jika seseorang ingin mengira kalimatnya, maka dia boleh mengiranya.

Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ sangat rendah hati. Bahkan musuh-musuhnya akan memuji sikap amanah dan kejujurannya. Sikapnya sangat baik sehingga Allah عَزَّوَجَلَّ sendiri berfirman:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٢٠﴾

Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.¹

¹ [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 29, Surah Al Qalam, Ayat 4

Kebajikan dan Perwatakan

Rasulullah ﷺ memegang darjat tertinggi di antara semua Nabi. Keutamaan dan sifat-sifatnya yang tidak terkira banyaknya telah disebutkan dalam Al-Quran dan Hadis yang diberkati. Mari kita baca sebahagian daripadanya:

- ❖ Nabi-nabi lain yang diberkati diutus kepada bangsa atau kaum tertentu, tetapi Nabi Tercinta ﷺ diutus kepada semua manusia, jin dan juga semua malaikat, binatang dan benda mati (rahmat kepada seluruh alam semesta).
- ❖ Sebagaimana wajib bagi manusia untuk mentaati Nabi tercinta ﷺ, demikian pula seluruh makhluk wajib mentaatinya.
- ❖ Baginda ﷺ adalah rahmat bagi malaikat, manusia, jin, haiwan, dan benda mati; pendek kata untuk semua. Lebih-lebih lagi kepada umat Islam, baginda amat menyayangi mereka.
- ❖ Baginda ﷺ adalah Khaatam An Nabiyyin, iaitu Allah عزوجل telah mengakhiri kenabian dengan kedatangannya. Tiada Nabi yang boleh datang pada zamannya atau selepasnya. Sesiapa yang percaya atau menganggap kenabian boleh diberikan kepada seseorang semasa hayatnya ﷺ yang diberkati atau boleh diberikan kepada seseorang selepas baginda ﷺ wafat, maka dia telah kafir.
- ❖ Nabi tercinta ﷺ adalah ciptaan yang terbaik dan terunggul. Sifat-sifat yang dianugerahkan kepada Nabi-nabi yang lain satu persatu dikumpulkan dalam diri baginda ﷺ.

Di samping itu, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dikurniakan sifat-sifat yang tidak dimiliki oleh nabi-nabi lain, tetapi apa sahaja yang dimiliki oleh Nabi-nabi lain, mereka miliki demi baginda, atau lebih tepat lagi, melalui tangan baginda.

- ❖ Salah satu mukjizat yang luar biasa ialah Israk Mikraj. Ketika baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ pergi dari Masjid Al Haram ke Masjid Al Aqsa dan dari sana seterusnya ke tujuh lapisan langit dan ke Arasy, dan bahkan melewati Arasy dalam masa yang singkat pada waktu malam secara fizikal(zahir), di sana, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ mencapai keakraban yang istimewa yang tiada manusia atau malaikat akan pernah mencapainya. Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ melihat keindahan Keagungan Allah عَزَّوَجَلَّ, mendengar firman Allah عَزَّوَجَلَّ secara langsung, dan melihat setiap zarah langit dan bumi dengan matanya yang diberkati.
- ❖ Cinta kepadanya adalah pusat keyakinan (iman); Maksud sebenar Iman ialah mempunyai perasaan cinta kepadanya. Selagi seseorang itu tidak mencintai diri baginda lebih daripada mencintai ibu, bapa, anak-anak dan seluruh dunia, maka dia belum menjadi seorang Muslim sejati.
- ❖ Sesungguhnya, ketaatan kepadanya adalah ketaatan kepada Allah عَزَّوَجَلَّ; pada hakikatnya, ketaatan kepada Allah عَزَّوَجَلَّ adalah mustahil tanpa ketaatan kepadanya. Walaupun seseorang sedang menunaikan solat fardu dan baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ memanggilnya, maka orang itu hendaklah segera menjawab dan datang kepadanya. Tidak kira berapa lama orang itu bercakap dengannya

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ Ketika baginda memanggil, dia tetap dalam solatnya. Ini tidak mengganggu solat.

- ❖ Sebagaimana penghormatan kepada Nabi tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ adalah kewajiban terbesar ketika baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ berada secara fizikal di hadapan mata oleh manusia di dunia, maka ini tetap menjadi kewajiban terbesar hingga ke hari ini. Ketika nama baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ disebut, hendaklah seseorang yang mendengarnya dengan rendah hati dan hati yang tulus membaca selawat sebaik sahaja mendengar namanya yang diberkati.¹
- ❖ Allah عَزَّوَجَلَّ menganugerahkan mukjizat yang tidak terkira banyaknya kepadanya. Mukjizat-mukjizatnya termasuk membelah bulan kepada dua bahagian, membuat matahari terbit semula selepas terbenam, membuat kepingan kayu bersinar seperti mentol lampu, membuat air perigi yang payau menjadi manis dengan air liurnya yang diberkati, membantu orang dari jarak yang jauh, membuat mata air memancar dari jarinya, membuat hujan dengan isyaratnya, bercakap dengan pokok dan batu, menyediakan makanan dan susu untuk memenuhi keperluan ramai orang, pokok-pokok bergerak dan datang memberi salam kepadanya, dan haiwan bercakap kepadanya seperti manusia. Dan Al-Quran juga merupakan salah satu mukjizat terbesarnya.

¹ Bahare Shari'at, jilid.1, m.s. 76, Bahagian 1

Ayat Al Quran dan Kemuliaan Nabi ﷺ

Salah satu aspek yang paling penting dalam kemuliaan Rasulullah ﷺ adalah bahwa Allah ﷻ sendiri telah menyebut martabat dan kemuliaan baginda dalam al-Quran di banyak tempat. Beberapa ayat ini telah disebutkan di bawah:

Perintah untuk memohon ampun ketika berhadapan dengan Nabi Tercinta muhammad ﷺ

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ

تَوَّابًا رَّحِيمًا ﴿٦٤﴾

Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.¹

Khabar Baik berkenaan Kedatangan Rasulullah dan Perintah untuk Beriman kepadanya

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمُ الرَّسُولُ بِالْحَقِّ مِنْ رَبِّكُمْ فَأَمِنُوا خَيْرًا لَكُمْ ط

¹ [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 5, Surah An Nisa, Ayat 64)

Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Allah (Muhammad) dengan membawa kebenaran dari Tuhan kamu, maka berimanlah kamu (kerana yang demikian itu) amatlah baik bagi kamu.¹

Menyatakan Kemuliaan dan Martabat Nabi ﷺ

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا مِمَّا كُنْتُمْ تُخْفُونَ مِنَ
الْكِتَابِ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ ﴿١٥﴾

Wahai ahli kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul kami (Muhammad) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan-keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan dari Kitab Suci, dan ia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkara (yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah Kitab (Al-Quran) yang jelas nyata keterangannya.²

¹ [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 5 Surah An-Nisa, Ayat 170

² [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 6, Surah Al Maa`idah, Ayat 15

Sifat-sifat Nabi Muhammad ﷺ dan Cintanya kepada Umat

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ

رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (yaitu Nabi Muhammad), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman.¹

Peristiwa Israk Mikraj Nabi Muhammad ﷺ dari Masjid Al Haram ke Masjid Al Aqsa

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا

حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنَ الْآيَاتِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١٠١﴾

Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-lharam (di Mekah) ke Masjid Al-aqsa (di Palestin) yang Kami berkati sekelilingnya,

¹ [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 11, Surah At Taubah Ayat 128

*untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*¹

Rahmat Nabi Yang Tercinta Muhammad ﷺ

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٤﴾

*Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.*²

Kenabian Sejagat (merangkumi seluruh dunia) Nabi Muhammad ﷺ

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠٥﴾

*Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).*³

¹ [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 15, Surah Al Isra, Ayat 1

² [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 17, Surah Al Anbiya, Ayat 107

³ [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 22, Surah Al Saba, Ayat 28

Allah عَزَّوَجَلَّ dan Para Malaikat berselawat kepada Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, dan memerintahkan umat Islam untuk berselawat dan mengucapkan salam kepadanya

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

*Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad). Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan sepenuhnya.*¹

Kemuliaan dan Martabat Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ

وَالنَّجْمِ إِذَا هَوَىٰ ﴿١﴾ مَا ضَلَّ صَاحِبُكُمْ وَمَا غَوَىٰ ﴿٢﴾ وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٣﴾ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ﴿٤﴾

Demi bintang semasa ia menjunam, Rakan kamu (Nabi Muhammad yang kamu tuduh dengan berbagai tuduhan itu), tidaklah ia menyeleweng (dari jalan yang benar), dan ia pula tidak sesat (dengan kepercayaan yang salah). Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang

¹ [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 22, Surah Al Ahzaab, Ayat 56

diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.¹

Ungkapan keagungan Nabi Tercinta ﷺ melalui sumpah

وَالضُّحَىٰ وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَىٰ ۗ مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ۗ
 وَالْأُولَىٰ ۗ وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰ ۗ

*Demi waktu dhuha, Dan malam apabila ia sunyi-sepi-, (Bahawa) Tuhanmu (wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu, dan Ia tidak benci (kepadamu, sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik). Dan sesungguhnya kesudahan keadaanmu adalah lebih baik bagimu daripada permulaannya. Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberikanmu (kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat) sehingga engkau redha - berpuas hati.*²

Kurnia Allah ﷻ yang Diberikan kepada Nabi Tercinta Muhammad ﷺ

وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ ۗ

¹ [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 27, Surah An Najm, Ayat 1 - 4

² [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 30, Surah Ad Duha, Ayat 1 - 5

Dan Kami telah meninggikan bagimu: sebutan namamu (dengan mengurniakan pangkat Nabi dan berbagai kemuliaan).¹

Penganugerahan Kebaikan yang Tidak Terkira banyaknya kepadanya

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ۝

Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat).²

Kemuliaan Nabi Berdasarkan Hadis yang diberkati

Dalam hadis yang diberkati, Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ juga menyebut keunggulannya/keistimewaannya sendiri di banyak tempat. Beberapa hadis ini disebutkan di bawah.

Pemimpin Semua Keturunan Adam

Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ telah bersabda:

أَنَا سَيِّدُ وَلَدِ آدَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا فَخْرَ وَبِيَدِي لُؤَاءُ الْحَمْدِ وَلَا فَخْرَ وَمَا مِنْ نَبِيٍّ يَوْمَ

¹ [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 30, Surah Asy syarh, Ayat 4

² [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 30, Surat Al Kausar, Ayat 1

مَسِيذِ آدَمُ فَمَنْ سِوَاهُ إِلَّا تَحْتَ لِيَوَائِي

Aku pemimpin anak cucu Adam pada hari kiamat dan itu bukannya aku membangga-banggakan diri, ditanganku ada liwaul hamd (bendera pujian), dan itu bukannya aku membangga-banggakan diri, dan tidaklah seorang Nabi pun, baik Nabi Adam dan selainnya kecuali mereka berada di bawah benderaku saat itu.

Lima Sifat Rasulullah

Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ bersabda: Aku diberi lima perkara yang tidak diberikan kepada orang lain sebelumku. (1) Aku dibantu dengan ditimbulkan ketakutan kepada musuh dalam jarak perjalanan sebulan. (2) Harta rampasan perang dihalalkan untukku, walaupun tidak halal untuk orang lain sebelum aku. (3) Seluruh bumi telah dijadikan tempat sujud bagiku, dan tanah telah disucikan untukku. Sehingga, jika waktu solat telah masuk untuk salah seorang pengikutku, maka dia mesti solat di mana sahaja dia berada. (4) Syafaat telah diberikan kepadaku. (5) Setiap nabi diutus kepada suatu bangsa atau kaum tertentu, sedangkan aku diutus kepada seluruh manusia.’

Pertama di kalangan para Nabi

Sayidina Abu Hurairah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ pernah berkata bahawa suatu ketika, para sahabat yang diberkati رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ dengan rendah hati berkata kepada Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ: “Wahai Nabiullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ! Tolong beritahu kami, bilakah engkau dikurniakan

dengan kenabian?” Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menjawab: “Aku seorang Nabi pada masa penciptaan Adam di peringkat antara badan dan jiwa.”

Kemuliaan Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dalam Kata-kata Umar

Suatu ketika, Sayidina Umar رَضِيَ اللهُ عَنْهُ menyebut tentang keagungan Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, dengan air mata mengalir dari matanya. Sila baca beberapa petikan ucapan indah beliau:

Wahai Nabiyullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ! ibu dan ayahku menjadi tebusan bagimu! Pada mulanya engkau menyampaikan khutbah di atas batang pokok kurma, kemudian kerana bilangan orang yang bertambah ramai, engkau mula menyampaikan khutbah di atas mimbar. Batang kurma terus menangis kerana terpisah daripadamu sehingga engkau meletakkan tangan yang penuh kasih sayang di atasnya, kemudian ia mendapat ketenangan. Kerana perpisahan denganmu, wajar umatmu menangis lebih kuat.

Wahai Nabiyullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ! ibu dan ayahku menjadi tebusan bagimu! Kedudukan engkau begitu tinggi di hadapan Tuhan sehingga Dia (Allah عَزَّوَجَلَّ) menyatakan bahawa ketaatan kepadamu adalah ketaatan kepada-Nya.

مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ

Sesiapa yang taat kepada Rasulullah (Muhammad), maka sesungguhnya ia telah taat kepada Allah.¹

Sesiapa yang taat kepada Rasul, maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah ﷻ, wahai Nabiullah ﷺ! ibu dan ayahku menjadi tebusan bagimu! Kedudukan engkau begitu tinggi di hadapan Tuhan sehingga Dia (Allah ﷻ) mengutusmu sesudah semua Nabi, tetapi Dia (Allah ﷻ) menyebutmu sebelum semua Nabi. Telah dinyatakan:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِنَ النَّبِيِّينَ مِيثَاقَهُمْ وَمِنْكَ وَمِنْ نُوحٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَمُوسَىٰ وَعِيسَىٰ ابْنِ
مَرْيَمَ ۚ وَأَخَذْنَا مِنْهُم مِّيثَاقًا عَلِيمًا ﴿١٠١﴾

dan (ingatlah) ketika Kami mengambil dari Nabi-nabi (umumnya): perjanjian setia mereka, dan (khususnya) dari engkau sendiri (wahai Muhammad), dan dari Nabi Nuh, dan Nabi Ibrahim, dan Nabi Musa, serta. Nabi Isa ibni Maryam; dan Kami telah mengambil dari mereka: perjanjian setia yang teguh (bagi menyempurnakan apa yang ditugaskan kepada mereka);²

Wahai Nabiullah ﷺ! Ibu dan ayahku menjadi tebusan bagimu! Allah ﷻ memberikan mukjizat kepada Sayidina Musa عَلَيْهِ السَّلَامُ bahawa mata air memancar dari batu (ketika beliau

¹ [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 5, Surah An Nisa, Ayat 80

² [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 21, Surah Al Ahzab Ayat 7

memukulnya dengan tongkatnya), tetapi yang lebih menakjubkan ialah mata air yang memancar dari jari-jarimu yang diberkati.

Wahai Nabiyullah **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ**! Ibu dan ayahku menjadi tebusan bagimu! Allah **عَزَّوَجَلَّ** Yang Maha Kuasa memberi Sayidina Sulaiman **عَلَيْهِ السَّلَام** kawalan ke atas angin yang bertiup pagi dan bertiup petang sama seperti perjalanan sebulan, tetapi binatang kenderaanmu Buraq lebih menakjubkan daripada itu, yang engkau kunjungi ketujuh langit dan pada malam yang sama, serta engkau juga menunaikan solat subuh setelah pulang ke Mekah.

Wahai Nabiyullah **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ**! Ibu dan ayahku menjadi tebusan bagimu! Allah **عَزَّوَجَلَّ** mengurniakan kepada Sayidina Isa **عَلَيْهِ السَّلَام** mukjizat yang dapat membangkitkan orang mati, tetapi yang lebih menakjubkan ialah daging kambing panggang yang beracun bercakap kepadamu dan berkata: “Jangan makan saya kerana racun telah bercampur dalam diri saya.”

Wahai Nabiyullah **صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ**! Ibu dan ayahku menjadi tebusan bagimu! Sayidina Nuh **عَلَيْهِ السَّلَام** berdoa untuk kemusnahan bangsanya dan berkata:

رَّبِّ لَا تَذَرْنِي عَلَى الْأَرْضِ مِنَ الْكَافِرِينَ دَيَّارًا ﴿٦٦﴾

"Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan seorangpun dari orang-orang kafir itu hidup di atas muka bumi!"¹

¹ [Kanzul Iman (terjemahan Al-Quran)] Juz 29, Surah Nuh, Ayat 26

Jika engkau berdoa dengan cara yang sama, kami semua akan musnah, tetapi kasih sayang engkau terhadap kami yang membuatmu terseksa, sakit, dan terluka, tetapi walaupun begitu, engkau tidak berkata apa-apa selain kebaikan. Setiap kali umatmu menyusahkanmu, engkau masih menyebut perkataan yang sama: *اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِقَوْمِي فَإِنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ* “*Ya Allah عَزَّوَجَلَّ! Maafkan umatku kerana mereka tidak tahu tentangku.*”

Wahai Nabiullah *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ*! Ibu dan ayahku menjadi tebusan bagimu! Selepas pengisytiharan kenabian dalam waktu yang singkat, orang ramai beriman kepadamu dan mula mengikuti engkau, sedangkan itu tidak berlaku kepada Sayidina Nuh *عَلَيْهِ السَّلَام*, walaupun beliau hidup lama dan berdakwah untuk masa yang lama. Terdapat ramai orang yang beriman kepadamu sepanjang hayat engkau, sedangkan jumlah orang yang beriman kepada Sayidina Nuh *عَلَيْهِ السَّلَام* adalah sangat sedikit.¹

¹ Al-Madkhal La bin Al-Haj-ul-Maliki, jilid. 3, m.s. 173, 174, dipilih, diringkaskan

Bab Dua Belas

Keluarga, Kerabat, dan Sahabat Rasulullah¹ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ

Keluarga Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ

Daftar

Gelaran nama Quraisy

Qusay	Zuhrah	Ghalib	Yaqazah
Abdul Daar	Abd Manaf	Luwai	Makhzum
Usman	Wahab	Kaab	Imran
'Abdul 'Uzzaa		Murrah	'Aa`iz

¹ Kolum Keluarga Nabi ini dibuat dengan bantuan pelbagai bahan rujukan; As Sirah An Nabawiyyah karangan Ibnu Hisham jilid.1, Al Mawahib Al Ladunniyah jilid.1, Subul Al Huda war Rashad jilid. 1, dan Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib jilid. 4.

Nenek sebelah ibu, Barrah			Kilab		'Amr		
			Qusai		Nenek sebelah ayah, Fatimah Abdul Muttalib		
Bapa saudara sebelah Ibu			'Abd Manaaf		Bapa saudara sebelah Ayah		
Abd Yaghuth		'Umayr		Aswad	Hasyim	Haarit	Abulhabib
Ibu saudara sebelah Ibu		Abdul Muthalib		Hamzah	Abu Thalib	Abbas	
Fakhita Binti Amr	Fari'ah Binti Wahb	Aaminah	Abdullah	Dirar	Haji	Muqawwim	

		Rasulullah	Abd Al Ka'bah	Ghaidaq	Quthum ¹
			Ibu saudara sebelah ayah		
			Arawa	Safiyyah	Ummu Hakeem
			'Aatikah	Umaymah	Barra

Kerabat (saudara) susuan Nabi Tercinta Muhammad

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ²

Ayah susuan: Harits Bin Abdul 'Uzza

Ibu yang menyusukan: Ibunda Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, Sayidah Aminah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, menyusukan baginda selama 7 hari.

¹ Terdapat perbezaan pendapat mengenai bilangan bapa saudara Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ. Kami telah menyebut semua nama. Ahli biografi bersetuju dengan sembilan nama pertama, manakala tiga yang terakhir telah disebut oleh pengarang Mawahib Al Ladunniyyah dengan merujuk kepada Dhakhaair Al Uqba fee Manaqib Dhawi Al Qura.

² Maklumat ini diambil dari pelbagai bahan rujukan; As Sirah An Nabawiyah karangan Ibn Hisham jilid. 1, Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib jilid. 1, dan perang Subul Al Huda Rashad jilid. 1.

Halimah As-Sa'diyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا – Nabi kita tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menghabiskan sebahagian besar masa penyusuannya dan juga zaman kanak-kanaknya di rumah Halimah As-Sa'diyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا. Ketika beliau datang kepada Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, Baginda Nabi Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menghamparkan selendang kepunyaan baginda untuknya.

Sayidah Ummu Farwa رَضِيَ اللهُ عَنْهَا (seorang wanita dari Bani Saad) – Sayidina Hamzah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ juga menyusu darinya. Oleh itu, beliau juga merupakan saudara susuan Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, serta bapa saudaranya.

Sayidah Tsuwaibah Al-Aslamiyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا – Beliau merupakan hamba Abu Lahab. Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dan Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا sangat menghormatinya. Baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ juga suka memberikan pakaian dan sebagainya, kepad beliau dari Madinah Al Munawwarah.

Dua wanita dari Bani Sulaim – Ketika baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ dibawa ke Bani Saad, wanita-wanita ini mengasuh baginda pada masa itu.

Saudara susuan

Sayidina Hamzah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ,¹ Abu Sufyan bin Harits رَضِيَ اللهُ عَنْهُ,² Abu

¹ Yang merupakan bapa saudara sebelah bapanya dan juga saudara susuan

² Sepupu sebelah bapa Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ; pada mulanya dia menentang Islam, tetapi memeluk Islam di kemudian hari.

Salamah bin Abdul Asad رَضِيَ اللهُ عَنْهُ,¹ Masrooh bin Tsuwaibah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ,²
Hafs bin Harits رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.³

Saudari susuan

Unaysah binti Harits رَضِيَ اللهُ عَنْهُ,⁴ dan Syaimah binti Harits رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.⁵ Yang terakhir ini sangat menjaga Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ pada masa kecilnya. Ketika beliau datang kepada Nabi Tercinta صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ menghamparkan selendang baginda untuknya, dan memberinya hadiah, dan mengucapkan selamat tinggal kepadanya.

Isteri-isteri Nabi Muhammad (Ummahatul Mukminin)⁶

Nama	Berkahwin dengan Nabi	Umur semasa Perkahwinan	Masa yang dihabiskan bersama Nabi	Umur semasa wafat
------	-----------------------	-------------------------	-----------------------------------	-------------------

¹ Beliau adalah salah seorang yang memeluk Islam pada zaman awal. Sayidah Tsuwaibah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا menyusui Sayidina Hamzah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ dan Abu Salamah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ serta Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

² Anak lelaki Thuwaibah yang merupakan ibu susuan Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

³ Abdullah bin Harits, anak lelaki Sayidah Halimah; telah menulis namanya sebagai Damrah.

⁴ Anak perempuan Sayidah Halimah.

⁵ Anak perempuan Sayidah Halimah.

⁶ Maklumat ini diambil dari Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib jilid. 4, Usd Al Ghabah jilid. 7, Subul Al Huda Wal Rashad jilid. 4 dan Al Mukhtasar Al Kabir fi Seerat ar Rasool'.

	Tercinta <i>صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ</i>		Tercinta	
Sayidah Khadijah binti Khuwaylid <i>رَضِيَ اللهُ عَنْهَا</i>	28 tahun sebelum hijrah	40 tahun	25 tahun	65 tahun
Sayidah Saudah binti Zama'ah <i>رَضِيَ اللهُ عَنْهَا</i>	3 tahun sebelum hijrah	-----	14 tahun	-----
Sayidah Aisyah binti Abu Bakar As-Siddiq <i>رَضِيَ اللهُ عَنْهَا</i>	2 tahun sebelum hijrah, dan berangkat ke rumah Baginda pada tarikh 1 Hijriah.	Pada saat berkahwin, berumur 6 tahun dan tinggal serumah dengan baginda, berumur 9 tahun.	10 tahun	65 tahun
Sayidah Hafsa binti Umar Faruq <i>رَضِيَ اللهُ عَنْهَا</i>	3 Hijriah	21 tahun	8 tahun	63 tahun

Sayidah Zainab binti Khuzaymah <i>رضي الله عنها</i>	3 Hijriah	29 tahun	8 bulan	30 tahun
Sayidah Ummu Salamah binti Abu Umayyah <i>رضي الله عنها</i>	4 Hijriah	28 tahun	7 tahun	85 tahun
Sayidah Zainab binti Jahsy <i>رضي الله عنها</i>	5 Hijriah	37 tahun	6 tahun	53 tahun
Sayidah Ummu Habibah binti Abu Sufyan <i>رضي الله عنها</i>	6 Hijriah	32 tahun	5 tahun	69 tahun
Sayidah Juwairiyah binti Harits <i>رضي الله عنها</i>	5 Hijriah	19 tahun	6 tahun	70 tahun

Sayidah Maimunah binti Harits <i>رضي الله عنها¹</i>	7 Hijriah	36 tahun	4 tahun	80 tahun
Sayidah Safiyyah binti Huyay <i>رضي الله عنها</i>	7 Hijriah	16 tahun	4 tahun	59 tahun

Keturunan yang Terberkati

Nama	Kelahiran	Suami	Keturunan	Tarikh wafat	Umur semasa wafat
Sayidina Qasim <i>رضي الله عنه</i>	-----	----- -	----- --	----- ---	----- --

¹ Nama sebenar Sayidah Juwayriyah *رضي الله عنها* dan Sayidah Maymuna *رضي الله عنها* ialah Barrah. Nabi Tercinta *صلى الله عليه وآله وسلم* menukar nama ini. Ayah mereka adalah dua orang yang berbeza, masing-masing mempunyai nama yang sama, Harith.

<p>Sayidah Zainab <small>رضي الله عنها</small></p>	<p>Pada umur 30¹</p>	<p>Abu Al Aas bin Rabi <small>رضي الله عنه</small></p>	<p>Putera: Ali Puteri: Umamah</p>	<p>8 Hijriah</p>	<p>31 tahun</p>
<p>Sayidah Ruqayyah <small>رضي الله عنها</small></p>	<p>Pada umur 33</p>	<p>Pertama; Utbah bin Abu Lahab, kedua; Utsman Al Ghani <small>رضي الله عنه</small></p>	<p>Putera: Abdullah</p>	<p>Ramadan 2 Hijriah</p>	<p>22 tahun</p>
<p>Sayidah Ummu Kulsum <small>رضي الله عنها</small></p>	<p>Pada umur 34</p>	<p>Pertama; Utaibah bin Abu Lahab, kedua; Utsman Al Ghani <small>رضي الله عنه</small></p>	<p>Tidak ada</p>	<p>Ramadan 9 Hijriah</p>	<p>28 tahun</p>

¹ Ini bermakna umur Nabi ﷺ pada masa kelahiran anak tersebut.

<p>Sayidah Fathimah رضي الله عنها</p>	<p>Pada usia 35</p>	<p>Sayidina Ali رضي الله عنه</p>	<p>Putera: Sayidina Hasan رضي الله عنه, Sayidina Husain رضي الله عنه, Sayidina Muhsin رضي الله عنه Puteri: Zainab, Ummu Kulsum, Ruqayah رضي الله عنهم</p>	<p>3 Ramadhan 11 Hijriah</p>	<p>29 tahun</p>
<p>Sayidina Abdullah رضي الله عنه</p>	<p>Selepas Pengisytiharan Kenabian</p>	<p>----- -</p>	<p>----- --</p>	<p>Tahun ke-4 Pengisytiharan Kenabi</p>	<p>Sewaktu kecil</p>

				an	
Sayidina Ibrahim <i>رضي الله عنه</i>	Zulhijjah, 8 Hijriah ¹	----- -	----- --	10 Rabiul Awwal 10 Hijriah	17 atau 18 bulan

Ghazwah (perang) dan Sariyyah (ekspedisi) Nabi Tercinta ﷺ

Dikatakan bahawa jumlah peperangan yang berlaku pada zaman Nabi Muhammad ﷺ ialah 100 peperangan. Kebanyakan peperangan ini adalah peperangan yang tidak perlu mengangkat pedang. Megikut beberapa kajian, di seluruh Ghazwah dan Sariyyah, 181 sahabat yang diberkati menjadi syahid, manakala 202 orang kafir terbunuh. Oleh itu, jumlah orang yang mati di dalamnya ialah 383 orang. Dari sini, menjadi jelas bahawa Ghazwah dan Sariyyah yang berlaku pada zaman Nabi ﷺ adalah untuk mencapai perdamaian dan keamanan. Statistik Ghazwah dan Sariyyah adalah seperti berikut:

¹ Putera ini lahir dari Sayidah Mariyah *رضي الله عنها*. Selain beliau, semua anak-anak Nabi Tercinta ﷺ lahir dari Sayidah Khadijah *رضي الله عنها*.

Nama Peperangan	Umat Islam yang syahid	Orang kafir yang terbunuh
Ghazwah Badar	14	70
Ghazwah Saweeq	02	-
Sariyyah yang mengejar Ka'ab bin Ashraf	-	01
Ghazwah Uhud	70	22
Ghazwah Hamra Al Asad	-	01
Sariyyah Raji'	07	-
Sariyyah dari Bi'r Ma'unah	27	-
Ghazwah Khandaq	06	03
Sariyyah Abdullah bin Ateeq	-	01
Ghazwah Bani Quraydha	-	-
Ghazwah Dhi Qarad	02	01
Ghazwah Bani Mustaliq	01	-

Ghazwah Khaibar	20	02
Ghazwah Wadi Qura	01	-
Ghazwah Mu'tah	11	-
Penaklukan Mekah	03	17
Ghazwah Hunain	04	84
Ghazwah Taif	13	01
Jumlah	181	202

1. Nabi Tercinta Muhammad ﷺ sampai ke Bani Quraidha dengan pasukan tentera untuk menghukum orang Yahudi kerana melanggar perjanjian mereka. Orang Yahudi menjadi jengkel dengan pengepungan itu dan akhirnya menyerah dan berkata bahawa Sayidina Sa'ad bin Mu'adh رَضِيَ اللهُ عَنْهُ harus membuat keputusan tentang mereka. Berdasarkan keputusan Sayyidina Sa'ad رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, orang-orang yang berperang untuk mereka (Yahudi) dibunuh. Dengan cara ini, kematian itu tidak berlaku di medan perang.

Beberapa Benda yang kerap digunakan oleh Nabi Tercinta Muhammad ﷺ¹

Gunting (bernama Jami')

Botol celak (digunakan untuk untuk menyapu celak Itsmid semasa hendak tidur), celak kayu (diperbuat daripada kayu untuk menyapu celak)

Sebuah kayu (bernama Mamshuq)

Perkakas tembaga kuning yang besar (bernama Sa`ah)

Sebuah kotak kecil (Raja Muqawqis menghantarnya sebagai hadiah. Kotak ini selalu dibawa oleh Nabi Tercinta Muhammad ﷺ semasa dalam perjalanan: ia mengandungi lima benda: sikat, botol celak, gunting, siwak, dan cermin).

Bak (perkakas tembaga yang digunakan untuk mencuci pakaian).

Tongkat (kerana itu baginda digelar dengan 'Sahib Al Hirawah')

Katil tenunan tradisional (iaitu di rumah Sayidah Aisyah رضى الله عنها. Dipersembahkan oleh As'ad bin Zurarah dan kakinya diperbuat daripada kayu jati.)

Bantal kulit (diisi dengan kulit pokok kurma)

Tempat tidur kulit (diisi dengan kulit pokok kurma)

¹ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 5, m.s. 93 – 97 dan Tareekhul Khamees, bahagian 2

Mikhdab (dulang besar yang diperbuat daripada batu yang digunakannya صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ untuk berwuduk).

Sebuah cermin (bernama Mudilla)

Sikat (diperbuat daripada gading).

Sandal (diperbuat daripada kulit tidak berbulu dengan dua tali kasut setiap satu untuk diikat).

Kerusi (yang kakinya diperbuat daripada besi atau kayu berwarna gelap).

Tikar (tempat baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ duduk dan makan).

Imamah (serban) (hitam, kelabu, kuning kunyit, putih, merah bergaris, hijau)

Sebuah tikar di mana baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ akan solat pada waktu malam dan duduk pada waktu siang.

Haiwan tunggangan dan Haiwan peliharaan Nabi Tercinta Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ yang lain

Unta betina	Baghal	Keldai
Qaswa, Adba, Jad'a	Duldul	Yafur ¹

Unta

salab	Jamal	Askar	Sahri	Dan masih
-------	-------	-------	-------	-----------

	Ahmar			banyak unta yang namanya kurang dikenali.
--	-------	--	--	---

Ayam jantan putih

Kambing

Sepuluh ekor kambing yang menghasilkan susu; Sayidah Ummu Aiman رضي الله عنها membawa haiwan ternakan itu untuk meragut.

Barakah	Zamzam	Qamar	Warshah	Ujrah	Atraaf
---------	--------	-------	---------	-------	--------

Suqy'a	Atlas	Yaman	Ghawtha atau Ghaytha
--------	-------	-------	----------------------

Dua puluh ekor unta pemberi susu meragut keluar Madinah dan 2 beg kulit besar berisi susu dibawa setiap hari pada waktu malam.¹

Subul Al Huda perang Rashad, Bab tentang Haiwan-haiwan miliknya, jilid. 11, m.s. 419 – 420

¹ Sharh Al Zurqaani 'Ala Al Mawahib, jilid. 5, m.s. 109 - 112

Bab Tiga Belas

Sekilas tentang Biografi Nabi

kalendar Islam	kalendar Gregorian	Peristiwa penting
Tahun kelahiran Rasulullah ﷺ yang diberkati	20-04-571	Dilahirkan pada 12 Rabiulawal di kota Mekah. Meninggalnya ayah baginda 6 bulan sebelum kelahirannya yang diberkati.
tahun ke-2	572	Tinggal bersama Sayidah Halimah As Sadiyyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, bersama dengan suku Bani Saad.
tahun ke-3	573	Kembali ke kota Mekah, tetapi kemudian menetap di suku Bani Saad kerana wabak.
Tahun ke-4	574	Syaq As-Sadr (pembelahan dada) di bani saad dan kembali ke ibundanya
Tahun ke-6	576 - 577	Ibunya, Sayidah Aminah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, meninggal dunia dan dikebumikan di Abwa ketika baginda ﷺ kembali dari kota Madinah bersama

		ibunya dan Ummu Aiman رَضِيَ اللهُ عَنْهَا.
Tahun ke-8	578 - 579	Meninggalnya Abdul Muttalib رَضِيَ اللهُ عَنْهُ (datuk sebelah bapa). Permulaan perwalian bapa saudaranya, Abu Talib.
Tahun ke-9	579 - 580	kebuluran yang teruk di Arab berakhir kerana keberkatannya
Tahun ke-10	581	melakukan perjalanan ke Yaman bersama bapa saudaranya, Zubair رَضِيَ اللهُ عَنْهُ , pada usia 10 tahun.
Tahun ke-12	583	Perjalanan perdagangan pertama ke Syam dengan Abu Talib dan bertemu Buhaira, seorang pendeta.
Tahun ke-14	584 - 585	Turut serta dalam perang Fijar.
Tahun ke-20	589 - 590	Menghadiri Hilful Fudul.
Tahun ke-25	595	Perjalanan perdagangan kedua ke Syam atas permintaan Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا dengan membawa barang-barangnya, dan mengahwininya 3 bulan kemudian.
Tahun ke-30	600	Kelahiran Sayidah Zainab رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, puteri sulung baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

Tahun ke-33	603	Kelahiran Sayidah Ruqayyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, puteri kedua Baginda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.
Tahun ke-35	605	Turut serta dalam pembaikan Kaabah. Menyelesaikan perselisihan mengenai Hajar Al-Aswad. Kelahiran Sayidah Fatimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا.
Tahun ke 1 kenabian	Februari 610	Turunnya wahyu pertama dan diangkat menjadi nabi pada usia empat puluh tahun.
Tahun ke 1 hingga ke 3 kenabian	610 - 613	Berdakwah secara sulit(sembunyi-sembunyi) selama tiga tahun. Perkahwinan puteri baginda, Sayidah Ruqayyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, dengan Sayidina Usman bin Affan رَضِيَ اللهُ عَنْتَهُ.
Tahun ke 4 kenabian	613 - 614	Mula berdakwah secara terang-terangan dan mula mencegah kesyirikan dan penyembahan berhala.
Tahun ke 5 kenabian	615	Memerintahkan umat Islam untuk berhijrah ke Habsyah (Abessinia).
Tahun ke 6 kenabian	616	Sayidina Umar bin Khattab رَضِيَ اللهُ عَنْتَهُ dan Sayidina Hamzah رَضِيَ اللهُ عَنْتَهُ memeluk Islam

Tahun ke 7 kenabian	617	Permulaan boikot terhadap keluarga Bani Hasyim di Syi'b Abi Talib.
Tahun ke 10 kenabian	619 - 620	Berakhirnya boikot di Syi'b Abi Talib.
Tahun ke 10 kenabian	619 - 620	Tahun ini disebut sebagai “Amul Huzni” (tahun kesedihan). Bapa saudaranya, Abu Talib, dan isterinya yang mulia, Sayidah Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, meninggal dunia.
Tahun ke 12 kenabian	Julai 621	Ikrar (sumpah) Aqabah yang pertama berlaku apabila dua belas orang dari kota Madinah memeluk Islam di lembah Mina. Anugerah luar biasa Israk Mikraj.
Tahun ke 13 kenabian	Jun 622	Ikrar (sumpah) Aqabah yang kedua berlaku ketika tujuh puluh dua orang lagi berbaiah kepada baginda di lembah Mina. Pada tahun yang sama pada bulan September, baginda صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ berhijrah ke kota Madinah.
Rabiulawal 1 Hijriah	622	Tiba di Quba. Pembinaan Masjid Quba.

		<p>Melaksanakan Solat Jumaat yang pertama.</p> <p>Memasuki kota Madinah.</p> <p>Membina Masjid Al Nabawi.</p> <p>Mewujudkan persaudaraan di kota Madinah.</p> <p>Permulaan azan dan Iqamah.</p> <p>Perkahwinan baginda dengan Sayidah Aisyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا.</p> <p>Perkahwinan Sayidah Fatimah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا.</p>
<p>2 Hijriah</p>	<p>623 - 624</p>	<p>Perubahan arah Kiblat.</p> <p>Puasa Ramadan diwajibkan.</p> <p>Solat Aidilfitri dan ibadah korban disyariatkan.</p> <p>Perang Badar.</p> <p>Kelahiran sayidina Hasan رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.</p> <p>Wafatnya sayidah Ruqayyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا.</p> <p>Perkahwinan Sayidah Ummu Kalsum رَضِيَ اللهُ عَنْهَا dengan Sayidina Usman bin Affan رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.</p>

<p>Syawal 3 Hijriah</p>	<p>Mac 625</p>	<p>Perang Uhud. Sayidina Hamzah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ syahid.</p>
<p>4 Hijriah</p>	<p>625 - 626</p>	<p>Peristiwa Raji' dan Bi'r Maunah. Perintah untuk 'Solatul Khauf'. Kelahiran sayidina Husain رَضِيَ اللهُ عَنْهُ. Perkahwinan baginda dengan Sayidah Ummu Salamah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا dan Sayidah Zainab binti Jahsy رَضِيَ اللهُ عَنْهَا. Wahyu Qasr Solat dan perintah memakai tudung.</p>
<p>5 Hijriah</p>	<p>626 - 627</p>	<p>Perkahwinan baginda dengan Sayidah Juwayriyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا. Peristiwa perang Khandaq. Peristiwa perang Bani Mustaliq. Kejadian Al-Ifki. Perintah Tayamum diturunkan. Peristiwa perang Bani Quraidhah.</p>
<p>6 Hijriah</p>	<p>628</p>	<p>'Baiatul Ridwan'. Perjanjian Hudaibiyah. Menghantar surat ajakan masuk Islam</p>

		<p>kepada raja-raja.</p> <p>Najashi رَضِيَ اللهُ عَنْهُ yang terhormat, raja Habsyah (Abessinia), memeluk Islam.</p>
7 Hijriah	628 - 629	<p>Peristiwa perang Khaibar dan Perang Zat Al Riqa'.</p> <p>Perkahwinan baginda dengan Sayidah Ummu Habibah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, Sayidah Safiyya رَضِيَ اللهُ عَنْهَا dan Sayidah Maymuna رَضِيَ اللهُ عَنْهَا.</p> <p>Mukjizat matahari muncul semula selepas terbenam.</p> <p>Kelahiran putera baginda, Sayidina Ibrahim رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.</p> <p>Melakukan Qada Umrah.</p>
8 Hijriah	630	<p>Penaklukan kota Mekah.</p> <p>Peristiwa perang Hunain.</p> <p>Peristiwa perang Taif.</p> <p>Peristiwa perang Mu'tah.</p>
9 Hijriah	631	<p>Peristiwa perang Tabuk.</p> <p>Delegasi (perwakilan) yang berbeza datang menemui Nabi Tercinta</p>

		Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.
10 Hijriah	632	<p>Meninggalnya putera baginda, Sayidina Ibrahim رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.</p> <p>Haji Wada' (Perpisahan).</p> <p>Persiapan pasukan Usamah.</p> <p>Wafatnya Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ pada usia 63 tahun pada hari Isnin, tarikh 12 Rabiulawal bertepatan dengan taarikh 12 Jun 632 M (mengikut pendapat lain, ini berlaku pada tarikh 1 Rabiulawal atau 2 Rabiul awal).</p> <p>Pengebumian yang diberkati di bilik Sayidah Aisyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا.</p>

Langkah berhati-hati telah diambil dalam memberikan tarikh yang tepat untuk peristiwa-peristiwa dari biografi Nabi yang mulia صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ, tetapi kemungkinan berlakunya ketidaktepatan masih ada.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ
أَمَّا بَعْدُ فَأَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Cara terbaik untuk mempercantik budi pekerti dan karakter diri kita adalah dengan mencerahkan pikiran kita dengan kisah kehidupan dari Nabi terakhir Allah yaitu Muhammad صلى الله عليه وآله وسلم. Kehidupan suci-Nya adalah sebuah lambang kesempurnaan, dan kita seharusnya berusaha dengan sepenuh hati untuk dapat membentuk kehidupan yang kita jalani berdasarkan teladan-teladannya yang sungguh luar biasa.

Setelah kitab suci Al-Qur'an, sumber utama ilmu Islam berikutnya adalah ucapan, perbuatan, dan ajaran dari Nabi terakhir صلى الله عليه وآله وسلم - kitab suci Al-Qur'an merupakan pedoman hidup yang lengkap, dan bahkan merinci setiap aspek kehidupannya yang penuh berkah, mulai dari kelahiran hingga ia meninggalkan dunia ini. Kisah hidup Nabi terakhir صلى الله عليه وآله وسلم merupakan contoh nyata bagaimana menerapkan secara sempurna ajaran Al-Qur'an. Karya ini berisi ringkasan dari kisah hidup Nabi terakhir صلى الله عليه وآله وسلم, dan sangatlah penting bagi semua orang untuk membaca kisah hidup Beliau. Terlepas dari apapun jalan hidup yang mereka dapatkan dari kesusahan ujian dan cobaan dapat terhapuskan, ketika matahari biografi Nabi terakhir صلى الله عليه وآله وسلم muncul di cakrawala, kita dapat mulai belajar tentang kehidupannya yang penuh berkah



Aalami Madani Markaz, Faizan-e-Madinah,

Mahallah Saudagaran Purani Sabzi Mandi, Karachi, Pakistan

UAN +92 21 111 25 26 92 |    0313-1139278 | Ext: 7213

 www.maktabatulmadinah.com |  feedback@maktabatulmadinah.com